

Jilid IV
Bil. 2



Hari Selasa
23hb Mac, 1982

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KEEMPAT

Fourth Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

**Kematian Allahyarham Y.B. Dato' Haji Embong bin Yahya, Timbalan Menteri
Penerangan [Ruangan 169]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 170]**

USUL-USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
Di-Pertuan Agong [Ruangan 212]**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 237]**

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., B.K.T., P.P.T.
(Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR,
S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL
HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T.,
P.J.K. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam
Sekiatar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K.
(Kedah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M.,
D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N.,
J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAIAH (Dilantik).
- „ DATO CHIN KIM YOONG (Perak).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P.
(Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P.
(Johor).
- „ TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD (Perlis).
- „ DATO' HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S.,
S.M.J. (Dilantik).

Yang Berhormat DR GAN KONG SENG, P.J.K. (Negeri Sembilan).

- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N. (Trengganu).
- „ DATO SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K., (Pulau Pinang).
- „ DATO' ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ DATO' HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S. (Johor).
- „ DATUK JAMES WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ DATO' KAM WOON WAH, D.I.M.P., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH (Sarawak).
- „ DATUK KHOO KAY POR (Pulau Pinang).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TUAN LEE JONG KI (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ DATO' HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN M. MUTHU PALANIAPPAN, A.M.N., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).

- Yang Berhormat DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M.
(Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I.,
J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN RAGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T.
(Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S.,
D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO' SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I.,
P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN HAJI TUAN YAACOB BIN HAJI ENSKU YUNUS, P.P.N.
(Kelantan).
- „ DATO YAP PENG *alias* Yap Piang Tau (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Selasa, 23hb Mac, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

**PENGUMUMAN YANG
DI-PERTUA**

**KEMATIAN ALLAHYARHAM Y.B.
DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA,
TIMBALAN MENTERI PENERANGAN**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan sedih saya memaklumkan iaitu kita telah kehilangan seorang Timbalan Menteri berikutan dengan kematian Allahyarham Yang Berhormat Dato' Haji Embong bin Yahya, Timbalan Menteri Penerangan pada pagi hari ini. Pihak Parlimen telah pun mengutus kawat takziah kepada keluarganya.

Sekarang saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun bersama saya bertafakkur selama satu minit bagi menghormati Allahyarham Yang Berhormat Dato' Haji Embong bin Yahya, dan bagi orang-orang yang beragama Islam diminta menghadihkan Fatihah seberapa yang ikhlas ke atas roh Allahyarham itu.

(Majlis bertafakkur selama 1 minit dan yang beragama Islam menghadihkan Fatihah)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**KAKITANGAN
KERAJAAN/PERBADANAN
TERLIBAT DENGAN KES RASUAH**

1. Puan Hasnah binti Md. Kassim minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramaikah kakitangan Kerajaan/Perbadanan yang bertaraf divisyen satu, dua dan tiga yang terlibat dengan kes rasuah dan yang telah dikenakan hukuman yang bersabit dengan kes tersebut.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 1978 hingga 1982 jumlah pegawai-pegawai Kerajaan dan Perbadanan Kerajaan yang terlibat (ditangkap) dengan kes rasuah dan yang dikenakan hukuman mengikut kumpulan adalah seperti berikut:

	<i>Kumpulan</i>	<i>Bilangan Ditangkap</i>	<i>Bilangan di- kena hukuman</i>
(a)	A	40 orang	7 orang
(b)	B	33 orang	9 orang
(c)	C	252 orang	64 orang

Puan Hasnah binti Md. Kasim: Adakah perkara-perkara yang terlibat dengan kes yang tersebut dikecualikan, ataupun dengan lain-lain perkataan tidak dibawa ke muka pengadilan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada.

BIRO SIASATAN NEGARA (BSN)

2. **Tuan V.V. Aboo** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau berpuashati dengan perjalanan dan kemajuan Biro Siasatan Negara (B.S.N.) dan sama ada tindakan yang diambil oleh B.S.N. mengenai pungutan derma oleh sebuah Kelab Sukan Jabatan Kerajaan di Negeri Sembilan baru-baru ini wajar.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Kerajaan adalah berpuashati dengan prestasi Biro Siasatan Negara dalam mengendalikan kes-kes rasuah pada masa sekarang, malahan Biro Siasatan Negara telah dan sedang bergerak dengan lebih aktif di seluruh negara melalui aktiviti-aktiviti pencegahan dan siasatan yang mana telah menghasilkan tangkapan beberapa orang dan kumpulan tertentu yang disyaki menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri mereka sendiri.

Kerajaan akan terus meningkatkan lagi kemampuan BSN dan satu daripada langkah-langkah ialah dengan mengadakan perubahan kepada organisasinya. Kerajaan bercadang untuk menukarkan nama Biro itu kepada nama asalnya iaitu Badan Pencegah Rasuah untuk mencerminkan dengan lebih tepat peranan Biro itu sebagai sebuah institusi yang dipertanggungjawabkan mencegah perbuatan rasuah. Satu Rang Undang-undang akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini berhubung dengan penukaran nama itu di persidangan sekarang.

Mengenai tindakan BSN berhubung dengan pungutan wang derma yang dikelolakan oleh Kelab Sukan Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan baru-baru ini, saya berpendapat bahawa BSN telah menjalankan tugasnya sejajar dengan kehendak Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 19 Tahun 1969, yang dikeluarkan pada bulan Oktober, 1969, menegah Jabatan Kerajaan mengutip derma dari firma-firma atau orang-orang perseorangan untuk membiayai kegiatan sukan masing-masing.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab badan BSN ini sangat penting sekarang bagi Kerajaan kita supaya semua pegawai dan semua pentadbiran Kerajaan kita bersih, cekap dan licin, saya suka bertanya, setakat ini berapa ramai ahli-ahli BSN di seluruh tanahair kita ini.

Yang kedua, ahli-ahli BSN dalam negara kita ini adakah mendapat latihan daripada Jepun, Korea ataupun dihantar ke Amerika oleh sebab kecekapan BSN dan kehandalan mereka menangkap dan menjauhkan rasuah itu amat penting, bolehkah Yang Amat Berhormat memberi penerangan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, untuk bahagian pertama, saya memerlukan notis kerana ini adalah satu soalan berkenaan dengan bilangan yang mana saya tidak ada maklumat di sini.

Berkenaan dengan latihan mereka, mereka memang mendapat latihan secara umum daripada punca-punca tertentu tetapi setakat yang saya tahu mereka tidak dihantar ke Korea ataupun negeri Jepun.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir: Tuan Yang di-Pertua, saya dengar tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut nama yang telah ditukar kepada Badan Pencegah Rasuah. Boleh tidak kalau saya cadangkan tentang perkataan "Biro" itu kita menggunakan "Biro Pencegah Rasuah".

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa "Badan" itu juga sesuai sebagai satu nama untuk satu badan.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri amatlah tegas di atas surat pekeling berkaitan dengan jabatan Kerajaan. Saya ingin tahu daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada tindakan ataupun langkah-langkah mengeluarkan surat seperti ini kepada syarikat-syarikat kepunyaan Kerajaan secara penuh dan juga ada kelab-kelab sukan di bawah anjuran syarikat-syarikat ini yang juga memungut derma untuk keperluan kelab-kelab sukan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, umumnya kita tidak membenarkan kelab-kelab sukan dan pegawai-pegawai Kerajaan meminta derma daripada mana-mana pihak termasuklah badan-badan yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan—tidak ada yang dikecualikan daripada peraturan ini.

JEPUN/KOREA SELATAN— MENCANTOHI CARA KERJA

3. Datuk Choo Ching Hwa minta Perdana Menteri menyatakan langkah positif yang akan diambil untuk menggalakkan rakyat Malaysia beralih ke Timur supaya belajar hal yang baik dari Jepun dan Korea Selatan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah tertarik hati untuk mencontohi negeri Jepun dan Korea Selatan dalam beberapa aspek-aspek yang tertentu. Di negeri Jepun kita ingin mencontohi sifat-sifat pendekatan teknikal dan saintifik dalam bidang pelajaran dan teknologi.

Etika bekerja yang diamalkan oleh pekerja-pekerja di negara tersebut dan pembangunan industri berat dan separuh berat. Dari Korea Selatan pula kita adalah tertarik dengan teknologi pembinaan dan penyusunan semula sistem pertanian dan juga pembangunan industri-industri kecil.

Buat masa ini penyerapan dan pertukaran aspek-aspek teknologi yang tinggi di dalam bidang industri berat secara sistematik di antara Malaysia dengan negeri Jepun dan Korea sedang diusahakan iaitu melalui beberapa projek pembangunan sama ada oleh pihak Kerajaan sendiri ataupun oleh pihak swasta. Di samping itu sebagai satu langkah yang positif Kerajaan sedang merancang untuk menghantar penuntut-penuntut untuk mengikuti latihan kemahiran dalam bidang teknikal dan pengurusan yang tertentu.

Selama ini kita terlalu bergantung kepada pemindahan teknologi daripada barat. Kita telah menghantar beribu-ribu warganegara untuk belajar dan menuntut ilmu di barat. Mereka ini telah terdedah kepada berbagai pengaruh dan nilai-nilai kebudayaan barat. Untuk mengimbangkan keadaan, saya fikir elok juga kita menoleh ke timur kerana

kemajuan teknologi di negara-negara seperti Jepun dan Korea Selatan tidak kurang tingginya.

Sebenarnya saya begitu tertarik hati dengan pendekatan orang-orang Jepun dan Korea Selatan terhadap pekerjaan. Orang-orang Jepun khasnya mempunyai Etika bekerja yang berlandaskan nilai-nilai yang tinggi terhadap sesuatu pekerjaan seperti semangat bekerja mereka yang bersungguh-sungguh dan penuh commitment. Ini mengeluarkan hasil kerja (productivity) yang tinggi yang menguntungkan negara.

Harapan saya ialah dengan mencontohi cara bekerja orang-orang Jepun dan Korea Selatan dan menyerapkan teknologi negara-negara itu, negara kita akan terus maju dalam bidang pembangunan teknologi di samping mengekalkan sifat dan nilai-nilai kita sendiri yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Hajjah Fatimah binti Haji Salim.

Puan Rahmah binti Othman: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 4.

“ZONING” LALULINTAS DI KUALA LUMPUR

4. Puan Rahmah binti Othman (*di bawah S. O. 23(2)*) minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilakah “zoning” lalulintas akan dimulakan di Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Idris bin Abdul Rauf): Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas tentang apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dengan “zoning” lalulintas dalam soalan ini. Perlu dijelaskan bahawa tidak ada rancangan mengadakan skim zon lalulintas seperti yang disebutkan di Kuala Lumpur. Hanya yang terdapat sekarang adalah rancangan untuk melaksanakan skim kawasan jalan-jalan yang dikenakan bayaran (area road pricing scheme). Jika skim ini dimaksudkan oleh Yang Berhormat, sukalah saya memaklumkan bahawa rancangan ini telah pun ditangguhkan.

AKAD NIKAH OLEH ORANG PARTI KERAJAAN

5. Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada segolongan orang Islam menyebarkan ajaran iaitu akad nikah yang dilakukan oleh orang dari Parti Kerajaan adalah tidak sah, menjadi iman dalam sembahyang tidak boleh diikuti dan sembelihnya haram dimakan. Jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil supaya umat Islam khususnya yang tinggal di desa-desa tidak berpecah-belah keadaan mereka dalam negara ini.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar memang ada terdapat segolongan kecil orang Islam yang menyebarkan pendapat sepertimana kata Ahli Yang Berhormat itu. Perkara ini terjadi disebabkan perbezaan ideologi politik di antara satu sama lain, dan adanya pihak-pihak yang menyalahgunakan agama untuk kepentingan politik mereka. Jika perbuatan ini mengancam ketenteraman dan ada bukti yang cukup Kerajaan boleh bertindak.

KERETAPI—PENGGUNAAN PINTU LALULINTAS

6. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada benar bahawa semua pintu (gate) lalulintas keretapi di seluruh negara akan disiapkan dalam tempoh bulan Mac ini dan jika tidak, bilakah pintu-pintu itu akan disiapkan demi keselamatan pengguna-pengguna jalanraya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini semua pintu Lintasanrata Awam Terbuka di seluruh rangkaian Keretapi Tanah Melayu telah pun siap dibina dan ianya akan dapat digunakan sepenuhnya pada penghujung bulan Mac ini.

BAHASA JEPUN/KOREA— PELAJARAN DI SEKOLAH MENENGAH

7. Dato' Yap Peng minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan bahawa Kerajaan kita sekarang menggalakkan penuntut-penuntut pergi ke Korea dan Jepun sama ada satu rancangan khas akan diadakan untuk memberi pelajaran Bahasa Korea dan Jepun di sekolah-sekolah menengah.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah mula mengambil tindakan bagi merangka beberapa persediaan untuk menggalakkan penuntut-penuntut pergi belajar di Jepun dan Korea Selatan dalam usaha untuk meningkatkan jumlah golongan tenaga mahir dalam bidang teknik. Pada ketika ini seramai 136 pelajar sedang mengikuti kursus dalam Bahasa Jepun yang diselenggarakan oleh Institut Teknologi MARA.

Di antara langkah-langkah yang telah dipertimbangkan ialah mengadakan rancangan-rancangan khas untuk mempelajari Bahasa Jepun dan Bahasa Korea di peringkat sekolah menengah atas. Sebagai permulaannya enam buah sekolah menengah telah ditentukan untuk memulakan rancangan pengajaran Bahasa Jepun. Pada ketika ini Kementerian Pelajaran sedang berhubung dengan Kedutaan Negara-negara berkenaan yang telah memberi pengakuan untuk membantu kita mendapat tenaga pengajar yang diperlukan di sekolah-sekolah tersebut.

Adalah menjadi hasrat Kementerian Pelajaran di dalam rancangan jangka panjang menjadikan pengajaran Bahasa Jepun dan bahasa-bahasa lain sebagai satu mata pelajaran pilihan ini akan diperluaskan ke beberapa buah sekolah menengah lain secara beransur-ansur dan bergantung kepada beberapa faktor seperti jumlah tenaga pengajar yang dapat disediakan dan sambutan dari kalangan pelajar-pelajar.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka mendengar yang Kerajaan telah menyediakan 6 buah sekolah menengah atas bagi permulaan mempelajari Bahasa Jepun. Bolehkah Yang

Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini nama sekolah-sekolah yang bernasib baik yang dipilih 6 itu dan bolehkah dapat tahu apa sebab 6 sekolah itu dipilih.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, 6 buah sekolah menengah berasrama penuh telah dikenalpasti dan nama-nama sekolah tersebut ialah:

- (1) Maktab Melayu Kuala Kangsar, Perak;
- (2) Sekolah Alam Shah, Selangor;
- (3) Kolej Tengku Kurshiah Seremban, Negeri Sembilan;
- (4) Sekolah Menengah Sains Kedah, Sungai Petani;
- (5) Sekolah Menengah Sains Terengganu, Kuala Terengganu; dan
- (6) Sekolah Menengah Sains Johor, Keluang.

Di antara sebab-sebab sekolah menengah di atas yang saya telah bacakan tadi dipilih untuk memulakan rancangan Bahasa Jepun ini ialah:

- (1) sekolah-sekolah tersebut mempunyai kemudahan-kemudahan yang lebih lengkap daripada sekolah-sekolah lain;
- (2) pelajar-pelajar mereka tinggal di asrama dan ini lebih menyenangkan latihan amali yang amat diperlukan dalam mempelajari bahasa asing; dan
- (3) pelajar-pelajar terdiri dari murid-murid yang terpilih dan dijangka lebih cepat menerima pelajaran yang akan diajar mengenai bahasa itu jika mereka berminat.

STOK SIMPANAN GETAH/BIJIH TIMAH

8. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil memandangkan kebelakangan ini ada kuasa-kuasa besar yang mempermainkan-mainkan stok simpanan getah, bijih timah dan lain-lain hasil utama bumi sebagai alat politik dan ekonomi mereka bagi menindas negara-negara miskin.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa kebelakangan ini ada kuasa-kuasa besar yang mempermainkan stok simpanan untuk mengganggu pasaran bahan-bahan utama di peringkat antarabangsa. Kita tidak boleh menafikan bahawa penjualan stok timah GSA Amerika Syarikat di pasaran dunia telah mengakibatkan kejatuhan harga timah.

Mengikut Perjanjian Timah Antarabangsa Ke-5 sesebuah negara yang ingin menjual timah dari stok penimbal bukan perdagangan hendaklah memikirkan kepentingan pengeluar-pengeluar, pemeroses dan pengguna timah khususnya dari segi gangguan pasaran dan akibat buruk terhadap pelaburan modal dalam mencarigali, peningkatan bekalan serta pertumbuhan sihat industri timah di negara-negara pengeluar. Malangnya, Amerika Syarikat yang menjadi ahli Perjanjian tersebut telah tidak mematuhi peruntukan Perjanjian. Sungguhpun negara-negara pengeluar timah telah membuat rayuan-rayuan, pihak Amerika Syarikat telah meluaskan penjualan timah bukan sahaja dalam negerinya sendiri tetapi juga di pasaran dunia. Sungguhpun penjualan timah dari stok penimbal hak istimewa Amerika Syarikat, adalah tidak patut tindakan ini dibuat semasa dunia menghadapi kemerosotan dan pengeluaran timah berlebihan daripada penggunaan. Negara kita dan negara-negara pengeluar timah lain hanya boleh merayu kepada pihak Amerika Syarikat untuk menggunakan budi bicaranya dalam perkara ini.

Oleh sebab itu Malaysia telah berusaha supaya negara-negara pengeluar timah disatukan untuk mencari jalan bagi melindungi kepentingan dan hak negara-negara pengeluar yang sah bagi menentukan hidup matinya industri timah. Di antara langkah-langkah yang telah dicadangkan ialah:

- (i) pengwujudan pertubuhan negara-negara pengeluar timah;
- (ii) kerjasama rapat dalam pendekatan terhadap pemasaran;

- (iii) mempergiatkan aktiviti penyelidikan dan kemajuan; dan
- (iv) merasionalisasi bekalan atau "supply rationalisation".

Sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat juga sedar, YAB Perdana Menteri Malaysia kita telah mengumumkan bahawa Malaysia akan mengurangkan pengeluaran timah oleh kerana adalah tidak berfaedah untuk mengeluarkan lebih banyak timah bagi pasaran dunia jika harganya tidak berpatutan dengan kos pengeluaran dan tidak memberi pulangan yang wajar kepada industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada perbincangan-perbincangan yang telah diadakan di dalam negeri dan juga dengan rakan-rakan sejawat saya di negara-negara pengeluar-pengeluar timah ASEAN, saya yakin bahawa melalui kerjasama di antara negara-negara pengeluar khususnya negara ASEAN, kita boleh mewujudkan kestabilan pasaran timah serta menggalakkan kemajuannya di peringkat antarabangsa dalam jangka panjang bagi industri timah yang akhirnya memberi faedah kepada negara-negara yang berkenaan.

Sungguhpun begitu Kerajaan masih lagi berpegang teguh kepada Perjanjian Timah Antarabangsa sebagai salah satu usaha bagi menstabilkan harga timah. Seperti saya telah maktumkan kepada Dewan ini semalam ketika menjawab satu soalan dari Yang Berhormat Tuan S. I. Rajah, Majlis Timah Antarabangsa telah pun memanggil sumbangan tambahan dari negara-negara pengeluar dan ahli-ahli lain dalam Perjanjian tersebut untuk memulakan operasi stok penimbalnya bagi mempertahankan harga timah. Seperti saya nyatakan juga, pelaksanaan pengawalan eksport timah adalah diperlui untuk mengurangkan lebihan di pasaran timah dan saya berharap Majlis Timah Antarabangsa akan menimbangkan perkara ini dengan segera.

PESAKIT JANTUNG—RAWATAN

9. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah bilangan pesakit jantung yang mendaftar untuk mendapat rawatan segera, jumlah

perbelanjaan tiap-tiap seorang pesakit dan dari manakah punca kewangan bagi rawatan tersebut.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaktumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pada kebiasaannya terdapat lebih kurang 10 hingga 12 pesakit dalam senarai menunggu di Hospital Besar, Kuala Lumpur yang memerlukan rawatan di luar negeri.

Anggaran perbelanjaan bagi setiap pesakit untuk rawatan pembedahan di luar negeri adalah seperti berikut:

Singapura \$12,000

Filipina \$10,000 sampai \$15,000

New Zealand atau Australia lebih kurang \$20,000

United Kingdom dari \$20,000 hingga \$40,000

Amerika Syarikat lebih kurang \$30,000.

Pesakit-pesakit yang dibiayai oleh Kerajaan adalah dibayar oleh Kerajaan mengikut peruntukan-peruntukan dalam Perintah Am. Pesakit-pesakit lain adalah dibiayai oleh pihak persendirian, penderma-penderma awam ataupun badan-badan sukarela.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan boleh menimbangkan supaya memperuntukkan satu tabung, umpamanya, \$1 juta kemudian disusuli oleh orang ramai bagi menderma tabung itu untuk membiayai pesakit-pesakit jantung apabila dihantar ke luar negeri untuk pembedahan jantung sebagaimana Kerajaan memberi \$1 juta kepada Persatuan Perajurit. Bolehkah Kerajaan menimbangkan demikian?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berfikir bahawa adalah lebih sesuai atau wajar untuk Kerajaan mewujudkan dan meningkatkan satu perkhidmatan untuk rawatan pesakit-pesakit jantung di hospital-hospital negara kita dan juga memikul beban tentang pekerja-pekerja atau pegawai-pegawainya sendiri serta tanggungan mereka.

Tentang perbelanjaan bagi orang-orang swasta, jika mereka dapat menggunakan perkhidmatan di Hospital Besar, Kuala Lumpur yang sedang diwujudkan itu adalah dirasai ini lebih sesuai tetapi Kerajaan tidak menghalang satu tabung diwujudkan di sektor swasta untuk membiayai sesiapa yang terpaksa pergi juga ke luar negeri.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak dapat tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan bilakah agaknya diadakan wad sakit jantung di Hospital Besar, Kuala Lumpur. Ini banyak kali sudah Menteri menyatakan tetapi kita tidak dapat tahu tahun, tarikh yang sebenarnya. Adakah dalam masa 1-2 tahun atau bilakah dapat dilengkapi dengan secukup menandingi sebagaimana yang ada di Singapura, di Filipina dan di negeri-negeri lain?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memberitahu bahawa adalah diharapkan pembedahan jantung atau cardiothoracic surgery akan dapat dimulakan di Hospital Besar, Kuala Lumpur pada bulan April.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Tahun ini?

Dato' K. Pathmanaban: Tahun ini juga!

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada tambahan yang dibuat oleh saudara saya Yang Berhormat dua orang tadi, saya ingin tahu tadi Yang Berhormat telah mengatakan senarai menunggu dalam keadaan 12 orang lagi. Jadi saya ingin tahu dalam soalan tambahan ini berapa lamakah lagi untuk dirawat bagi orang yang menunggu ini, tidakkah terfikir bahawa benda ini adalah amat perlu sekali untuk disegerakan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya katakan adalah pada setiap masa biasanya ada 10 hingga 12 orang yang menunggu. Ini tidak bermakna bahawa bulan depan jumlah ini tidak akan meningkat dengan kes-kes yang baru. Pada amnya cardiologists di Hospital Besar, Kuala Lumpur yang menguruskan kes-kes ini mencuba untuk menghantar kes-kes yang memerlukan rawatan pada masa yang wajar.

Ada kes-kes yang boleh menunggu sedikit, ada kes-kes yang berkehendakkan pembedahan secara segera dan segalanya diuruskan.

KEJADIAN "SINKHOLES" ATAS KAWASAN LOMBONG

10. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar bahawa akhir-akhir ini banyak kejadian tanah runtuh berlaku di negeri Perak dan sama ada kejadian-kejadian ini berpunca dari kambusan yang tidak sempurna di atas bekas-bekas kawasan lombong yang begitu banyak di negeri Perak dan jika benar sama ada kajian menyeluruh akan dibuat ke atas tapak-tapak lombong tersebut.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kejadian tanah runtuh yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah kejadian "sinkholes" di negeri Perak baru-baru ini. Berkaitan dengan ini suka saya jelaskan bahawa "sinkholes" adalah merupakan suatu kejadian alam semulajadi di mana batu hampar sesuatu kawasan itu ialah batu kapur. Disebabkan proses hakisan dan larutan batu kapur oleh saluran air bawah tanah, rongga dan gua ataupun 'cave in' akan terjadi. Lama-kelamaan, apabila gua ini menjadi besar dan tidak dapat menanggung beban tanah yang berada di atasnya, tanah tersebut akan jatuh dengan mengakibatkan kejadian "sinkholes".

Walau bagaimanapun, Jabatan Penyiasatan Kajibumi sedang mengendalikan penyiasatan yang teliti untuk menentukan sama ada kegiatan melombong juga mengakibatkan kejadian "sinkholes" yang berlaku di negeri Perak. Setakat ini belum ada keputusan-keputusan yang menentukan kejadian "sinkholes" itu disebabkan oleh kegiatan melombong. Penyiasatan ini sedang dilanjutkan dan laporan muktamad dijangka dapat disiapkan pada penghujung bulan ini. Suka juga saya tegaskan di sini bahawa Kementerian saya beserta dengan Jabatan Penyiasatan Kajibumi dan Jabatan Galian sentiasa memandang berat terhadap kejadian-kejadian tanah runtuh sama ada di kawasan perlombongan ataupun di tempat-tempat yang berhampiran dengan rumah kediaman.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bersabit dengan tanah runtuh—tanah perlombongan, terutamanya yang disebutkan dalam soalan ini saya pun menyokong dan menyoal orang Terengganu, Yang Berhormat sahabat saya. Saya sudah soal dahulu. Yang sebenarnya saya hairan macam mana Kementerian Perusahaan Utama membenarkan pelombong-pelombong di dalam negeri ini dekat dengan jalanraya, dekat dengan rumah orang, dekat dengan penduduk-penduduk, dibenarkan orang melombong. Saya bercakap dalam Dewan ini dengan kenyataan, bukan cakap yang tidak ada ingatan—dipertanggungjawabkan, sehingga ada yang dekat benar dengan jalanraya, sehingga ada yang dekat benar dengan rumah penghidupan rakyat terutama rakyat yang miskin. Kita tahu dalam kejadian alam seluruh dunia ini di mana juga kejadian alam boleh berlaku ribut taufan, boleh berlaku tanah runtuh yang boleh menyebabkan kemalangan nyawa dan harta benda. Jadi, saya hendak bertanya apa sebab diberi melombong di tanah-tanah yang berhampiran macam ini iaitu berhampiran dengan jalanraya, dengan rumah-rumah tempat penduduk-penduduk. Mengapa diberi? Bukankah ini membahayakan. Tidakkah ada dalam pengetahuan Kementerian berkenaan bahawa ini membahayakan nyawa dan penduduk-penduduk yang berdekatan dengan kawasan itu?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan itu nampaknya keluar sedikit daripada soalan asal. Namun demikian ingin saya jelaskan bahawa memanglah tidak menjadi niat Kementerian ataupun Kerajaan untuk memberi kawasan perlombongan yang dekat dengan kawasan-kawasan kediaman. Kadangkala kawasan-kawasan kediaman ini diwujudkan selepas kebenaran melombong itu diberi. Sebenarnya keadaan ini adalah keadaan yang agak rumit. Namun demikian, Kementerian saya akan siasat perkara ini sama ada apa yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu benar atau tidak yang Kementerian ataupun Kerajaan dengan sengaja memberi kebenaran untuk pelombong-pelombong melombong kawasan yang dekat dengan jalanraya

ataupun tempat kediaman. Setakat ini sebagaimana yang diketahui oleh pihak Kementerian dan Kerajaan tidaklah menjadi niat untuk memberi permit perlombongan berdekatan dengan kawasan-kawasan yang disebutkan tadi.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Timbalan Menteri menjawab soalan yang dihujung soalan ini, "jika benar sama ada satu kajian menyeluruh akan dibuat ke atas tapak-tapak lombong tersebut." Pada pendapat saya mesti ada satu undang-undang ataupun aturan yang mengatakan bahawa lombong-lombong patut ditinggalkan menyerap (settle) dahulu beberapa tahun baru dibenarkan untuk membina rumah-rumah. Dan juga dalam hal tanah-tanah yang belum menyerap ini sama ada Jabatan Kerajaan mengkaji terlebih dahulu sebelum kebenaran diberi kepada pembangun-pembangun membina rumah-rumah di atas kawasan seperti ini. Terima kasih.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang apa yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat terdahulu dari soalnya, sebenarnya apa yang telah dinyatakan dalam soalan itu iaitu yang paling akhir telah dijawab, yang bermaksud saya baca sekali lagi: "Suka juga saya tegaskan di sini bahawa Kementerian saya beserta dengan Jabatan Penyiasatan Kajibumi dan Jabatan Galian sentiasa memandang berat terhadap kejadian-kejadian tanah runtuh sama ada di kawasan perlombongan ataupun di tempat-tempat yang berhampiran dengan rumah kediaman."

Jadi, mengenai soalan yang kedua, pihak Kementerian saya akan siasat perkara ini. Namun demikian sememangnya kita sentiasa mengkaji sama ada kawasan itu selamat untuk perlombongan ataupun selamat untuk didiami oleh penduduk-penduduk. Jadi, Kerajaan ataupun Kementerian saya sentiasa memperlihat ataupun mengkaji keadaan ini supaya hidup rakyat ataupun masyarakat sentiasa selamat sama ada disebabkan oleh keadaan lombong ataupun perkara-perkara lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Alexander Lee.

Dato' Khoo Kay For: Dengan izin, soalan No. 11.

PERKHIDMATAN SIARAN IBU KOTA

11. **Dato' Khoo Kay Por** (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada sebarang kemungkinan bagi Radio Ibu Kota untuk menyiarkan kepada pemandu-pemandu mengenai keadaan lalu-lintas di Kuala Lumpur supaya kesesakan lalu-lintas dapat dielakkan oleh mereka terutama sekali di waktu banjir.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan ini memang ada diberi oleh Radio Malaysia Ibukota dengan kerjasama daripada Bilik Gerakan Polis Bandaraya dan juga Bilik Gerakan Polis Petaling Jaya.

BURUH DARI INDIA

12. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak mengambil buruh-buruh dari selatan India ke Malaysia sepertimana yang disuarakan oleh seorang Menteri baru-baru ini dan adakah Malaysia masih kekurangan tenaga buruhnya.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia sedang mengalami kekurangan tenaga buruh khususnya di sektor-sektor perladangan dan pembinaan. Dalam jangka pendek bagi mengatasi masalah ini memang ada cadangan-cadangan untuk mengambil buruh-buruh asing secara kontrak dan terkawal dari negara-negara jiran. Buat masa ini Kerajaan sedang membincang dengan negara Indonesia mengenai pengambilan buruh dari negara itu.

Dato' Haji Abdul Hamid bin Tahir: Soalan tambahan. Walaupun ada perbincangan tetapi yang saya maksudkan di sini ialah adakah Kerajaan bercadang hendak mengambil tenaga buruh daripada India Selatan, pada hal kita mempunyai banyak tenaga buruh daripada negara-negara jiran ataupun

ASEAN mungkin kita dapat mengambil tenaga buruh daripada negara-negara ini. Adakah jawapan yang diberi bahawa Kerajaan masih bercadang hendak mengambil tenaga buruh daripada India Selatan?

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan mengambil buruh dari India memang ada. Tetapi buat masa ini Kerajaan belum ada lagi cadangan mengambil tindakan ke arah ini oleh kerana Kerajaan sedang membincang dengan Indonesia mengenai perkara ini dan diharap kemudian baru dapat ditentukan.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan. Saya amat terkejut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kemungkinan ada hendak mengambil buruh daripada India. Kemungkinan bererti ada cita-cita atau ada tujuan atau ada persiapan, bersedia hendak mengambil buruh India. Cakap tegas dalam perkara ini tolong beritahu Majlis terutama kami Ahli Dewan ini, betulkah Menteri Buruh hendak mengambil buruh dari India. Kalau tidak ada, cakap tidak ada; kalau betul ada, cakap ada. Jangan cakap mungkin. Tolong jawab (*Ketawa*).

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, untuk jangka panjang memang kita ada mengambil perhatian bagi pengambilan pekerja-pekerja atau buruh dari India Selatan. Jadi kemungkinan itu ada, tetapi masa ini belum ada cadangan hendak mengambil apa-apa tindakan.

Puan Rahmah binti Othman: Soalan tambahan kepada Soal No. 12. Tadi saya tak jelas macam mana Ahli Yang Berhormat itu bertanya kepada Menteri berkenaan. Beliau tidak menyatakan bahawa Kerajaan tidak langsung membincangkan masalah ini, tetapi kalau mengikut soalan ini, seorang Menteri telahpun membuat satu tawaran sewaktu dia melawat ke India baru-baru ini menyatakan Kerajaan Malaysia sudah bersetuju hendak mengambil buruh-buruh daripada India Selatan untuk dibawa masuk. Soalnya sebelum Menteri berkenaan membuat satu tawaran kepada satu negeri yang jauh, apakah sudah pihak Kementerian ini mengadakan tinjauan kepada rakan-rakan kita di dalam ASEAN, kalau tadi disebut Indonesia

misalnya, tidakkah di Thailand ada, di Filipina ada sebelum kita menjangkau ke negeri orang yang jauh dan adakah betul-betul kita kekurangan buruh yang begitu banyak sehingga kita hendak pergi ke India Selatan untuk mengambil buruh-buruh?

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mestilah terlebih dahulu meninjau keadaan di negara jiran dan mencari jalan untuk mengatasi kekurangan buruh-buruh itu melalui di negeri-negeri jiran kita, lepas itu barulah kita pergi ke negara lain. Tetapi sekarang oleh kerana Kerajaan sedang membincangkan dengan Indonesia, haruslah kita terpaksa menunggu perkara ini telah selesai dahulu sebelum kita pergi mengambil tindakan meninjau ke negara yang lebih jauh daripada kita.

PAKAR PATHOLOGI

13. Puan Rahmah binti Othman minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pakar pathologi yang ditempatkan di hospital-hospital besar, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru dan lain-lain hospital besar di negara ini;
- (b) berapakah bilangan doktor tempatan yang telah diberikan biasiswa bagi melanjutkan kursus ijazah dalam bidang ini; dan
- (c) berapakah jumlah pakar pathologi luar negeri yang masih berkhidmat di negara ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, jawapan mengenai perkara ini:

- (a) Ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa terdapat seorang Pakar Pathologi di Hospital-hospital Besar Alor Setar, Pulau Pinang, Kelang, Johor Bahru, Kuantan, Kota Bharu dan Kuching manakala Hospital Besar Kuala Lumpur dan Hospital Besar Ipoh masing-masing mempunyai 2 orang Pakar Pathologi.

- (b) Pada tahun 1981, 2 orang doktor tempatan telah diberikan biasiswa untuk melanjutkan kursus Ijazah dalam bidang pathologi. Bagi tahun 1982, 4 biasiswa telah disediakan untuk membolehkan doktor-doktor kita memperolehi kelayakan kepakaran dalam bidang ini.
- (c) Pada masa ini, terdapat seorang Pakar Pathologi luar negeri yang sedang berkhidmat di negara kita iaitu di Hospital Besar, Kuching.

STESEN RADIO DAN TV DI IPOH

14. Dato' Chin Kim Yoong minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau akan memperbesar stesen Radio dan TV di Ipoh untuk membolehkan liputan TV dan Radio yang lebih memuaskan.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa di Ipoh tidak ada stesen TV, yang ada hanya terdapat sebuah Stesen Radio. Namun begitu, Kawasan Ipoh menerima perkhidmatan radio melalui stesen pemancar Radio di Tronoh dan perkhidmatan TV melalui stesen pemancar TV di Gunung Kledang.

Saya akui bahawa liputan perkhidmatan radio di Ipoh masih belum lagi memuaskan. Namun begitu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, RTM sedang merancang untuk mengadakan siaran FM Mono ke seluruh negara di samping memperbaiki siaran gelombang sederhana dan gelombang pendek. Dengan terlaksananya projek-projek ini terutama projek FM Mono maka penerimaan siaran radio di seluruh negara (termasuk Kawasan Ipoh) akan diperbaiki lagi.

Dari segi liputan perkhidmatan TV ujian telahpun dibuat dan laporan telahpun diterima yang menunjukkan bahawa penerimaan siaran TV Kawasan Ipoh adalah baik dan memuaskan. Oleh yang demikian, pada masa ini RTM tidak ada rancangan untuk menambah kemudahan pemancar TV di Kawasan ini.

GURU KATEGORI C1 DAN C2— KENAIKAN PANGKAT

15. Datuk P. Pasamanickam minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat guru-guru Kategori C1 masih bertugas di sekolah-sekolah rendah; jika sedar apakah ini akan menghalang kenaikan pangkat guru-guru Kategori C2 dan apakah sebab-sebabnya guru-guru Kategori C1 tidak ditempatkan di Sekolah Menengah saja.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa terdapat guru-guru Kategori C1 yang bertugas di sekolah-sekolah Rendah. Keadaan ini tidak menghalang kenaikan pangkat guru-guru Kategori C2. Guru-guru Kategori C1 ini tidak ditempatkan di Sekolah Menengah sahaja kerana di antara lain ada guru-guru dari Kategori ini yang mempunyai pengalaman yang luas di dalam pelajaran sekolah-sekolah rendah. Perkhidmatan mereka di sekolah-sekolah rendah berfaedah kepada sekolah-sekolah tersebut.

SURAT-SURAT YANG DIPOSKAN— PERKHIDMATAN POS

16. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapa surat yang diposkan di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya pada waktu pagi tidak sampai destinasi pada sebelah petang dalam hari yang sama dan sama ada beliau mengambil tindakan untuk meningkatkan kecekapan sistem pos.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Clarence E. Mansul): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya sesuatu surat diposkan di Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur sebelum jam 11.00 pagi, maka ianya akan diserahkan dalam kawasan penyerahan yang dikawal oleh Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur pada hari yang sama. Begitu juga surat-surat yang diposkan di pejabat pos utama di Petaling Jaya, maka surat tersebut akan diserahkan dalam kawasan penyerahan yang diliputi oleh pejabat pos itu pada sebelah petang.

Suka saya meyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa Jabatan Perkhidmatan Pos sedang membuat peraturan-peraturan tertentu bagi surat-surat yang diposkan sebelum jam 11.00 pagi di pejabat-pejabat pos penyerahan lain untuk diserahkan dalam kawasan penyerahan tempatan pada sebelah petang di hari yang sama.

ORDINAN KOPERASI DAN KAEDAH- KAEDAH KOPERASI—KAJIAN

17. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin minta Menteri Pembangunan Negara dan Luarbandar menyatakan sama ada Ordinan Koperasi 1948 dan Kaedah-kaedah Koperasi 1949 akan dikaji semula dengan tujuan mewujudkan sebuah kanun yang kemas dan sesuai bagi mengawas pengurusan dan pentadbiran semua aspek koperasi perindustrian dan perniagaan, perladangan, pertanian, perikanan, anak-anak syarikat (subsidiary) dan usahasama.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Idris bin Abdul Rauf): Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menjawab bagi pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Berhubung dengan perkara ini ia sedang dipinda.

SEKOLAH—KEBERSIHAN DAN KEINDAHAN

18. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa di sekitar sekolah-sekolah yang tertentu didapati rumput panjang, sampah sarap berselerak dan keadaan tandas sekolah kotor; dan jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil untuk memperbaiki keadaan ini?

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada sebilangan kecil sekolah di mana keadaan yang disebut oleh Yang Berhormat itu berlaku.

Kementerian saya mengambil berat tentang kebersihan dan keindahan sekolah kerana ini ialah suatu unsur-unsur disiplin yang penting. Kementerian telahpun mengambil tindakan seperti berikut:

- (a) mengeluarkan satu surat Pekeliling Ikhtisas mengenai kebersihan di sekolah.
- (b) Perlaksanaan Pendidikan Kesihatan sebagai suatu mata pelajaran yang tertentu di peringkat Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Rendah yang menitik beratkan latihan kebersihan.
- (c) Memberi peruntukan "Per Capita Grant" kepada sekolah-sekolah untuk membeli bahan-bahan termasuk alat-alat dan kelengkapan kebersihan.
- (d) Peruntukan Buruh Am bagi semua sekolah selaras dengan bilangan murid, luas kawasan sekolah dan lain-lain.
- (e) Pengeluaran garis-garis panduan mengenai kebersihan di bawah Kesihatan Sekolah, disiplin dan lain-lain.

Selain daripada langkah-langkah yang tersebut itu, Kementerian saya bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan bersabit dengan berbagai rancangan kesihatan, untuk memperbaiki lagi kebersihan di sekolah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan S. I. Rajah.

Tuan Haji Tuan Yaacob bin Haji Engku Yunus: Dengan izin, soalan No. 19.

KEKURANGAN BURUH

19. Tuan Haji Tuan Yaacob bin Haji Engku Yunus (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada kekurangan buruh dalam estet-estet dan sektor-sektor pembangunan adalah cukup serius untuk menurunkan daya pengeluaran ke suatu peringkat yang rendah dan menahan perkembangan industri di negara ini dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi perkara ini.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum memang berlaku kekurangan buruh di sektor-sektor yang tertentu. Walau bagaimanapun kekurangan tersebut tidaklah begitu serius sehingga mengurangkan daya pengeluaran ke suatu peringkat yang rendah dan menahan perkembangan industri di negara ini.

Laporan Ekonomi Tahun 1981-1982, Kementerian Kewangan meramalkan bahawa dalam tahun 1981 pengeluaran minyak kelapa sawit akan bertambah dengan kadar 8% dan getah dengan kadar 0.8%, sektor pembinaan pula akan berkembang dengan kadar 11.5%.

Bagi mengatasi kekurangan buruh di estet-estet getah, kelapa sawit, Kerajaan sedang menimbang cadangan bagi membawa masuk pekerja asing khasnya dari negeri-negeri jiran secara kontrak dan terkawal. Kerajaan juga telah dan sedang mengambil langkah-langkah bagi menstabilkan harga getah di samping bekerjasama dengan para majikan estet untuk memperbaiki infrastruktur di estet-estet supaya pekerja estet dapat menikmati taraf hidup yang lebih sempurna.

Dalam sektor pembinaan pula Kerajaan telah memperkenalkan skim latihan di tapak binaan dan sedang berusaha bagi memastikan bahawa ianya berkesan dalam menyediakan pekerja-pekerja binaan yang terlatih.

PENGIKTIRAFAN KEPADA DEMOKRATIK KAMPUCHEA

20. Tuan K. Kumaran minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah respon dari Negara-negara ASEAN berikutan dengan pengumuman Y.A.B. Perdana Menteri atas kemungkinan Malaysia menarik balik pengiktirafan kepada "Demokratik Kampuchea" (Kerajaan Khmer Rouge) di Bangsa-bangsa Bersatu jika kumpulan menentang Vietnam di Kampuchea tidak dapat mencapai suatu persetujuan menubuhkan Kerajaan campuran di Kampuchea;

- (b) sama ada bekas Perdana Menteri Son Sann bersetuju menubuhkan Kerajaan campuran bersama-sama dengan Putera Norodom Sihanouk dan Khmer Rouge pimpinan Khieu Samphan di Kampuchea berikutan dengan penemuan bekas ketua-ketua itu di Peking, China baru-baru ini; dan
- (c) apakah peranan yang dimainkan oleh beliau setelah menjadi Ketua ASEAN berkenaan dengan masalah Kampuchea baru-baru ini.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, (a) Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak menyebut dengan begitu ketara seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah seperti berikut; iaitu

“Adalah sangat dikesalkan bahawa masalah Kampuchea yang telah berlanjutan sejak beberapa tahun masih belum nampak tanda-tanda ke arah penyelesaian yang saksama. Sikap kedegilan itu sangatlah dikesalkan—dalam bahasa Inggerisnya, the intransigent attitude of certain parties is very much regretted. Mungkin tidak berfaedah lagi untuk kita menyokong kedudukan mereka di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.”

Jadi Tuan Yang di-Pertua, negara-negara anggota ASEAN telah berpendapat bahawa amaran atau kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu adalah kena pada waktunya dan sejajar dengan usaha ASEAN mencari penyelesaian politik yang saksama.

(b) Apa yang telah dipersetujukan di antara Putera Sihanouk dan Encik Khieu Samphan di Peking belum lagi jelas, jika diterima juga oleh pihak Encik Son Sann. Bagi pihak kita hanya mendapat maklumat bahawa Encik Son Sann belum lagi dapat berunding dengan kedua-dua pemimpin tersebut.

(c) Saya tidak pernah dilantik dan tidak ada siapapun yang telah dilantik sebagai ketua ASEAN dalam masalah Kampuchea kerana masalah ini merupakan masalah semua negara ASEAN dan semua negara ASEAN ini

sentiasa berhubung rapat dan sebulat suara dalam mengambil apa juga langkah ke arah tercapainya satu penyelesaian; penyelesaian yang dikehendaki ialah penyelesaian politik bukan dengan cara perang, penyelesaian yang berkekalan di Kampuchea demi untuk keamanan dan kestabilan rantau ini.

GAMBAR LUCAH

21. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah benar bahawa sekarang ini ramai artis-artis di Malaysia yang berbogel dan dibenarkan pula mengambil gambarnya untuk dijual dengan harga yang mahal. Jika benar apakah tindakan Kementerian ini berhubung dengan perkara ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, sehingga hari ini, pihak Polis tidak ada menerima laporan secara resmi mengenai gambar-gambar artis lucuh yang dijual.

Adalah menjadi satu kesalahan jika ada gambar lucuh ini diedar dan dijual.

ISU-ISU SENSITIF

22. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sejak kebelakangan ini banyak golongan-golongan tertentu di negara ini memainkan peranan untuk memecahbelahkan perpaduan di negara dengan menimbulkan sentimen-sentimen yang merbahaya dan isu-isu yang sensitif yang boleh menimbulkan keributan di dalam negara ini. Jika ya, apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk mengatasi perkara ini dan sama ada terdapat sebarang cadangan untuk mengenakan hukuman yang lebih berat kepada mereka ini dan jika tidak mengapa.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Kerajaan memang sedar adanya golongan-golongan tertentu yang sentiasa menimbulkan isu-isu sensitif, perkauman dan chauvenisma seperti

yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu, semata-mata demi untuk kepentingan diri atau golongannya sahaja tanpa menimbangkan kepentingan negara.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini sedia maklum bahawa di dalam sebuah negara demokrasi seperti negara kita, kebebasan bercakap dan mengeluarkan pendapat adalah dijamin oleh Perlembagaan Negara. Namun demikian, kebebasan yang diberikan itu adalah mempunyai batas-batas tertentu sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang yang sedia ada seperti Akta Hasutan, Akta Rahsia Rasmi, Akta Pilihanraya dan Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Kerajaan adalah sentiasa mengawasi kegiatan-kegiatan semua pihak dan jika sekiranya didapati percakapan atau perbuatannya menyalahi undang-undang negara atau boleh mengancam keadaan ketenteraman awam atau keselamatan negara maka Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Hajjah Fatimah binti Haji Salim.

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 23.

KELAS TADIKA

23. Puan Rahmah binti Othman (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian berkenaan akan mengambil alih semua kelas-kelas TADIKA swasta di negara ini dan jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Pelajaran tidak mempunyai rancangan hendak mengambil alih kelas-kelas TADIKA swasta di negara ini. Namun demikian, Kementerian Pelajaran sedang menjalankan satu kajian ke atas pendidikan pra-sekolah dan diharap hasil dari kajian ini Kementerian Pelajaran akan dapat membuat rancangan untuk memberi bimbingan, pengawasan serta nasihat-nasihat iktisas untuk memperbaiki lagi perjalanan sekolah-sekolah tersebut.

HUKUMAN BUANG DAERAH

24. Puan Hasnah binti Md. Kassim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah baik buruknya hukuman buang daerah kepada penjenayah/pesalah dan tidakkah mereka akan menjejaskan keadaan di daerah yang terlibat dan bolehkah mereka diawasi oleh pihak-pihak berkenaan.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, tindakan membuang daerah menerusi undang-undang yang ada adalah merupakan suatu langkah positif Kerajaan bagi memberi pemulihan kepada penjenayah atau pesalah. Tindakan ini telah memberi kesan-kesan yang baik kepada penjenayah dari segi kesedaran dan pemulihan. Pada keseluruhannya penjenayah atau pesalah itu telah dapat mengubah corak hidupnya dan menjadi anggota masyarakat yang berguna. Tindakan ini juga telah dapat memisahkan mereka daripada kumpulan-kumpulan haram atau sindiket yang dianggotainya dahulu serta menjauhkan diri dari kegiatan-kegiatan haram yang dilakukan sebelumnya.

Sungguhpun demikian tindakan membuang daerah ini adalah menimbulkan kesulitan kepada sebilangan kecil penjenayah atau pesalah, khasnya dari segi mendapatkan kerja dan menyesuaikan diri dengan masyarakat di tempat yang baru. Dalam perkara ini pihak Kerajaan sentiasa memberi pertimbangan yang sewajarnya dan membantu mereka dalam usaha mendapatkan pekerjaan dan juga ke arah pemulihan akhlak mereka.

Kerajaan sedar bahawa ada didapati keadaan tidak senang dan bimbang di kalangan sebahagian kecil masyarakat di mana penjenayah dan pesalah itu ditempatkan. Namun demikian, pada keseluruhannya, keadaan ini tidakkah menjejaskan keselamatan dan kerukunan hidup masyarakat di tempat yang berkenaan. Ini adalah disebabkan bahawa pihak Polis sentiasa mengadakan kawalan yang sewajarnya ke atas penjenayah dan pesalah berkenaan. Sebahagian besar penjenayah dan pesalah itu pula tidak berani untuk melanggar syarat-syarat yang dikenakan di bawah perintah buang daerah oleh kerana jika sekiranya mereka berbuat demikian, mereka

akan didakwa di Mahkamah dan boleh dijatuhkan hukuman penjara tidak melebihi 5 tahun.

Puan Hasnah binti Haji Mohd. Kassim: Tuan Yang di-Pertua, tidakkah ada rancangan Kerajaan supaya buang daerah akan dikhaskan di satu-satu tempat dan sebagaimana kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dapat dikawal seolah-olahnya penjenayah yang dibuang daerah tetapi selalu kita terbaca dalam suratkhbar apabila lepas daripada buang daerah ada lagi berlaku perkara jenayah yang dilakukan oleh penjenayah yang tersebut tadi.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan pertama iaitu sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu tempat khas bagi mereka ini, suka saya menyatakan bahawa pembahagian penjenayah atau pesalah-pesalah yang berkenaan adalah sentiasa ditimbang oleh pihak Kerajaan iaitu supaya tidak ramai sangat penjenayah-penjenayah dihantar kepada satu daerah tertentu sahaja. Ini adalah dikaji daripada satu masa ke satu masa.

Bagi menjawab soalan yang kedua iaitu mengenai jenayah yang dilakukan oleh mereka yang berkenaan yang dibuang daerah, perkara ini telahpun saya jawab iaitu pihak Polis adalah sentiasa mengawasi perjalanan dan kedudukan mereka itu dan sekiranya mereka membuat kesalahan juga, tindakan yang setimpal akan diambil oleh pihak Polis.

PEMULIHAN DADAH DI PULAU BIDONG

25. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Pulau Bidong di Terengganu akan dijadikan tempat pemulihan dadah, jika ya, bila.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, adalah terlalu awal bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Pulau Bidong akan dijadikan Pusat Pemulihan Dadah ataupun sebaliknya. Apa yang dapat saya nyatakan

sekarang adalah bahawa Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am telah melawat Pulau tersebut baru-baru ini dengan meninjau kemungkinan menggunakan Pulau itu sebagai Pusat Pemulihan Dadah. Laporan beliau akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Kabinet Anti Dadah yang akan bermesyuarat.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tidak bercadang hendak buat Pusat Pemulihan Dadah di Pulau Bidong. Walau bagaimanapun saya berpendapat sudah sampailah masanya Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri membuat analisa yang menyeluruh selain daripada kita menanggung bebanan yang begitu hebat dan lama sehingga sekarang kita mengambil pendatang-pendatang haram, kita bela secara peri kemanusiaan kata Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dahulu, yang ada di hadapan kita sekarang. Jadi kita terpaksa bela dan jaga mereka ini. Pada hemat saya usaha kita yang gigih sedemikian dan peri kemanusiaan yang macam itu yang kita letakkan di Pulau Bidong, maka sudah sewajarnya kita membuat serampang dua mata juga, yakni di samping kita memelihara dan menjaga pendatang-pendatang haram yang tersebut di samping itu juga kita mengawal supaya dapat menyalurkan pemulihan-pemulihan dadah yang amat serius dalam negeri ini.

Saya berpendapat pemulihan dadah ini amat penting sekarang dijalankan di satu tempat yang sungguh-sungguh kita tujukan supaya menyelamatkan mereka daripada bahaya tersebut. Jadi tempat yang paling sesuai, rasa saya adalah di Pulau Bidong; di samping kita membela pendatang haram di samping itu kita membela satu penyakit yang menular dalam negeri ini yang amat merbahaya yang harus kita selesaikan dengan penuh kenyataan. Dengan itu walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan tidak bercadang, saya hendak mencadangkan di Parlimen ini supaya pemulihan dadah itu dapat Yang Berhormat itu menerima untuk diletakkan di Pulau Bidong demi jangka panjang menyelamatkan negara daripada bahaya tersebut. Bolehkah Yang Berhormat itu menjawab?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya tadi menyatakan bahawa adalah terlalu awal bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Pulau Bidong itu dijadikan Pusat Pemulihan Dadah ataupun sebaliknya. Jadi bermaknalah bahawa seperti juga rakan saya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan kemungkinan untuk menjadikan Pulau Bidong itu sebagai Pusat Pemulihan Dadah akan dipertimbangkan oleh Kerajaan.

Mengenai masalah pelarian Vietnam yang ada di sini, ini bukan menjadi beban besar kepada kita oleh kerana ini adalah tanggungjawab Bangsa-bangsa Bersatu dan kita juga sedang berunding dengan negara-negara ketiga (third countries) untuk menempatkan semula mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 26 hingga 41 ada diberi di bawah ini).

TERUSAN SEGENTING KRA

26. **Tuan Abdul Razak bin Abu Samah** minta Menteri Hal Ehwal Luar Negeri menyatakan tidakkah ada cadangan kerjasama Malaysia dan Negeri Thai bagi segera membina "Terusan Segenting Kra".

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga ke setakat ini masih belum terdapat apa-apa cadangan kerjasama di antara Malaysia dan Negeri Thai bagi membina "Terusan Segenting Kra".

KURIKULUM 3M— PERLAKSANAAN

27. **Dato' Haji Mahmoud Salim Haji Mohamad** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa buah sekolah pada tahun ini yang telah menjalankan sistem 3M dan apakah kesan positif di atas pelaksanaan sistem tersebut.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Bilangan sekolah yang menjalankan Pelaksanaan Permulaan Kurikulum 3M pada tahun 1982 ini ialah sebanyak 302 buah. Dari lawatan-lawatan yang telah dibuat ke sekolah-sekolah, beberapa kesan yang positif telah dapat diperhatikan; misalnya guru-guru telah dapat menjalankan pengajaran mereka dengan baik dan murid-murid telah belajar dengan lebih berminat dan aktif.

HARGA AYAM/ITIK/IKAN

28. **Dato G. Pasamanickam** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah sebab-sebabnya harga-harga barang seperti ayam, itik dan ikan melambung naik dan sama ada Kementerian bercadang untuk menyekat barang-barang ini diekspot ke Singapura.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Turun naik harga-harga barangan seperti ayam dan itik adalah bergantung kepada kedudukan "Bekalan dan Permintaan" oleh Pengeluar dan Pengguna mengikut tertib. Sudah menjadi kelaziman kepada pengguna-pengguna bahawa keperluan sesuatu barangan bertambah terutama sekali pada musim-musim perayaan dan berkurangan pula pada hari-hari selepasnya. Trend ini secara tidak langsung mempengaruhi harga sesuatu barangan.

Berhubung dengan eksport ke Singapura hanyalah ayam dari Johor sahaja yang terlibat. Eksport seumpama ini telah wujud sudah lama dan tidak menjejaskan harga. Ini tidak mempengaruhi perusahaan awam di seluruh negara malahan sekurang-kurangnya menjadi faktor untuk mengimbangkan harga pada keseluruhannya. Untuk makluman harga ayam di ladang "ex-farm" sudahpun mulai turun. Kementerian tidak bercadang untuk menyekat ayam-ayam diekspot ke Singapura.

Sementara soal kenaikan harga ikan pula, dalam tempoh 1976-1980, adalah didapati harga purata ikan basah di pasaran tempatan telah naik melebihi 30% di kedua-dua peringkat borong dan runcit. Kalau dibandingkan kedua-dua harga dalam tahun 1976 dan 1980 didapati harga purata ikan basah pelbagai gred di peringkat borong telah

naik sebanyak 35.7% manakala di peringkat runcit sebanyak 41.7%. Dalam tempoh 5 tahun tersebut purata kenaikan harga setahun ialah 7.9% bagi harga borong dan 7.1% bagi harga runcit.

Faktor utama yang mempengaruhi kenaikan harga ikan basah ialah masalah ketidakseimbangan permintaan dan penawaran seperti juga yang berlaku pada barang-barang keluaran pertanian lain di samping faktor-faktor semula jadi.

Permintaan terhadap ikan secara purata adalah bertambah dari tahun ke tahun sejajar dengan pertambahan dalam jumlah penduduk negara. Dalam tahun 1980 sahaja, kurangan ikan dianggarkan sebanyak 2.7% dibandingkan dengan permintaan penduduk terhadap bekalan ikan dalam negeri.

Kalau dilihat dari sudut penawaran, didapati pendaratan tempatan dalam tahun 1980 yang digunakan dalam negeri (setelah ditolak eksport) hanya memenuhi 60% dari permintaan dalam negeri. Dalam usaha mengimbangi ketidakseimbangan ini, negara ini telah mengimpot ikan untuk makanan dari negara-negara jiran.

Seperti juga eksport ayam/itik buat masa ini Kerajaan/MAJUJUKAN tidak ada cadangan bagi menyekat eksport ikan basah (khususnya ke Singapura, di mana 70% dari jumlah eksport tersebut terdiri dari ikan basah yang didaratkan oleh Johor Tenggara), bagi memberikan peluang kepada nelayan memperolehi harga yang lebih baik oleh kerana 2 faktor berikut:

- (a) Perbezaan harga akibat permintaan untuk ikan basah di Singapura.
- (b) Faktor kos pengangkutan yang murah.

Secara purata harga borong dan runcit di Singapura adalah tinggi antara 38% - 57% berbanding dengan harga di pasaran utama seperti di Kuantan, Johor Bahru dan Kuala Lumpur.

Dari segi kos pengangkutan, adalah lebih murah kuantiti di Johor Bahru dihantar ke Singapura dibanding dengan ke pusat-pusat pasaran utama di Semenanjung.

PELAJARAN SIVIK DAN PENDIDIKAN MORAL

29. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan menggalakkan pengajaran moral dan agama di semua sekolah dalam 150 minit yang telah dikhaskan untuk sivik, memandangkan bahawa agama adalah satu pegangan dan panduan untuk kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Mengikuti kurikulum yang ada sekarang peruntukan masa bagi mata pelajaran Sivik ialah 40 minit seminggu dimulakan dari Darjah 4 sekolah rendah, dan bukannya 150 minit sepertimana yang dinyatakan.

Dalam Kurikulum 3M tidak ada mata pelajaran Sivik. Sebaliknya peruntukan masa sebanyak 150 minit seminggu telah diberikan untuk mata pelajaran Agama Islam dan Pendidikan Moral. Kedua-dua mata pelajaran ini adalah mata pelajaran wajib: Pelajaran Agama Islam wajib dipelajari oleh murid-murid Islam dan Pendidikan Moral wajib dipelajari oleh murid-murid bukan Islam.

PINJAMAN BUKU-BUKU TEKS

30. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada beberapa orang guru telah menjual buku-buku teks dalam darjah dengan harga yang lebih mahal daripada harga di kedai buku dan jika ya, apakah tindakan beliau akan ambil supaya perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kementerian Pelajaran tidak menyedari perkara ini kerana:

- (1) Kementerian sehingga ini belum menerima apa-apa aduan/laporan dari mana-mana pihak tentang perkara ini.
- (2) Tiap-tiap buku teks untuk murid yang tidak menerima bantuan pinjaman buku-buku teks adalah disenaraikan bersama-sama dengan harganya. Penjual buku-buku termasuk kedai-kedai buku di sekolah hanya dibenarkan menjual dengan harga yang ditetapkan di dalam senarai itu. Di

samping itu, kesemua murid-murid sekolah rendah kebangsaan dan sebahagian besar murid-murid sekolah menengah mendapat buku-buku teks percuma di bawah Sekim Pinjaman Buku-buku.

- (3) Kementerian Pelajaran akan berterima kasih jika Yang Berhormat dapat memberi maklumat lanjut mengenai perkara ini sekiranya perkara ini benar-benar berlaku, bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil.

RUMAH BAGI PEKERJA ESTET

31. **Tuan S. I. Rajah** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sejauh manakah rancangan pemilikan rumah bagi pekerja-pekerja estet telah dilaksanakan di seluruh Malaysia dan bilangan estet yang telah menjalankan skim ini.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Setakat ini sebanyak 3 buah ladang telah melaksanakan Skim Memiliki Rumah dengan jayanya. Ladang-ladang itu ialah Ladang Batu Pekaka, Kuala Ketil, Kedah yang telah membina sejumlah 232 unit rumah, Ladang Dovenby, Sungei Siput, Perak, 108 unit dan Ladang Tennamaran, Selangor sejumlah 110 unit. Selain daripada ini pembinaan sebanyak 240 unit rumah di Ladang Sengkang di Port Dickson, Negeri Sembilan sedang dijalankan.

Sebanyak 51 pemilik ladang-ladang dan lombong-lombong di seluruh negara telah menyatakan minat dan keinginan mereka untuk mengambil bahagian di dalam Skim Memiliki Rumah Pekerja-Pekerja ini. Estet-estet yang tersebut termasuk 10 di Johor, 16 di Selangor, 3 di Negeri Sembilan, 17 di Perak, 3 di Pahang, 1 di Melaka dan 1 di Kedah.

Kementerian saya sedar atas kelewatan bagi melaksanakan Skim ini di seluruh negara. Ini terutamanya disebabkan oleh kedudukan mengenai kemudahan pinjaman yang terdapat dahulu, cara-cara mendapatkan kelulusan tanah, pelan-pelan rumah dan sebagainya. Masalah ini telah dapat diatasi dengan kenaikan jumlah pinjaman daripada "Tabung Wang Pusingan" yang dikendalikan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan

Tempatan dari \$7,500 ke \$10,000 bagi setiap peserta (participant worker). Disamping itu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja juga mempunyai rancangan pinjaman rumah untuk pekerja-pekerja dan ini akan mengurangkan masalah pelaksanaan skim-skim yang demikian.

TEMPAT LETAK KERETA DI KUALA LUMPUR— PEMBINAAN BANGUNAN

32. **Dato' Hajjah Fatimah binti Haji Salim** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada Kementerian berkenaan bercadang mendirikan bangunan-bangunan tempat letak kereta berbilang tingkat untuk mengatasi masalah letak kereta di Bandaraya Kuala Lumpur dan jika tidak, mengapa.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Cadangan berhubung dengan ini masih lagi di dalam kajian dan pertimbangan Kementerian dan belum ada rancangan-rancangan konkrit untuk mendirikan bangunan-bangunan seperti itu. Satu daripada sebabnya adalah kerana kos pembinaannya begitu tinggi.

PELAJARAN UGAMA ISLAM

33. **Tuan Abdul Razak bin Abu Samah** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah yang sedang diambil bagi mempermodenkan kemudahan dan kelengkapan pelajaran, termasuk pelajaran agama Islam di kawasan-kawasan kurang maju, terutama sekolah di luar bandar.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kementerian Pelajaran memang senantiasa mengambil langkah-langkah untuk mempermodenkan kemudahan dan kelengkapan pelajaran di semua jenis sekolah di negara ini termasuklah sekolah-sekolah agama yang dibiayai terus oleh Kementerian Pelajaran. Keutamaan adalah di beri kepada sekolah-sekolah di luar bandar pada amnya. Walau bagaimanapun, dari segi pembangunan fizikal ia harus dibuat peringkat demi peringkat kerana ini memakan belanja yang amat tinggi. Setakat ini Kementerian Pelajaran telah membina sekolah-sekolah

baru dan memberikan juga bangunan-bangunan tambahan dan alat-alat kelengkapan tambahan kepada sekolah-sekolah ini. Alat-alat kelengkapan adalah disesuaikan dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran. Senarai alat-alat kelengkapan adalah disemak setahun demi setahun supaya ia sentiasa mengikut peredaran perkembangan pendidikan di negara ini. Pelan-pelan baru bagi sekolah-sekolah juga disemak dan digubah semula untuk menampung keperluan-keperluan pendidikan yang sentiasa berkembang maju.

NAMA JALAN DAN KAMPUNG

34. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada benar bahawa nama-nama jalan dan Kampung (kecuali Raja-raja) tidak boleh diambil dari nama-nama orang yang masih hidup, jika benar adakah beliau bercadang mengarahkan supaya nama-nama jalan yang menggunakan nama-nama orang yang masih hidup (kecuali Raja-raja) dibatalkan dan ditukar kepada nama lain dan apakah dasar dan cara-cara yang digunakan di dalam perkara ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Adalah tidak benar dakwaan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa nama-nama jalan dan kampung tidak boleh diambil dari nama-nama orang masih hidup (kecuali Raja-raja).

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Berkuasa Negeri adalah diberi kuasa di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 untuk menamakan, menetapkan/mengenali satu-satu jalan. Pihak Berkuasa Negeri juga mempunyai kuasa bagi menamakan kawasan-kawasan perumahan dan tempat awam mengikut Akta Kerajaan Tempatan, 1976. Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada menyediakan garis panduan tentang nama-nama jalan, kawasan-kawasan perumahan, tempat awam dan bangunan yang sesuai digunakan yang dapat menunjukkan ciri-ciri keperibadian nasional. Garis panduan tentang nama-nama jalan, kawasan-kawasan

perumahan, tempat awam dan bangunan sedang disediakan untuk dikemukakan kepada Kabinet supaya dipersetujui.

JAWATAN GURU BESAR/ PENGELOLA SEKOLAH TAMIL

35. Datuk G. Pasamanickam minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa di beberapa negeri, guru-guru dari Sekolah Kebangsaan (Sekolah Inggeris) dilantik untuk menyandang jawatan-jawatan Guru Besar di Sekolah Tamil dan Pengelola Sekolah-sekolah Tamil, sungguhpun guru-guru Tamil yang berkelayakan dan berkebolehan sudah sedia terdapat di kalangan guru-guru Tamil. Jika ya, apakah tindakan Kementerian akan ambil untuk memastikan hanya guru-guru dari Sekolah Tamil dinaikkan pangkat seperti di atas.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya tidak sedar adanya guru-guru dari Sekolah Kebangsaan (Sekolah Inggeris) dilantik untuk menyandang jawatan-jawatan Guru Besar di Sekolah-sekolah Tamil dan Pengelola Sekolah-sekolah Tamil. Mengikut amalan Kementerian saya sekiranya terdapat kekosongan di sesuatu jawatan seperti jawatan Guru Besar di Sekolah-sekolah Tamil dan Pengelola Sekolah-sekolah Tamil, Kementerian saya akan memilih guru-guru berdasarkan kepada faktor-faktor seperti kelayakan, kebolehan, kesesuaian seseorang serta perakuan dari Ketua Jabatannya. Dalam hal ini, memandangkan jawatan yang hendak diisi itu berkehendakkan seorang pegawai yang berkelulusan Bahasa Tamil sudah tentulah mereka yang berkelayakan sedemikian akan dipilih. Perakuan tersebut yang dikemukakan selanjutnya dipanjangkan kepada Lembaga Kenaikan Pangkat berkenaan untuk dipertimbangkan.

DEWAN SEKOLAH— PENGUNAAN

36. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah syaratnya bagi satu-satu Pertubuhan

Kebajikan atau Politik untuk menggunakan Dewan Sekolah sebagai tempat mengadakan mesyuarat.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kebenaran kepada mana-mana parti politik atau pertubuhan kebajikan untuk menggunakan bangunan sekolah bagi tujuan mengadakan mesyuarat boleh diberi tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam Peraturan (Am) Sekolah 1951 mengenai penggunaan-perjumpaan politik. Bangunan sekolah tidak boleh digunakan untuk perjumpaan politik melainkan dengan kebenaran Pendaftar Sekolah-sekolah. Kebenaran ini tidak akan diberi jika ada tempat lain yang berhampiran di mana perjumpaan itu boleh diadakan. Pihak penganjur pula hendaklah memberi jaminan bahawa mesyuarat atau perjumpaan tidak ada melibatkan pelajar-pelajar.

KURIKULUM 3M—PELAKSANAAN

37. Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimana sambutan sekolah-sekolah yang terlibat dalam Pilot Projek mengenai dengan sistem 3R.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Sambutan Sekolah-sekolah yang terlibat dalam pelaksanaan permulaan Kurikulum 3M adalah menggalakkan. Dalam pada itu pihak Kementerian Pelajaran sedang mengawasi pelaksanaan ini dengan rapi dan langkah-langkah sewajarnya sedang diambil bagi mengatasi sebarang masalah yang timbul.

PESARA DI LUAR MALAYSIA— BAYARAN PENCEN

38. Puan Ragayah binti Ariff minta Perdana Menteri menyatakan jumlah bayaran kepada pesara-pesara yang dikeluarkan oleh Kerajaan kita tiap-tiap bulan kepada pesara-pesara di setiap negara di luar Malaysia dan apakah tindakan Kerajaan bagi mengatasi masalah bayaran lanjutan kepada pesara-pesara yang telah meninggal dunia seperti dipercayai pernah berlaku di luar negara Malaysia dulu.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Jumlah pesara-pesara di setiap negara di luar negeri dan jumlah pencen bulanan yang telah dibayar oleh Kerajaan kepada mereka adalah seperti berikut:

<i>Negara</i>	<i>Bil. Pesara</i>	<i>Jumlah Pencen Sebulan \$</i>
i. India	2,199	283,778.28
ii. Sri Lanka	1,264	163,632.81
iii. United Kingdom, Australia, New Zealand	480	181,342.32
iv. Pakistan	299	25,050.16
v. Singapura	616	93,792.19
vi. Hong Kong	7	591.15
vii. Brunei	17	5,712.64
viii. Bayaran menerusi Kedutaan:		
(a) Jepun	1	209.44
(b) Mesir	1	419.68
(c) Arab Saudi	1	211.74
(d) Indonesia	4	332.11
(e) Belanda	1	75.00
(f) Thailand	3	450.38
(g) Amerika Syarikat	25	10,965.15
(h) Perancis	1	582.50
(i) Switzerland	2	1,844.88
(j) Bangladesh	1	388.64
(k) Kanada	12	6,117.75
(l) Filipina	1	1,527.47
(m) Jerman Barat	1	520.50
JUMLAH:	4,936	\$777,444.79

Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam telah pun mengambil langkah memperketatkan sistem bayaran pencen di luar negeri dan melalui pemeriksaan bukti yang sah dilakukan oleh agen pembayar pencen, bayaran sebanyak \$1,051,954.00 yang melibati 578 tuntutan telah terselamat daripada di bayar kepada pesara yang tidak melayakinya. Tindakan yang sama akan diteruskan dalam tahun 1982 dan pada tahun-tahun hadapan.

**LAWATAN PERDANA MENTERI
KE NEGARA TELUK**

39. Tuan K. Kumaran minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Negara-negara Teluk yang dilawati pada awal bulan Mac tahun ini;
- (b) hasil lawatan tersebut dalam bidang sosial, ekonomi dan pelajaran; dan
- (c) sama ada usahawan-usahawan Negara-negara Teluk bersetuju menubuhkan usahasama (Joint Venture) dengan usahawan-usahawan negara ini.

Perdana Menteri Saya suka menjawab soalan-soalan Ahli Yang Berhormat itu mengikut susunan soalan-soalan itu:

- (a) Negara-negara Teluk yang saya lawati secara rasmi dari 27hb Februari hingga 5hb Mac ialah Bahrain, Amiriah Arab Bersatu dan Oman. Selaku salah seorang anggota Jawatankuasa Damai Pertubuhan Persidangan Islam yang ditugaskan untuk mencari penyelesaian terhadap konflik Iran-Iraq, saya juga berada di Jeddah dari 5hb hingga 6hb Mac untuk menghadiri Sidang Ketiga Jawatankuasa Damai itu.
- (b) Saya telah mengadakan perbincangan mendalam dengan Ketua-ketua Negara berkenaan, yang merangkumi isu-isu serantau, antarabangsa dan isu-isu hubungan dua-hala. Tentang hubungan dua-hala, Malaysia dan negara-negara yang dilawati itu telah bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Bersama yang bertujuan mempertingkatkan kerjasama dua-hala di semua bidang, termasuklah agama, sosial, ekonomi, pelajaran dan perdagangan. Buat permulaan, kedua-dua pihak telah bersetuju mengadakan kemudahan-kemudahan latihan dan pelajaran untuk rakyat negara masing-masing. Selain daripada perbincangan di peringkat rasmi, saya juga mengambil peluang lawatan saya itu untuk mengadakan perbincangan mendalam dengan komuniti perniagaan di negara-negara berkenaan dengan harapan untuk mempertingkatkan lagi hubungan perdagangan dan pelaburan.

Hasil dari itu satu rombongan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Dubai telah melawat Malaysia selama 5 hari mulai 13hb Mac 1982.

- (c) Tentang soal usahasama di antara usahawan-usahawan Malaysia dengan usahawan-usahawan di Negara-negara Teluk, telah dipersetujui pada dasarnya bahawa perkara ini boleh dikaji dengan lebih mendalam lagi, sama ada melalui jentera Jawatankuasa Bersama, atau perundingan secara langsung di antara Dewan Perniagaan. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan memberi segala pertolongan yang perlu.

**WANG CAGARAN UNTUK
BELI RUMAH**

40. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tindakan yang telah diambil atas pemaju-pemaju perumahan yang telah menerima wang cagaran untuk rumah dan walaupun pemohon-pemohon telah tidak berjaya mendapat rumah, wang cagaran tidak dikembalikan dalam suatu masa yang tertentu dan dengan faedahnya sekali.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Untuk makluman Yang Berhormat, saya suka menerangkan bahawa bagi kemajuan-kemajuan perumahan yang dilaksanakan secara usahasama dengan Kerajaan Negeri permohonan-permohonan daripada bakal-bakal pembeli rumah adalah ditimbang oleh sebuah Jawatankuasa Pemilihan yang ditubuhkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Bagi mereka yang tidak berjaya di peringkat penilaian permulaan (short listing) wang tempahan mereka dipulangkan dengan serta-merta sebagai sahaja mereka didapati tidak berkelayakan. Seterusnya calon-calon adalah ditemuduga oleh Jawatankuasa Pemilihan yang saya sebutkan tadi dan bagi pemohon-pemohon yang tidak berjaya di peringkat ini pihak pemaju adalah diingatkan untuk memulangkan wang tempahan mereka dengan segera. Calon-calon yang berjaya adalah dipanggil untuk menandatangani surat perjanjian jual-beli.

Saya suka menerangkan bahawa terlalu banyak permohonan biasanya diterima bagi projek-projek perumahan usahasama seperti ini. Dengan demikian urusan pemilihan mengambil masa. Oleh sebab Kementerian saya sentiasa menerima pertanyaan daripada pemohon-pemohon, keadaan kes-kes seperti ini adalah disusuli dari masa ke semasa.

Bagaimanapun bagi pemohon-pemohon yang tidak ingin menunggu keputusan Jawatankuasa Pemilihan, Kementerian saya telah mengarahkan pihak pemaju berkenaan untuk memulangkan wang tempahan mereka.

Jika Yang Berhormat Senator mengetahui tentang kes-kes di mana wang tempahan tidak dipulangkan sungguhpun calon-calon berkenaan tidak berjaya saya harap tuan akan menyampaikan maklumat-maklumat lanjut kepada Kementerian saya.

KENAIKAN YURAN PERSEKOLAHAN DI BRITAIN

41. Tuan Haji Abdul Hamid Tahir minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada tindakan Kerajaan British menaikkan yuran pelajaran tinggi ke atas penuntut-penuntut dari negara ini sejajar dengan semangat Kommonwel bila dibandingkan dengan apa yang dikenakan ke atas penuntut dari negara-negara E.E.C., dan mengapa jadi begitu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Menurut penjelasan yang diberi oleh Kerajaan British, keputusannya menaikkan yuran persekolahan pengajian tinggi ke atas pelajar-pelajar Malaysia yang ingin melanjutkan pelajaran tinggi di Britain adalah kerana keperluan ekonomi dan kewangan, akibat kenaikan kos dan inflasi. Tindakan ini bukan ditujukan kepada Malaysia atau nama-nama negara anggota Kommonwel lain.

Walau bagaimanapun amat dikesali bahawa tindakan itu telah memberi kesan yang buruk terhadap mobiliti pelajar-pelajar di dalam Kommonwel. Tindakan-tindakan baru ini telah mengakibatkan pelajar-pelajar Kommonwel pergi ke negara-negara bukan Kommonwel seperti Amerika Syarikat. Ini juga mungkin merosakkan perpaduan dan perasaan persefahaman rapat yang telah

dipupuk oleh Kommonwel terutamanya melalui penggunaan Bahasa Inggeris dan impian serta pengalaman yang sama. Malaysia telah pun menyatakan pandangannya mengenai perkara ini di Persidangan Kommonwel di Melbourne tahun lalu.

Nampaknya dalam usaha untuk memperbaiki keadaan ini, Lord Carrington, Setiausaha Luar British semasa lawatannya ke negara ini tempoh hari telah memberitahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Kerajaan British telah memberi peruntukan sebanyak 40 juta untuk biasiswa bagi membantu 10,000-20,000 pelajar. Beliau selanjutnya menambah bahawa Tabung Pelajaran untuk Pelajar-pelajar (Education Student Fund) akan ditubuhkan untuk membantu pelajar-pelajar yang lebih miskin.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kelima.” (22hb Mac, 1982).

3.37 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyokong apa yang diutarakan bersabit dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya berharap saya tidak akan menyentuh apa yang sudah diperkatakan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan yang telah lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat apabila kita meninjau negara kita, nombor satu sekali yang saya pandang paling penting ialah keselamatan negara, yang paling penting harus kita perhati dan membuat analisa dan harus kita memberi syor-syor yang berguna, kalau dikatakan berguna, kepada Kerajaan dan negara kita sendiri.

Saya berpendapat RELA sekarang mengambil satu tempat yang berguna sekali, sebab ia menyeluruh di seluruh ceruk rantau kampung dan desa di seluruh tanahair. RELA pada masa sekarang yang saya dapat tahu hanya 350,000 orang tetapi dalam Dewan ini dahulu juga, saya telah mengesyorkan sekurang-kurangnya hendaklah kita meletakkan seramai 500,000 ahli RELA diadakan di seluruh pelusuk tanahair kita ini demi serampang dua mata juga selain daripada kita memberi nadi bagi menyelamatkan kampung dan tempat kita di seluruh negara tetapi mereka juga akan menjadi nadi saluran Kerajaan dalam beberapa perkara keselamatan di seluruh negara kita khususnya di tempat mereka masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap terutama kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mengkaji supaya ahli RELA ini ditambah, supaya tiap-tiap kampung di seluruh negara, tiap-tiap tempat di seluruh pelusuk tanahair kita terutama di sempadan-sempadan tempat yang boleh masuk subversif komunis, subversif yang merosakkan negara kita ini ditubuhkan secepat mungkin, senjata-senjata kita beri; jangan takut-takut, sebab senjata ini perlu sekarang terutama kalau kita memandang jauh selangkah dua langkah di sekitar ASEAN sekarang. Selangkah dua langkah kita memperhatikan gerakan komunis di seluruh dunia khususnya di Asia kita ini. Siapa pun tidak dapat menafikan komunis memang mara daripada semasa ke semasa membuat beberapa percubaan-percubaan perjalanannya bagi meluaskan negara komunis di rantau kita di sebelah sini. Sebab itu, saya rasa demi keselamatan negara

kita ini segala usaha bagi menjaga ketenteraman dan keselamatan harus kita perbuat secepat mungkin dengan tidak bertanggung. Ramaikan sekurang-kurangnya pada masa ini 500,000 orang, beri senjata yang moden dan selain daripada itu ia perlu dikaji dan dibuat penyaluran supaya tiap-tiap RELA ini ia juga akan menjadi pembantu Kerajaan yang berguna di kampung atau ditempat masing-masing di seluruh pelusuk negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, sesudah itu, saya ingin menyentuh mengenai tentera udara, tentera darat dan tentera laut. Saya rasa bangga sebab Kerajaan kita memberi keutamaan peruntukan kewangan yang banyak kepada Angkatan Tentera. Ada orang mengatakan apa gunanya peruntukan banyak bagi tentera ini. Saya tidak berpendapat begitu. Saya berpendapat ianya perlu sekali ganda lagi Kerajaan kita memperkuat lagi kekuatan pertahanan kita, tentera laut, darat, udara termasuk polis di Raja di seluruh tanah air kita. Sebab saya rasa tidak keterlaluan saya memperkatakan sesungguhnya dengan adanya kekuatan tentera kita dan polis di Raja kita sahaja, saya rasa keamanan negara kita ini boleh terjamin sebagaimana yang dibuktikan oleh tentera-tentera tersebut dan polis kita melawan komunis semenjak penjajahan British sehingga sekarang. Kita tetap menang dan kita berjaya mengalahkan mereka dari masa ke semasa. Tetapi kalau kita anggap sekarang kita sudah menang dan berjaya sebenarnya kita telah meninggalkan sesuatu saat yang harus kita ingat selalu melupakan masa yang amat merbahaya kita iaitu kita harus berwaspada sepanjang masa. Kita harus menambah kekuatan ini, kita harus menguatkan lagi semangat, kita harus membuat beberapa pembaharuan dalam tentera dan polis kita supaya setanding dengan Angkatan Tentera dan Polis negara-negara yang kuat dan berjaya dalam dunia ini.

Ada orang membuat penilaian yang rasa saya kurang wajar, mengatakan sedikit sebanyak tentera ataupun pasukan polis kita membuat sedikit sebanyak yang mereka kata tidak sepatutnya. Pada pendapat saya di mana juga tentera dalam dunia ini, kita pergi di Eropah, di Timur di mana sahaja mesti ada berlaku sebagai manusia mesti ada melakukan

sesuatu kesilapan. Sebab itu kalau manusia-manusia ini menjatuhkan hukuman dengan sedikit kesilapan, itu nama tentera kita yang membela kita menjaga keamanan, menjaga keselamatan, menjaga nyawa kita adalah orang itu kurang sihat. Yang sebenarnya kalau dia ahli politik, politik di tidak memandang jauh ke hadapan. Kalau dia seorang ahli fikir, semua fikiran dia sebagai orang yang duduk di bawah lembah bukan duduk di atas bukit atau atas gunung yang boleh melihat sekeliling alam yang luas.

Saya suka membela nama Angkatan Tentera dan Polis di Raja kita. Sebenarnya mereka telah berjaya menjaga keselamatan, keamanan dan kesentosaan seluruh penduduk tanah air kita ini. Saya bercakap ini ialah berkenaan dengan keselamatan negara yang penting dan harus direstui oleh bapak-bapak pemimpin dan bapak-bapak Menteri kita yang bertanggungjawab daripada masa sekarang atau di masa-masa ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang menoleh kita kepada pembangunan ekonomi negara kita. Saya amatlah bersetuju sampai masanya kita harus melangkah dalam satu perkara yang wajar dan sihat iaitu memperbanyakkan perkapalan dalam negara kita ini sebagai negara yang maju. Kalau kita membaca sedikit sejarah **British Empire** atau perkembangan orang-orang British zaman dahulu bagaimana mereka merenangi laut pergi dari satu negara ke satu negara, begitu juga orang Jepun sebagaimana Kerajaan kita sekarang mahu menoleh ke Timur, mereka juga amat memerlukan perkapalan, yakni laut menjadi satu perdagangan, satu tumpuan matlamat pasaran yang amat besar dan amat berguna dalam dunia ini. Sebab itu saya menyeru Kerajaan kita supaya mengalih pasaran, perdagangan dan perusahaan yang penting, perkapalan bagi Malaysia dimajukan secepat mungkin, jangan tunggu 5 tahun atau 10 tahun akan datang. Sekarang juga Kerajaan harus bersikap memajukan perdagangan, perusahaan, perkapalan kita dengan hebat dan berani supaya negeri kita ini benar-benar gagah dan maju dalam lapangan yang sangat penting saya pandang.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita hendak membuat satu Universiti Islam yang boleh mencantumkan rasa silatulrahim 40 negara-negara yang menganut agama Islam kita kenal terkemuka dalam dunia ini. Saya rasa satu perkara yang rasa saya titik pembangunan Malaysia yang unggul sekali. Saya harap ini diberi kenyataan.

Saya sebelum ini telah menemui pihak berkuasa Negeri Perak, kalau hendak Negeri Perak, Negeri Perak bersedia memberi tanah walau 1,000 ekar atau 2,000 ekar. Kalau di wilayah saya, saya telah berunding dengan Pegawai Daerah yang menjaga tanah di wilayah saya Kuala Kangsar, dia sanggup memberikan 1,000 ekar atau lebih. Kalau hendak dibuat universiti ini di Negeri Perak tetapi saya bukan kenegerian, di mana sahaja di tanahair kita Malaysia ini bangunlah satu Universiti Islam yang memupak seluruh bangsa Islam di seluruh dunia ini dalam pengertian yang wajar bagaimana saya pinjam kata Sir Mohd. Iqbal, seorang filsuf atau seorang penyair Islam yang masyhur dalam dunia ini: "Bersatulah wahai umat Islam seluruh dunia. Kalau tidak bersatu, kalau kita mati bersendiri sendiri, berpecah belah, umat Islam akan jatuh, akan jadi bangsa yang rendah dalam dunia ini meskipun sampai di negara Nabi yang kita agungkan, Penghulu kita di negeri Nabi Muhammad sendiri. Kalau tidak kita bersatu, Islam tidak mengikut pengajaran oleh Nabi kita sendiri bersatu bersungguh-sungguh, seluruh umat dan pengajaran Islam, Islam akan jatuh". Tetapi, saya rasa amat bersyukur yang bapak pemimpin kita telah mula mengambil kata-kata bersatu ini dan menegakkan Universiti Islam di Malaysia. Jadi saya ringkaskan, Universiti Islam ini kita mengalu-alukan dengan sepenuh nada dan sepenuh perasaan supaya didirikan secepat mungkin di Malaysia ini bagi menguatkan silatulrahim yang paling kuat yang dinamik, sebab mengikut asasi Islam, persatuan Islam apabila timbul persaudaraan sejati dalam Islam, kekuatan dan kebaikan dunia akan menjadi aman.

Sementara itu saya juga dahulu dalam sidang yang telah lalu saya telah menyeru hakim-hakim dalam Malaysia bermurah hati sedikit pergilah menjenguk ke negara-negara

Islam yang menjalankan tadbir ataupun undang-undang Islam. Saya memanggil tidak ke negeri jauh tetapi saya panggil hakim-hakim menghantar orang ke Pakistan mengenai perkara ini. Saya rasa belum lagi dihantar, saya menyeru sekali lagi, saya selalu menyebutkan ini saya selalu menyebutkan kepada orang-orang yang bukan Islam, apabila kita menyeru mengikut agama Islam, undang-undang Islam, saya suka menegaskan undang-undang Islam ini memberikan keselamatan, keadilan, kemakmuran, kesentosaan yang hakiki. Jangan takut orang yang bukan Islam, sebab Nabi Besar kita Muhammad ini bukan datang dari Eropah. Ada orang mengatakan ini datang daripada kulit putih, perasaan kemanusiaan (human being) dalam dunia ini datangnya daripada barat. Yang sebenarnya tidak, ia adalah dilancarkan dan dibawa oleh Penghulu Besar Nabi Muhammad s.a.w. dalam dunia. Saya suka mengulangi, peperangan Suniatul Wadha' yang masyhur Nabi kita tegas dan menyeru kepada seluruh manusia supaya insaf, sedar kemanusiaan Islam yang sejati, menyeru manusia.

Kata Nabi siapa juga musuh-musuh yang surrender jangan dipengapakan. Jangan dianiaya dia. Kanak-kanak, orang-orang tua jangan dianiaya walaupun dia orang kafir, orang yang bukan Islam. Tempat-tempat mereka sembahyang, ibadat, tempat sekolah jangan dirosakkan. Pokok-pokok pun jangan ditakik, pokok tamarpun jangan sengaja ditakik-takik atau sengaja dirosakkan. Begitu juga binatang jangan dibuat aniaya bahkan diseru menolong kalau misalnya binatang dahaga beri dia minum. Tanggalkan kasut, angkat air di telaga atau di mana-mana untuk diberi minum. Inilah seruan yang harus saya beritahu kepada orang-orang yang bukan menganut Islam. Inilah human being, kemanusiaan Islam yang menyeluruh, bukan sahaja kepada manusia, kepada tumbuhan, binatang malah ke semuanya diinsafi supaya adil dan berbuat baik kepada semua. Sebab itu saya menyeru Kerajaan kita kembalilah kepada pengajaran Islam yang sejati untuk kebaikan negara yang penuh cubaan dan cabaran sekarang tidak lain hanya kita kembali kepada jalan yang sebenarnya ini.

Siapa pun dalam dunia ini, siapa pun Islam, orang yang mahir dalam Islam tidak boleh menafikan ini. Apakah cara menyelesaikan cabaran-cabaran yang datang hanya dengan pengajaran undang-undang Islam dijalankan dalam negara kita.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut sedikit sebanyak tetapi mengulangi balik supaya kita kembali kepada pengajaran Islam dan undang-undang Islam yang sejati dalam negeri ini. Kita sambut apa seruan junjungan kita yang sebenarnya.

Sambil itu, saya suka juga menyebut Hakim dalam negeri ini dapat memerhati balik Undang-undang Syariah yang dijalankan di negeri-negeri yang rasa saya banyak perkara yang harus disesuaikan balik supaya diiktiraf balik di dalam negeri ini dan diperbaiki secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tidak hendak bercakap panjang lagi, saya rasa yang lain-lain itu ada saya hendak cakap, tetapi saya perhatikan dalam ucapan-ucapan Yang Berhormat sahabat saya telah menyentuh, saya hanya berharap dalam perpaduan negara ini mahu tidak mahu harus juga dibuat analisa kembali supaya semua rakyat negeri ini faham apa makna di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung. Apabila saya menyebut ini untuk seluruh rakyat tidak kira bangsa.

Semalam Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan negara kita telah memberikan 2.2 juta menjadi rakyat dalam negeri kita ini. Sebuah negeri yang kecil tetapi paling berani dalam dunia. Tidak ada negeri dalam dunia, saya boleh mencabar siapa juga menyebut negeri lain yang ada dalam dunia yang sesuai dengan bangsa yang sedikit tetapi memberi kerakyatan yang begitu berani dan murah hati seperti negeri kita. Saya menyebut ini bukan hendak membangkit, tetapi dengan penuh perasaan kasih mesra dan ikhlas seperti saya sebutkan tadi itu agama yang kami pegang, kami jujur dan ikhlas supaya seluruh rakyat kita terutama hendak mengadap pilihanraya. Bukanlah pilihanraya satu bala yang datang, yang mesti kita takut, pilihanraya ialah menentukan kebaikan, kewaspadaan, kewajaran otak kita supaya menentukan Kerajaan mana boleh kita pilih. Tetapi yang paling penting yang mesti kita

bersatu patu, menyatakan dia baik, mana yang tidak baik, kita semua bersatu menyatakan, bukan. Itu memang tidak baik ataupun lain-lain kata yang hitam patut kita kata hitam. Ini kita hendak menyeru kepada seluruh rakyat negeri ini. Kalau kita kata komunis, semua rakyat negara ini mesti menentang komunis, tidak kira dari mana kaum itu. Ini yang perlu. Kalau kita semua ini bersatu dalam negeri ini, negara kita yang sebenarnya negara yang paling aman dan paling sentosa di dalam dunia ini tetapi tidak boleh dinafikan ada rakyat negeri ini yang tidak mahu bersatu dalam hal ini dan untuk menghadapi cabaran apa juga. Hanya dalam kebaikan, kebahagiaan, kesentosaan, kekayaan mereka mahu. Itu saya hendak cakap terus terang tetapi nasib baik tidak banyak. Tetapi dalam menghadapi cabaran, menghadapi musuh-musuh seperti anasir-anasir subversif mereka buat tidak tahu sahaja. Apa juga tindakan Kerajaan yang nyata, yang benar salah kepada mereka.

Saya hendak menyeru dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini supaya seluruh rakyat, seluruh pemimpin tidak kira apa bangsa pun rakyat Malaysia marilah kita bersatu dalam erti kata yang sebenarnya. Jabatan Perpaduan Negara saya menyeru supaya diadakan sedikit perubahan supaya dapat dicantumkan perpaduan yang sebenarnya kepada seluruh rakyat. Kalau kita bersatu-padu rasa saya tidak ada apa yang susah dalam Malaysia ini. Negeranya kaya, makmur hasil buminya tidak terkira. Kalau kita pergi ke Eropah, kita pergi ke Afrika kita pergi negeri-negeri di sebelah timur inipun tidak dapat—tidak dapat macam Malaysia. Dalam serba-serbi kita mewah, dalam serba-serbi kita tidak boleh jadi kelaparan dalam negeri ini, hanya yang perlu, Tuan Yang di-Pertua, jiwa nurani kita yang mulia, cinta kepada bumi yang kita pijak, langit yang kita junjung. Ini yang pasti, sekarang kita amal dengan sepenuh jiwa dari mula sampai kepada nafas yang akhir. Insya Allah, Tuan Yang di-Pertua, perpaduan ini kalau kembali dengan hati yang sebenarnya, Malaysia kita akan maju dan berjaya, aman, sentosa dan Pilihanraya ini kita dapat menentukan sebenarnya siapa yang baik dan siapa yang curang.

Saya yakin di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr Mahathir yang berani, bersikap dinamis ialah anugerah Tuhan kepada kita. Bukan saya hendak memuji sebagai dewa atau lebih-lebih tidak, dia pun manusia biasa, tidak ada siapa yang permanent dalam dunia ini. Perdana Menteri pun bukan permanent; biar sampai 10-15 tahun dia mesti berhenti; nyawa pun sampai 70-80 tahun dia mesti pergi. Sebab itu tidak ada yang permanent. Jadi saya hendak memuji kepada Dato' Seri Dr Mahathir sebagai anugerah Tuhan kepada kita semua kerana berani mentadbir negara dalam bersungguh-sungguh dengan perasaan yang ikhlas memimpin negara kita dalam menuju bertikata yang sebenar-benarnya, negara yang aman, maju, bersih, damai dan semua rakyat mendapat tempat yang baik.

Sekian dan saya menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Rahmah Othman.

3.58 *ptg.*

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sokongan sepenuhnya kepada Usul yang dibentangkan oleh sahabat saya pada hari semalam Yang Berhormat Tuan Subramaniam membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Kelima pada 8hb Mac, 1982.

Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan ucapan syukur dan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen kita pada tarikh yang saya sebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Baginda itu telah sebanyak sedikit memberi semangat dan kesedaran kepada sekalian rakyat, bahawa untuk mencapai sesuatu kejayaan kemajuan kita akan berhadapan dengan berbagai rintangan cabaran dan semakin maju sesebuah negara itu semakin bertambah masalah yang kita hadapi. Kita

tidak pula dapat menafikan bahawa Malaysia telah berjaya dan ada banyak perkara-perkara yang boleh kita banggakan. Ini adalah perkara biasa, kerana kita sedar bahawa kemajuan itu sendiri telah membuat rakyat sedar tentang faedah-faedah kemajuan. Walau bagaimanapun, dalam Titah Ucapan Baginda itu dengan secara yang positif Baginda sendiri telah mengakui bahawa Kerajaan Baginda belum memperolehi kemajuan sepenuhnya. Walaupun kemerdekaan telah kita capai selama 25 tahun masuk kepada suku abad yang kedua tetapi Kebawah Duli Yang Maha Mulia sedar bahawa ada rancangan-rancangan yang masih belum dapat kita penuhi. Ini adalah perkara biasa yang berlaku di dalam sesebuah negara yang sedang membangun. Seperti juga Titah Baginda dalam hal-hal ini jelas bahawa kita mestilah bersyukur ada kejayaan-kejayaan besar yang telah kita capai yang boleh kita banggakan sebagai sebuah negara yang berdaulat dan telah berusaha dan berjaya untuk mengambil tempat dalam masyarakat dunia, duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju. Bertindak tegas mempertahankan hak-hak dan maruah kita dalam hubungan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara dalam Titah Ucapan Baginda. Satu daripadanya ialah berhubung dengan apa yang dikatakan iaitu kita mesti bergerak cergas, maju ke hadapan bukan sahaja dari segi kebendaan tetapi juga dari segi rohaniah bukan sahaja dalam bidang ekonomi tetapi dalam semua bidang kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kepimpinan dan pentadbiran negara ini diambil alih oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad dan Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam, saya dapati bahawa kedua-dua pemimpin ini begitu serius sekali mentadbirkan Kerajaan negara ini. Mereka mahukan perjalanan pentadbiran dijalankan dengan jujur dan ikhlas, cekap dan penuh dedikasi. Dengan sikap yang begitu tegas dapat di kedua-dua pemimpin ini imej negara kita dalam masa beberapa bulan telah begitu meningkat. Masyarakat luar negeri ini telah menghormati pendirian Kerajaan kita. Mereka telah mencontohi dengan adanya

sistem disiplin iaitu datang ke pejabat awal dan ada yang balik lewat dan memerlukan agar lebih berdiskusi dan lebih produktif dalam kerja-kerja yang kita jalankan.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat mahukan satu pentadbiran yang bersih, cekap dan licin. Kalau kita lihat dalam ucapan Yang Amat Berhormat yang menyebut tentang tema pilihanraya tahun ini juga menyatakan bahawa temanya ialah 'Kerajaan Bersih, Cekap, Licin dan Penuh Dedikasi'. Pentadbiran politik dan pegawai-pegawai Kerajaan hendaklah bergerak sealiran dan tidak menganggap sekali-kali bahawa Kerajaan itu tuan, maknanya pentadbiran politik yang terdiri daripada orang-orang politik itu tuan dan orang-orang politik pula jangan sekali-kali menganggap bahawa pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan itu adalah pekerja-pekerja upahan. Sikap ini perlu dikikis untuk mendapatkan kerjasama yang erat demi untuk memajukan dan yang penting sekali melaksanakan rancangan-rancangan Kerajaan untuk rakyat. Dalam usaha untuk mencapai kemajuan yang lebih bermakna kerajinan dan ketekunan adalah kunci kejayaan.

Saya ingin menyeru pegawai dan kakitangan Kerajaan agar dapat mengatasi rungutan orang ramai yang masih lagi kedengaran bahawa ada setengah-setengah jabatan di mana terdapat orang ramai sentiasa menghubungi, setiap hari terdapat pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang masih lagi tidak bersikap bersopan-santun dan masih lagi sombong, masih terdapat walaupun sudah menjadi satu amalan sekarang ini datang ke pejabat pagi dengan tujuan untuk mengisi sepenuh masa menjalankan tugas-tugas terdapat juga fail-fail yang hilang di pejabat-pejabat, layanan yang tidak memuaskan dan orang ramai terpaksa menunggu lama untuk satu-satu permohonan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini bukanlah satu tuduhan tanpa ada bukti-bukti yang nyata. Saya sebagai Ahli Dewan Negara yang sentiasa menghampiri pegawai-pegawai Kerajaan, kadang-kadang saya mengambil

berat kerana saya sentiasa pergi ke pejabat-pejabat Kerajaan tanpa diketahui oleh pegawai-pegawai. Saya pernah pergi ke satu jabatan yang berhampiran dengan Dewan ini pada satu hari, saya dapati bahawa saya sudah 40 minit menunggu di luar tanpa mendapat apa-apa layanan sehinggalah saya terpaksa menunjukkan kad sebagai Ahli Dewan Negara kepada pegawai yang berkenaan baharulah saya dapat layanan dan layanan itu begitu istimewa sekali. Saya terus dibawa kepada Pengarah Jabatan yang berkenaan. Inilah satu contoh yang saya berasa begitu sedih sekali.

Saya ambil contoh, katalah Pejabat RIMV yang ada pada satu ketika dahulu diletakkan di Jalan Duta ini. Cubalah kita fikirkan betapa susahnyanya rakyat biasa, terutama sekali sudahlah tidak tahu tempatnya dan bukan ada kemudahan yang begitu senang, menunggu berhari-hari untuk mendapat lesen, tiba-tiba apakala nama yang dipanggil, fail hilang. Perkara ini saya tidak menceritakan cerita kosong tetapi sebenarnya berlaku dan saya mempunyai bukti yang nyata pegawai-pegawai yang berkenaan telah pun kita panggil dan kita beri keterangan-keterangan dan kita juga telah memberikan bukan arahan tetapi sebagai cara mengingatkan bahawa perkara seperti ini janganlah berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kehendak kedua-dua pemimpin kita ini bahawa kita mahukan satu Kerajaan yang licin, yang bersih, yang begitu mempunyai disiplin kerana Yang Amat Berhormat itu sendiri datang ke pejabat waktu pagi menjalankan kerja-kerja pentadbiran di pejabatnya sehinggakan orang-orang parti terpaksa menunggu di rumah daripada pagi sampailah petang untuk menemui beliau itu tetapi apa yang penting baginya ialah untuk mentadbirkan negara. Saya mengharapkan kepada pegawai-pegawai Kerajaan supaya ini dijadikan contoh yang baik. Kita mestilah berusaha dan meminati satu-satu kerja kita itu baharulah terdapat perubahan yang diharapkan. Dalam hal ini, saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan supaya menubuhkan satu majlis yang berupa independent samalah macam yang diadakan di Amerika Syarikat iaitu satu majlis yang menjaga berkenaan dengan pentadbiran

negara, yang dinamakan Majlis Pentadbiran Kakitangan Kerajaan dan tujuannya adalah antara lain:

- (1) Menyusun cara-cara mentadbirkan pejabat-pejabat dan urusan kaki-tangan.
- (2) Membincangkan aspek-aspek perkhidmatan termasuk kelewatan, penyelewengan dan lain-lainnya.

Apa yang saya dapat lihat hari ini ialah sistem pentadbiran negara kita masih lagi yang kita gunakan waktu negara ini dijajah oleh British. Kita belum ada satu perubahan secara keseluruhan. Apa yang saya dapat lihat hari ini perubahan di dalam pentadbiran-pentadbiran Kerajaan hari ini serupalah seperti kaum wanita ataupun laki-laki hari ini orangnya sama tetapi untuk mencantikkan mukanya dia pergi plastic surgery, dinaikkan hidungnya, ditegangkan mukanya dan seterusnya. Inilah keadaan yang berlaku kerana kita adakan satu cara sistem ad-hoc, kita tukar ini, kita ubah ini, kita ada sistem yang mana kita cari pegawai-pegawai yang rajin dengan memberikan jasa khidmat cemerlang dan sebagainya tetapi kita perlu mengadakan satu sistem di mana seluruhnya dapat menerima sistem itu, mahupun di peringkat Kementerian sehinggalah ke pejabat-pejabat yang kecil di peringkat-peringkat daerah. Majlis ini kalau hendak dibandingkan mungkin ada samanya dengan Majlis Terenta atau Majlis Polis yang bercorak independent kerana yang duduk dalam itu adalah wakil-wakil yang dilantik khas supaya mereka dapat mengkaji kelemahan-kelemahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa Kerajaan telah berusaha dalam tahun 1981 mendapatkan sebuah syarikat swasta untuk membuat kajian-kajian ini. Kajian-kajian ini dibuat oleh sebuah badan ataupun syarikat swasta dan melaporkan pula kepada Kerajaan untuk menunjukkan kelemahan-kelemahan yang berlaku di dalam pentadbiran Kerajaan itu sendiri. Rasa saya ini tidaklah kena dan tidak sesuai kerana sebagai sebuah Kerajaan itu dia patut boleh sudah pada hari ini mengadakan majlisnya sendiri atau sistem pentadbirannya sendiri dan tak payah kita cari syarikat-syarikat luar ini, kadang-kadang

mungkin syarikat luar itu sendiri tak mahu apakah sistem yang dikehendaki oleh Kerajaan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya sentuh ialah berhubung dengan Titah Ucapan Baginda berhubung dengan keyakinan Baginda berkenaan Islam, adalah menjadi benteng bagi mempertahankan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Titah Baginda, "Islam akan lebih kukuh sekiranya umat Islam terus bersatu dan mencapai kemajuan. Kegiatan-kegiatan yang bercorak memecah-belahkan perpaduan ummah akan hanya melemahkan kekuatan Islam dan menghancurkan benteng pertahanan negara."

Tuan Yang di-Pertua, memang tepat sekali Titah Baginda itu kerana Islam adalah agama yang diturunkan Allah s.w.t. kepada manusia sebagai satu cara hidup yang menyeluruh dan merangkumi semua aspek, termasuk pentadbiran, pemerintahan, ekonomi, pelajaran, politik kemasyarakatan dan lain-lain.

Menyedari kedudukan Islam dalam Perlembagaan negara kita ini, negara yang mempunyai sejarah Islam kira-kira 5 abad yang lalu memandangkan kepada bangsa dan keturunan dalam masyarakat majmuk di negara ini kita telah berusaha sedaya upayanya ke arah menghayati Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kita dapat melihat pada hari ini Kerajaan bukan sahaja mengadakan program-program pendidikan melalui sekolah-sekolah iaitu pendidikan Islam ataupun melalui siberan am menggunakan penyiaran radio dan sebagainya tetapi Kerajaan telah dan sedang merancang dan melaksanakan program-program untuk meningkatkan taraf hidup umat Islam di negara ini. Di samping pengajaran agama Islam di sekolah-sekolah Kerajaan juga telah mengadakan Maktab Perguruan Islam, Fakulti dan Institusi-institusi Pelajaran Tinggi Islam di seluruh negara, Kompleks Institusi Islam yang lengkap.

Yang lebih membanggakan kita semua saya percaya ialah pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengenai penubuhan Universiti Islam

Antarabangsa di Malaysia dalam tahun 1983. Penubuhan universiti ini tepat pada masanya dan dengan secara tidak langsung meletakkan Malaysia di mata dunia dan menguatkan lagi kedudukan Malaysia di kalangan negara-negara Islam. Inilah yang diharapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang dimaksudkannya duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju, terumama negara-negara Islam.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan universiti ini telah lama diidam-idamkan dan inilah yang diharapkan dan dapat merapatkan lagi umat Islam di negara ini dan juga masyarakat lain yang boleh menggunakan universiti ini kerana universiti ini akan menggunakan dua bahasa, iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab. Saya menyeru kepada seluruh umat Islam di negara ini supaya kita sama-sama memajukan masyarakat kita menyokong sepenuhnya usaha Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad menegakkan syiar Islam yang akan menjadi benteng kepada segala usaha kita untuk membangunkan masyarakat dan negara ini. Langkah yang diambil oleh Perdana Menteri menubuhkan universiti ini di sini adalah satu langkah yang positif dan akan dapat memenuhi hasrat Islam dan akan dapat menyebarkan ilmu pengetahuan Islam secara luas, bukan sahaja di kalangan umat Islam bahkan di kalangan masyarakat bukan Islam.

Saya menyeru kepada parti-parti Pembangkang yang selalu mempersendakan ajaran Islam untuk kepentingan mereka berhenti melakukan perbuatan ini, jangan cuba membodoh-bodohkan umat Islam di negara ini dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran dengan tujuan untuk mengeliru dan niat memecahbelahkan umat Islam di negara ini. Dengan adanya usaha Kerajaan Barisan Nasional menyediakan berbagai cara bagi memperkukuhkan dan mengembangkan ajaran dan falsafah Islam yang sebenarnya hari ini tindak-tanduk dan kegiatan parti itu dirasakan tidak kena sama sekali di negara ini pada hari ini. Demi untuk perpaduan ummah, sebagai umat yang cintakan perpaduan rentikan perbuatan yang mengatakan bahawa pemimpin-pemimpin Kerajaan sekarang tidak Islam, terutama pemimpin-pemimpin UMNO

yang memegang teraju Kerajaan pada hari ini yang menuduh bahawa mereka dikafir, murtad dan sebagainya. Mereka mendakwa bahawa parti mereka itulah sahaja Islam.

Saya menyeru sekali lagi, Tuan Yang diPertua, insafilah umat Islam negara ini bahawa kalau kita terus berpecahbelah di antara satu sama lain segala usaha yang kita hendak perbuat bagi kepentingan umat Islam akan terus gagal dan akan terus ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya sentuh ialah berhubung dengan seruan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baru-baru ini supaya rakyat negara ini sekarang membuang pandangan kepada negara-negara sebelah timur, membuang sikap menyanjung tinggi terhadap dunia sebelah barat seolah-olah semenjak kita ini dijajah tidak adalah negara di sebelah sini yang begitu maju yang boleh menolong masyarakat di negara sebelah timur ini maju.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sebentar tadi di dalam Dewan ini beliau mengharapkan agar masyarakat di negara ini mengalihkan pandangan ke negara-negara timur seperti Jepun dan Korea Selatan. Kita semua tahu bahawa seruan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita itu memeranjatkan setengah-setengah pihak, tetapi saya berharap kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad akan terus berdiri teguh kepada dasarnya itu walaupun ada setengah-setengah negara di Barat yang tidak senang hati, yang tidak akan kononnya menyokong segala usaha kita di masa akan datang dan kononnya ini akan merugikan Malaysia.

Kita semua maklum di bidang ekonomi kita saling bergantung dengan negeri Jepun. Kira-kira 20% daripada barang-barang yang kita eksport keluar negeri adalah diserap oleh Jepun dan sebaliknya pula 20% daripada barang-barang yang kita import dari luar datangnya juga dari Jepun. Selain dari itu, Jepun juga adalah merupakan sumber bantuan kewangan luar yang pertama bagi membiayai projek-projek pembangunan negara ini.

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masanya sekarang Kerajaan kita menghantar belia-belia kita meneruskan pelajaran mereka di bidang teknikal dan profesional ke negara-negara seperti Jepun dan Korea Selatan. Pelajar-pelajar kita yang dihantar ke dua buah negara itu di samping belajar di bidang-bidang yang saya sebutkan tadi, mereka perlu belajar cara kehidupan, memerhatikan bagaimana rakyat di kedua-dua buah negara itu maju, bagaimana mereka mendisiplinkan diri bersopan-santun terhadap orang tua dan menghormati orang-orang luar. Belajar bagaimana mereka begitu enterprise sekali di bidang-bidang mencipta teknologi moden dan memerhatikan bahawa masyarakat di negara itu bukan hanya bekerja untuk mencari keuntungan diri bahkan juga bagi faedah negara, bangsa dan masyarakat yang tinggal di negeri itu. Mereka juga menghormati majikan dan seterusnya masyarakat sekeliling.

Kita perlu menghantar belia-belia kita bekerja di kilang-kilang perindustrian di Jepun dan di Korea Selatan. Berlatih bagaimana majikan dan pekerja sama-sama di sektor swasta dan awam itu berjalan seiringan hormat menghormati dan penuh dedikasi. Di samping itu kita harus mengambil perhatian yang serius terhadap beberapa syarikat kepunyaan British yang berada di negara ini yang tidak mahu mengubah sikap mereka menyahut seruan Kerajaan supaya menyalurkan infrastruktur syarikat mereka dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru. Banyak lagi terdapat di dalam syarikat-syarikat ini yang tidak memenuhi kehendak ekuiti dan pengambilan pegawai bumiputra. Malahan sikap mereka begitu dingin sekali dengan arahan Kerajaan supaya melaksanakan kehendak Dasar Ekonomi Baru.

Kerajaan juga perlu mengambil tindakan kepada syarikat-syarikat yang bersikap mahu tidak mahu melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.

Saya begitu sukacita sekali melihatkan satu kenyataan yang dibuat baru-baru ini oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan memberikan beberapa syarikat insuran kepunyaan mereka ini yang berada di negara

ini sehingga pertengahan bulan depan dan saya berharap kepada Menteri yang berkenaan, kepada syarikat-syarikat yang tidak mengambil tindakan itu, ambillah tindakan dan kalau boleh kita jadikan satu tauladan kepada syarikat-syarikat yang lain.

Saya juga meminta Kerajaan mengambil satu sikap yang tegas kepada syarikat-syarikat ini yang mengambil pegawai-pegawai Kerajaan kononnya untuk memenuhi kehendak Dasar Ekonomi Baru mengambil mereka menjadi pegawai-pegawai dan pengarah-pengarah syarikat itu tetapi tidak ada kuasa. Kuasa yang diberikan ialah untuk mengambilkan permit bekerja, mengadakan urusan menjamu orang ramai dan melihatkan kalau ada perjumpaan-perjumpaan di antara pegawai-pegawai mereka dengan pegawai-pegawai Kerajaan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan agar Kerajaan dapat mengambil tindakan yang begitu serius sekali terhadap mereka ini.

Seperkara lagi yang ingin saya sentuh, Tuan Yang di-Pertua, ialah berhubung dengan keadaan belia-belia kita yang sedang menganggur.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Puan Rahmah binti Othman: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri dengan, saya merayu kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan mengadakan satu program-program yang tersusun dan teratur bagi memenuhi kehendak-kehendak belia di negara ini supaya mereka tidak menjadi masyarakat yang tertinggal.

4.26 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bercakap dan membahaskan ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah disampaikan di Dewan Rakyat beberapa hari yang lalu dan hari ini di Dewan yang mulia ini akan membahaskan ucapan-ucapan ini juga.

Ucapan yang telah disampaikan ini yang meliputi segenap aspek perkembangan negara sama ada dari harapan, rancangan, cita-cita dan hasrat berhubung dengan dalam dan luar negeri serta kajian dan akuan, kelemahan-kelemahan dan kemajuan yang telah dibentangkan di dalam ucapan itu. Dan perkara yang menarik minat saya ialah pentadbiran yang bersih, cekap dan licin adalah menjadi matlamat kita. Pegawai Kerajaan hendaklah menganggap perkhidmatan Kerajaan sebagai satu peluang keemasan untuk berkhidmat kepada negara, bukan untuk kepentingan diri semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan yang menyeluruh menyentuh segenap aspek pembangunan telah dikemukakan dengan begitu baik dan sempurna seolah-olah meminta, merayu dan memujuk, telah menjadikan satu harapan mencapai kejayaan perkembangan akan datang. Adalah amat ketara di samping menyedari ada kesilapan dan kekurangan kalau ada orang mengatakan ini tidak ada apa-apa, hanya sekadar polisi tetapi hakikatnya amatlah ketara dan telah terbentang di hadapan kita tidak berapa lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dalam perkara menyusun semula masyarakat kita bagi mencapai perpaduan, ini harapan keseluruhan rakyat di negara ini. Perkara ini seharusnya dijadikan tema segenap masa, tidak hanya sekadar satu masa sahaja dan harapan ini tidak kita sahaja bahkan di dunia juga meminta dan berharap, lebih-lebih lagi dalam tuntutan agama dan seruan agama kita.

Kalau masyarakat telah tersusun dan perpaduan telah tercapai maka negara akan maju, kukuh, aman dan berjaya. Setiap usaha terus terlaksana. Tetapi oleh kerana manusia ini mempunyai nafsu, yang mana nafsunya meminta itu dan ini, membuat itu dan ini, harapan itu dan ini dan kalau ada hanya satu golongan itu mementingkan golongan-golongannya sahaja dengan tidak mengira golongan dan arah perpaduan dicemari dengan hasrat-hasrat lain, maka perpaduan yang diharapkan itu tidak akan mungkin tercapai selagi mana nafsu diutamakan atau dikemukakan. Maka hasrat yang murni dan cita-cita yang murni ini takkan terlaksana sebagaimana mestinya. Begitu juga dalam

perkara kehidupan seharian masyarakat yang tak sama kedudukan. Kerajaan seharusnya mencari jalan, sekali lagi saya katakan Kerajaan harus mencari jalan agar punca mencapai hidup sederhana dan taraf hidup sempurna dapat diusahakan dengan pembahagian rezeki tidak berat sebelah dan tidak menjadi pincang kehidupan sehari-hari masyarakat di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang hasrat rakyat, Kerajaan mestilah menyedari dan berusaha memenuhi hasrat dan harapan rakyat. Adalah amat baik dan saya rasa ini telah berkali-kali telah disarankan dan disuarakan dan ini juga disuarakan yang tidak berhenti-henti dan banyak lagi akan disuarakan masalah hasrat ini. Kalau Kerajaan telah menyedari dan telah mengetahui bahawa masih banyak lagi hasrat rakyat yang belum dipenuhi sedangkan rakyat ternanti-nanti dan tempat menyuarakan telah disekat atau suara rakyat tidak diketengahkan, maka usaha untuk memenuhi hasrat rakyat ini, terutama di luar bandar tidak akan terlaksana kerana sikap-sikap yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, kita dan rakyat masih ragu-ragu dalam banyak masalah. Dalam banyak masalah itu saya tidak mahu ulang-ulangan kerana banyak kita berkata di masa-masa yang sudah-sudah, apa yang saya katakan ragu-ragu tadi kerana masih banyak tempayan, tong-tong, deram, timba dan baldi di sepanjang jalan raya di Johor. Kedah dan Perlis. Masih ramai rakyat sampai tidak mandi berminggu-minggu dan masih ramai rakyat berselirak ke sana-sini mencari air dan ada banyak tiang-tiang letrik dipasang tetapi tidak berwayar dan api dan masih banyak lagi kawasan tiang, hanya tiang tak ada api, sehingga berlaku pada satu masa satu tiang letrik ditebang kerana api bertahun-tahun tak datang. Walaupun kedudukan rakyat di pinggir kota atau di pinggir jalan apa lagi kalau jauh di pendalaman, rakyat juga telah jelak dan jemu dengan kata-kata dan hasrat bagi memenuhi kepentingan sosio-ekonomi rakyat itu hendaklah difikirkan dengan mendalam. Sehingga sekarang ini telah tidak dijadikan isu lagi kerana telah jemu dengan hasrat dan janji yang mana rakyat akhirnya bertindak dan membiarkan sendiri sama ada Kerajaan akan

buat atau tidak, terpulanglah kepada Kerajaan—teringat buatlah, tidak, tidaklah. Rakyat akan bertindak sendiri dengan cara-caranya sendiri.

Kalau Kerajaan tidak dan belum memenuhinya, ini telah terbukti hari ini bahawa Kerajaan telah menyedari, tetapi rakyat telah tidak mpedulikan dan penyakit semakin banyak berlaku, terutama seperti penyakit gatal dan cirit-birit dan demam denggi semakin banyak. Kemudahan rakyat amat kurang dan rakyat menjadi mangsa, rungutan demi rungutan tetap berkumandang di mana juga, kemudahan awam amat banyak kekurangan terutama sekali di pendalaman dan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya boleh mengemukakan perkara seperti ini kerana banyak yang datang memberi pengaduan, minta saya nyatakan tetapi tak usahlah dipanjang-panjangkan lagi nanti pula jadi kempen pilihanraya kerana dalam pilihanraya sudah tiba, tetapi oleh kerana Kerajaan telah menyedari semua ini di mana kurang dan di mana silap, maka amatlah diharapkan perhatian yang serius dan tindakan segera patut dilaksanakan, tetapi janganlah dibuat semasa pilihanraya akan datang sahaja seolah-olah menangguk di air keruh sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penagihan dadah, nampaknya usaha Kerajaan masih belum begitu berkesan lagi, Kerajaan hanya dapat bertindak setelah mendapat maklumat sahaja. Saya ingin bertanya, kalau tak dapat maklumat bagaimana tindakan itu? Sedangkan penagih dadah tetap ramai, pengedar dadah tetap ada dan pasarannya masih berleluasa. Pusat pemulihan dadah masih kekurangan. Apakah hanya pasukan pencegah dadah sahaja yang berkuasa menangkap penagih dadah sedangkan pegawai dan anggota awam lain tidak ada kuasa bagi menangkapnya. Maka dalam masalah ini Kerajaan haruslah mengambil lain usaha atau cara bagi menangkap penagih terutama pengedar dadah yang bermaharaja lela.

Saya beralih kepada aktiviti sukan. Walaupun kita berbangga kerana kita telah mendapat beberapa kejayaan sama ada kecil

atau besar tetapi dilemma sukan negara ini, semangatnya sahaja amat tinggi tetapi pencapaian jatuh ke taraf yang mendukacitakan, juga peserta sukan kita seperti yang berlaku di SEA Games di Filipina baru-baru ini, seolah-olah negara kita tak ada nilai dan tak ada disiplin; peserta boleh buat sesuka hati dan tidak mengikut arahan, ada yang ponteng, ada yang tidak ikut latihan, ada yang lari, ada yang pergi berseronok-seronok dan ada pula mengambil kesempatan berpoya-poya dan lain-lain sewaktu sukan itu. Maka saya berharap kepada Kerajaan yang telah mengeluarkan banyak wang kerana sukan ini supaya mengambil perhatian yang berat agar insiden-insiden yang telah berlaku itu tidak akan berlaku lagi di masa akan datang. Kalau boleh biarlah kejayaan ahli-ahli sukan kita diikuti dengan disiplin dan hormat-menghormati antara peserta dan pemimpin negara agar negara kita dapat penghargaan dengan benar-benar wajar dan bersemangat kesukanan yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, saya pindah pula kepada peranan belia dalam pembangunan negara sekarang. Belia adalah harapan negara di masa akan datang. Kerajaan sepatutnya mengadakan lebih banyak peluang agar belia-belia kita ramai dan mahir di segenap bidang pembangunan negara. Kerajaan seharusnya memperuntukkan lebih banyak lagi wang bagi membentuk belia-belia kita ke arah menjadi pemimpin negara di masa akan datang dengan kelayakan serba boleh dan serba ada pada mereka. Adalah menjadi kerugian kepada negara kalau belia-beliawanis kita yang hanya disalurkan menjadi buruh bergaji rendah dengan hanya kepandaian menjadi buruh dan suruhan sahaja bagi kepentingan pemodal dan hartawan-hartawan dalam dan luar negeri. Adalah lebih penting belia-belia kita itu diberi latihan demi latihan dengan berbagai ilmu pengetahuan, kecergasan dan kebolehan tanpa kira masa atau tempat, latihan tidak sekadar satu bahagian sahaja tetapi hendaklah mengikut di dalam segenap projek pembangunan negara seperti pertanian, perkilangan, perdagangan, pertahanan, kesempurnaan budi-pekerti, akhlak yang paling penting sekali. Cara-cara hidup usaha sendiri dari sekecil-kecilnya sehingga ke

sebesar-besarnya dan menjadikan belia-belia kita serba boleh di setiap tempat dan setiap masa.

Kerajaan perlu memberi asuhan apa juga walau di mana juga mereka boleh bertugas. Saya kira belia-belia kita tidak akan menolaknya. Peruntukan wang yang lebih banyak, pelajaran yang bermacam-macam patut diberikan dan latihan kepada mereka. Kerajaan kita kalau boleh seperti kata pepatah sekali merengkuh dayung, dua tiga pulau terlampau.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pelajaran nampaknya Kerajaan telah menyedari betapa rugi negara sekian lama kerana mengikut sentimen, pelajaran agama telah diabaikan. Kalau pelajaran agama dan dakwah dititikberatkan dari dahulu sama dengan pembangunan negara bersama-sama dengan kemerdekaan negara tentulah sekarang kita tidak banyak menghadapi problem dan masalah kerosakan moral dan berpecah-belah dari segi akhlak dan kelincungan agama oleh anak-anak kita di dalam negara kita hari ini. Entah berapa ramai anak-anak Islam di negara kita yang telah memelok Kristian, hanya boleh kita berbicara sahaja, tetapi untuk melaksanakan tidak upaya, maka dalam masalah ini juga patut diambil perhatian berat dan lain-lain lagi. Kerajaan tidak pernah mengambil tahu, entah Jabatan manakah yang mengambil tahu, Pusat manakah, Negeri manakah, kitapun tidak tahu, tetapi banyak orang mengatakan setiap minggu ada ramai anak-anak Melayu pergi ke gereja dengan anak-anak dan isteri.

Di perayaan-perayaan agama lain juga, kita lihat di dalam perayaan-perayaan dijemput anak-anak kita ini banyak yang mengambil daya utama bagi menjayakan pesta-pesta seperti—maaf, judi, arak, tari-menari, jangan dihitung—mereka telah menjadi hero, yang tidak mahu ditengahkan menjadi idaman anak-anak kita. Kenapakah Kerajaan belum pernah bercita-cita menghitung dan mengira, apakah perkara maksiat itu menjadi larangan atau tegahan agama menyeluruh dan tidak ada tolak-ansur dalam perkara ini. Di dalam masalah agama, apakah Kerajaan kita tidak bertanggungjawab menyedari dan menegah dengan sekeras-kerasnya agar kejadian ini

semua jangan berlaku di dalam segenap bidang berkuasa. Inilah yang meragu-ragukan terutama penganut-penganut agama Islam seolah-olah Kerajaan ada merupa-rupakan lebih seperti membuat syer sama membiar gejala-gejala buruk ini berlaku dan peruntuh agama di tengah-tengah masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya rasa dalam hal ini patutlah diambil perhatian berat sesuai dengan apa yang dibahaskan dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini juga suka saya kemukakan walaupun kita tahu banyak perkara yang boleh disentuh, banyak perkara kalau hendak dibahas dalam Titah Ucapan, tetapi kerana kita faham masa yang diberi terlalu singkat hanya dua hari untuk dibahas, biarlah sekadar dapat dibahagi-bahagikan, hanya sedikit lagi sebagai akhirnya iaitu perkara ini tidak patut kita lupakan dan tidak sesuai, insya Allah jika ada kesempatan lain dapat lagi kita usahakan dalam perkara ini. Apa yang hendak saya sampaikan, Tuan Yang di-Pertua, di dalam segi kemajuan dan kestabilan negara cuma perkara yang patut Kerajaan fikir sesuai untuk dijalankan di bidang agama ini biarlah soal kesempatan masa di mana kita menyebut masalah agama dan Islam.

Saya suka menyatakan, apakah kiranya masalah masa sekarang iaitu waktu subuh dan zohor bagi waktu pejabat mengikut mestinya. Kalau dikirakan sekarang subuh jam 6.30 pagi, masuk pejabat jam 8.00 pagi. Apakah subuh mesti dibuat di rumah? Di tengah jalan atau di pejabat? Atau ditinggalkan sahaja? Ini pegawai rendah dan orang yang mahu beribadat sahaja yang menjadi heboh sekarang, tidak berhenti soalan di-kemukakan. Kalau beribadat hanya sambil lewa sahaja atau tidak kira perkara penting, maka soal ini tidaklah penting kepada mereka, tetapi bagi orang tua-tua yang ingin beribadat yang rasa khusuk, hilang rasa khusuk, timbul rasa resah gelisah.

Bagi mereka yang mahu menunaikan perintah Allah dengan waktu yang sempit ini juga anak-anak sekolah terpaksa bangun jam 4.00 pagi dan dalam hal ini, saya berharap Kerajaan juga dapat bertindak

menyesuaikan, tidak menjadi kelam-kabut, walaupun ini ada baiknya, tetapi ada lebih baik kalau disesuaikan bagi keselesaan bersama, iaitu bagaimana kalau dapat biarlah dilambatkan ½ jam masuk ke pejabat dan ½ jam masuk ke sekolah, kerana soal meninggalkan sembahyang subuh ini adalah soal yang paling berat sekali yang mesti ditanggung oleh pihak Kerajaan. Walaupun kita katakan soal ini sudah diluluskan dalam Akta Standard Time dahulu, tetapi bila dilaksanakan maka barulah timbul dan didapati ramai kakitangan pejabat yang tidak dapat sembahyang subuh.

Saya memberikan pandangan ini adalah pengaduan yang sampai kepada saya tidak berhenti-henti dengan membuat soalan, apakah hukumnya kalau tinggalkan sembahyang subuh. Jadi inilah Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya maka dalam masalah Islam juga sebagai akhirnya, saya suka mengesyorkan kalau dalam masalah penukaran kita tadi bercakap dari awal iaitu dengan pentadbiran yang bersih, cekap dan licin dan harapan kepada pegawai-pegawai Kerajaan untuk berkhidmat dengan bersih, cekap dan licin sebagai kesempatan peluang keemasan untuk berkhidmat kepada negara.

Tetapi apa yang mendukacitakan ada kedapatan hari ini berlaku pegawai-pegawai Kerajaan dihina dan ditukar dengan tidak memikirkan keadaan semasa dan keadaan sendiri, cuma memikirkan diri dan kepentingan yang tidak penting yang membuat pegawai-pegawai Kerajaan kelam-kabut dan rasa tidak puas hati, Ini juga kita dapat pengaduan dan terpaksa membuat kerja dengan rasa paksa tidak rasa sukarela dan ikhlas. Pertukaran mengejut berlaku dengan tidak mengikut masa dan membuat pertimbangan berdasarkan pandangan sendiri maka dengan ini, sukalah saya mengesyorkan kepada pihak Kerajaan kalau hendak menukar pegawai-pegawainya biarlah ditukar pegawai-pegawai ini janganlah dengan mengejut, biarlah diawal tahun atau di awal penggal supaya pegawai-pegawai penting kita tidak dikorban dan anak keluarga mereka untuk bersekolah juga tidak terkorban.

Akhir sekali di dalam soal melicinkan tugas-tugas inilah yang paling penting kita buat perhatian, juga di dalam Islam saya nyatakan tidak langsung boleh membodoh-bodohkan orang apa lagi di dalam menterjemahkan ayat Quran dengan salah maka alangkah dosanya tidak sanggup kita menterjemah dengan salah dan lain-lain prasangka. Kalau orang tidak faham dan tidak belajar dan dia bodoh, maka barulah berlaku apa yang kita rasa sangsi dan curiga untuk memeralatkan Islam ini tidak boleh sama sekali, tetapi umat kita yang bertanggungjawab hari ini, demi umat Islam yang bertanggungjawab semuanya mesti ingat sama ada tanggungjawab mereka biar daripada pemerintah ataupun daripada Pembangkang-pembangkang wajib menjalankan tugas dengan cekap, ikhlas, licin, bukan pemerintah sahaja tetapi Pembangkang juga kerana kita adalah umat Islam yang bersatu (ukuwah), bersaudara di dalam tanahair kita dari dunia sampai akhirat.

Jadi inilah pandangan-pandangan saya yang saya kemukakan supaya dapat kita bertanggungjawab bersama. Sekian, terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

Tuan V. V. Aboo: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio Dato Haji Mohamed bin Nasir untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Alexander Y.L. Lee.

4.50 ptg.

Tuan Alexander Y.L. Lee: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembira kerana diberi peluang bercakap untuk menyokong usul mengucapkan terima kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong kerana memberi ucapan yang berperansang kepada kedua-dua Dewan Parlimen.

Seperti terdahulu Duli Yang Maha Mulia telah menekankan banyak perkara dan telah memberi nasihat dan pimpinan yang berharga bukan sahaja kepada Ahli-ahli Parlimen yang mulia ini tetapi kepada semua rakyat Malaysia. Oleh kerana Parlimen akan dibubarkan pada penghujung sesi ini iaitu pada penghujung minggu ini, bermakna ini merupakan ucapan terakhir Baginda bagi Parlimen Kelima dan pada masa akan datang Baginda akan memberi ucapan kepada kedua-dua Parlimen ialah pada masa pembukaan sesi pertama, Parlimen Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia telah menasihatkan kita semua supaya jangan cuba mempergunakan isu-isu sensitif. Malangnya walaupun kita telah merdeka selama 25 tahun, kita masih menghadapi isu sensitif yang kita hadapai 25 tahun yang lalu. Satu daripadanya ialah masalah pelajaran Cina. Rakyat Malaysia yang berasal dari keturunan Cina suka pada bahasa ibunda mereka. Ini saya rasa hakikat yang semua rakyat Malaysia boleh memahami dan terima, dan sebab yang sama juga Artikel 152 dalam Perlembagaan Persekutuan telah dikeluarkan. Semenjak itu masyarakat Cina merasa bahawa hak-hak yang diberi kepada

mereka oleh Perlembagaan telah sedikit demi sedikit hilang bermula dengan sekolah-sekolah menengah. Sekarang mereka rasa bahawa sistem 3M pula akan mengambilalih dan tata susila sekolah-sekolah rendah jenis Cina akan bertukar. Oleh itu kami berasa puas hati kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah memberi jaminan kepada masyarakat Cina.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Cina takut akan kuasa yang menyeluruh diberikan kepada Menteri Pelajaran di bawah Seksyen 21, Akta Pelajaran. Kuasanya yang meluas membolehkan beliau menukarkan bahasa pengantar di mana-mana sekolah. Kita telah diberitahu bahawa Menteri tersebut boleh menjalankan kuasanya apabila kebanyakan daripada ibu bapa hendak sekolah berkenaan ditukar. Jikalau inilah masalahnya kenapa susah sangat hendak dipinda Seksyen 21 supaya kuasa yang meluas itu dihadkan kepada tujuan yang tertentu ibu bapa kuasanya boleh digunakan? Kuasa yang meluas ini selalu menimbulkan keraguan di kalangan masyarakat Cina dan penjelasan berkenaan dengan meminda undang-undang boleh menghilangkan perasaan-perasaan sangsi tersebut.

Masyarakat Cina sekarang telah menyusun masyarakatnya supaya terdapat satu golongan yang bertanggungjawab dan yang menjaga masalah pelajaran Cina yang bersatu padu di mana Kementerian tersebut boleh mengadakan dialog yang bererti dengan mereka. Saya merayu kepada Kerajaan baru untuk menyelesaikan masalah ini dengan ahli-ahli golongan tersebut. Saya percaya bahawa golongan tersebut adalah pejuang sebenar dan akan cuba seberapa boleh menyelesaikan masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak merdeka perkara ini seringkali dieksploitkan oleh parti-parti Pembangkang. Tidak ada sebab kenapa kita dalam parti Barisan Nasional selalu ditekan dan dihentam oleh parti Pembangkang yang selalu kehabisan pendapat dan menggunakan isu ini untuk

membangkitkan perasaan perkauman tanpa tanggungjawab dan saya tidak berasa ragu-ragu bahawa pilihanraya yang akan datang, perkara ini akan diperalatkan sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap apa yang telah saya katakan itu tidak disalah fahamkan oleh Ahli-ahli Melayu Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini atau oleh masyarakat Melayu. Hakikat bahawa masyarakat Cina sukakan bahasa mereka tidak boleh disalah fahamkan sebagai perkauman. Tidak perlu diragui bahawa masyarakat Cina tidak taat setia pada negara. Sebenarnya dalam 25 tahun merdeka, masyarakat Cina telah menunjukkan bahawa mereka telah menyumbangkan sebagai rakyat Malaysia yang sebenar dan taat setia terhadap kestabilan, keselamatan dan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang singkat Kerajaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir sudah menunjukkan ianya boleh menyelesaikan masalah-masalah dan berniat untuk mendokong imej 'Cekap, Bersih dan Amanah'. Mengenai 'Cekap' ia telah memulakan sistem 'Punch Card'. Sekurang-kurangnya sekarang kita boleh dapati pegawai-pegawai Kerajaan di pejabat mereka pada pukul 8.00 pagi. Saya diberitahu juga bahawa banyak Pejabat-pejabat Tanah boleh membuat pendaftaran milik tanah dengan cepat. Kita mesti mengucapkan tahniah kepada Kerajaan baru dan memberi sokongan untuk meneruskan kerja yang baik itu.

Walau bagaimanapun terdapat juga perkara-perkara yang tidak dijalankan dengan lancar. Misalnya, pembekalan kemudahan-kemudahan seperti telex dan telefon masih terlalu lambat. Sistem bank telah diminta oleh Kerajaan membuka lebih cawangan di kawasan luar bandar supaya boleh diadakan kemudahan bank di setiap pelusuk negeri tetapi banyak bank telah mengalami kesulitan untuk mendapat kemudahan telex dan telefon dan dengan tiadanya alat perhubungan mungkin bank tidak boleh mengadakan kemudahan-kemudahan tersebut. Sudah terjadi beberapa kali di mana permohonan untuk mesin telex telah ditangguhkan selama dua tahun.

Tuan Yang di-Pertua, ketiada cekapan ini membawa kepada soalan kedua iaitu 'Bersih'. Kerana penerimaan melebihi penawaran, melompat barisan terjadi dan tentu sekali lagi tuduhan-tuduhan rasuah. Memang susah hendak mencapai imej 'Bersih' selagi ketiada cekapan terjadi kerana rasuah membiak di suasana ketiada cekapan. Jikalau jentera Kerajaan 'Cekap' dan orang ramai boleh diberi perkhidmatan, rasuah tidak akan timbul. Contoh yang baik boleh didapati di Jabatan Imigeresen. Sekarang didapati Yang Amat Berhormat Dato' Musa telah mengadakan sistem baru di Jabatan Imigeresen. Pasport-pasport dan permohonan lain dijalankan dengan lancar dan tidak lagi kedengaran sungutan orang ramai. Hakikat bahawa beliau boleh mengatasi masalah ini dengan segera dan cekap bermakna tidak ada sebab kenapa perkara itu tidak boleh dibetulkan dahulu, hanya tidak ada kemahuan untuk mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ialah soalan 'Amanah'. Jikalau kita hendak mencurahkan kepercayaan kepada orang ramai, orang ramai mesti percaya kepada kita. Kerajaan mestilah menaruh kepercayaan dan mempunyai reputasi yang tinggi. Apa yang kita katakan mesti dipercayai oleh orang ramai dan ini berhubung dengan 'Cekap' dan 'Bersih' untuk mendapat kepercayaan orang ramai. Kerajaan mesti boleh mengendalikan masalah dengan 'Cekap' dan 'Bersih'. Sejauh ini kita mesti mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah mencapai segalanya dalam jangka masa yang pendek.

Kita dengan ketulusan hati berharap bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir akan kembali dengan sokongan yang lebih besar pada pilihanraya yang akan datang supaya ia akan menggunakan mandatnya untuk menubuhkan Kerajaan yang 'Cekap', 'Bersih' dan 'Amanah', kuat dalam tata susila dan kuat dalam pelaksanaan, dihormati dan negara-negara asing yang ada hubungan dengan kita supaya kita semua dapat menuju ke suku tahun yang kedua dalam sejarah negara kita dengan bangga dan tabah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

5.00 ptg.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama dengan Ahli-ahli yang lain untuk menyokong usul yang ada di depan kita. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum negara Malaysia yang kita cintai ini adalah dalam satu zaman perubahan. Perubahan ini adalah dari segi perkembangan pembangunan yang pesat di seluruh pelusuk negara dengan tujuan yang murni oleh kerajaan kita iaitu Kerajaan Barisan Nasional. Perkembangan pembangunan di bidang pelajaran, perumahan, pertanian, pertahanan, kesihatan, ekonomi, pengangkutan dan lain-lain adalah semata-mata untuk membasmi kemiskinan dan meninggikan taraf hidup rakyat tanpa mengira kaum, keturunan atau agama.

Kerajaan juga telah menggalakkan pelabur-pelabur dari luar negeri untuk melabur di negara Malaysia dalam bidang perindustrian. Segala kemudahan telah diberi kepada pelabur-pelabur luar negeri supaya kilang-kilang dapat diadakan di negara kita ini. Dengan adanya kilang-kilang di semua negeri di Malaysia maka peluang pekerjaan akan dapat ditambah bagi belia-belia dan beliawanis-beliawanis kita. Di samping itu peluang perniagaan akan juga dibuka dengan tidak langsung bagi mereka yang ingin melaburkan diri dalam bidang perniagaan. Peluang mengadakan kedai makan, peluang untuk mengadakan pengangkutan, pembinaan rumah-rumah dan sebagainya akan dibuka dengan luasnya. Tiap usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Barisan Nasional ini adalah semata-mata untuk kepentingan rakyat dan tidak boleh dinafikan bahawa usaha Kerajaan itu adalah untuk memenuhi hasrat dan harapan rakyat.

Kerajaan Barisan Nasional merupakan sesuatunya Kerajaan yang mementingkan kemakmuran rakyat dan kedaulatan negara. Itulah sebabnya nama negara Malaysia harus bukan sahaja di rantau ini tetapi juga di seluruh dunia. Kestabilan politik, keamanan dan perkembangan pembangunan dan tidak

ketinggalan ekonomi negara menjadi buah mulut bagi kerajaan-kerajaan di luar rantau ini. Walaupun segala perkembangan ini adalah hasil yang penting bagi negara Malaysia tetapi usaha Kerajaan dalam bidang-bidang perkembangan kesucian agama Islam merupakan satu usaha yang patut dipuji dan disanjung tinggi oleh setiap umat Islam di negara ini. Berbagai langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk mengembangkan syiar Islam. Pendirian sekolah-sekolah, melatih guru-guru agama, pertandingan membaca Alquranulkarim dan lain-lain lagi.

Saya tidak berhajat menyentuh satu-persatu tiap usaha yang dijalankan oleh Kerajaan, memadai dengan contoh-contoh yang saya sebutkan tadi. Tetapi perkembangan dan kesucian agama Islam di negara ini telah diganggu dan dikelirukan oleh golongan-golongan masyarakat yang mementingkan diri mereka lebih-lebih daripada masyarakat yang miskin. Golongan ini sentiasa memutar-belitkan agama Islam yang maha suci ini dengan berbagai-bagai langkah. Ini telah dijalankan oleh parti politik PAS di negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Mereka menggunakan agama sebagai alat yang penting untuk mendapat sokongan rakyat yang kurang berpengetahuan dalam agama. PAS telah membuat berbagai-bagai fitnah dan dakyah terhadap Kerajaan Barisan Nasional dan penyokong-penyokongnya, sehingga timbul sebagaimana yang diucap oleh kawan saya tadi kafir, fasik, macam-macam tuduhan terhadap Kerajaan dan pemimpin-pemimpin Kerajaan serta penyokong-penyokong Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, baru sekejap kita telah mendengar seorang daripada anggota PAS dalam Dewan yang mulia ini telah berucap—tetapi sayang pada masa ini beliau tiada lagi dalam Dewan ini. Apa yang diucapkan dalam Dewan ini, saya berharap kalau boleh beliau berucap juga di luar Dewan seperti yang diucapkan di Dewan yang mulia ini. Satu perkara yang dikatakan Kerajaan Barisan Nasional masih tidak mendatangkan puas hati kepada rakyat, terutama sekali dari segi pembahagian rezeki, dia sebut. Saya tidak nampak Kerajaan ini tidak membahagi rezeki dengan adil. Barangkali saya tidak perlu menyebut contoh-contoh yang banyak.

Memadailah kalau saya katakan Wakil-wakil Rakyat daripada PAS juga telah menerima pencen yang sama dengan Wakil-wakil Rakyat dari Barisan Nasional. Ini satu rezeki yang tidak boleh dinafikan dan barangkali cukup tempohnya Ahli Dewan Negara ini pun bersara kelak akan diberi pencen. Inilah keadilan yang ada pada Kerajaan yang memerintah pada hari ini.

Seperkara lagi yang disebut ialah mengenai masa. Ia selalu dilauung oleh parti Pembangkang, khususnya PAS bila Kerajaan mengubah masa dikatakan masa yang diubah tidak betul. Dalam Dewan yang mulia ini pun disuarakan dikatakan ramai orang yang tidak boleh sembahyang Subuh. Saya tidak percaya. Masa dahulu sembahyang Subuh pukul 5.00 lebih, barangkali kurang orang bangun pukul 5.00 lebih kerana hendak sembahyang Subuh, takut tidur balik terlena lambat ke pejabat. Tetapi sekarang ini waktu subuhnya 6.30 pagi sedang elok, bangun pukul 6.00 mandi-mandi, sembahyang Subuh, terus ke pejabat dan ini satu perkara yang saya rasa sahalalah apa yang dibuat oleh Kerajaan walaupun baik dianggap tidak baik oleh pihak Pembangkang. Akibat daripada ajaran dan fitnah-fitnah yang ditaburkan oleh mereka, rakyat terutama umat Islam di negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis telah dipecah-belahkan sehingga buat masa ini ada di antaranya yang tidak lagi mengenal saudara-saudara, ada di antaranya pula isteri minta cerai dengan suami kerana bapa mertua fahaman politik yang lain.

Ada setengahnya pula berlaku sekarang ini di mana juga orang-orang UMNO duduk, sama ada di kerusi atau di mana juga sebelum daripada orang-orang PAS hendak duduk, kena samak dahulu, ambil selut, licinkan lantai. Begitulah pandangan dan bawaan oleh parti Pembangkang iaitu parti PAS yang ada sekarang ini yang pada anggapan saya adalah merupakan sebuah parti yang kehilangan, bankrupt dari segi isu-isu hendak menarik rakyat untuk hendak menyokong parti. Jadi mahu tidak mahu untuk hendak menarik rakyat mencari jalan untuk memecah-belahkan di antara sesama umat Islam.

Satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak sebut perkara perkembangan yang baru sekali, barangkali Tuan Yang di-Pertua dan rakyat umum telah mengetahui kalau ayam, lembu, kerbau dipotong, disembelih oleh orang UMNO tidak boleh dimakan oleh orang PAS, ini barangkali perkara yang telah berlaku dalam masa setahun dua tahun yang lampau. Apa yang baru sekali bukan sahaja potong lembu ini, tetapi kalau orang UMNO kupas bawang pun gulai yang hendak dibuat itu tidak boleh dimakan. Kupas bawang untuk membuat kari dan sebagainya. Dan kalau didapati orang UMNO yang mengukur kelapa dan perah kelapa ambil santan, untuk hendak buat kari dan sebagainya pun tidak boleh. Inilah perkembangan yang baru yang berlaku di Kelantan dan Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah ini keadaan di negara kita yang sudahlah umat kita, umat Islam ini kecil bilangannya, miskin pula keadaannya dan diberi ajaran-ajaran seperti ini pula oleh orang-orang yang tertentu maka sudah tentulah keadaan masa depan umat Islam sendiri akan gelap. Saya katakan gelap terutama sekali kepada umat Islam yang tidak berpengetahuan banyak dari segi agama Islam. Dan yang paling dahsyat sekali sekarang ini ialah umat Islam di berbagai-bagai tempat di negari-negeri yang saya sebutkan tadi tidak mahu bersembahyang Jumaat di atas masjid-masjid yang dibina oleh Kerajaan sedangkan Kerajaan kita telah membina banyak masjid, surau dengan menggunakan peruntukan-peruntukan yang begitu besar untuk umat Islam beribadat kepada Allah s.w.t. Tetapi segolongan manusia yang tidak bertanggungjawab ini telah menghasut rakyat supaya jangan bersembahyang. Ada setengah-setengahnya pula kalau hendak sembahyang pun boleh, tunggu lepas orang-orang UMNO sembahyang dahulu, baru kita masuk sembahyang. Keadaan ini telah merebak dan saya anggap setelah pengumuman daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dewan ini bubar dan barangkali pilihanraya tidak lama, saya tidak tahu apa yang akan berlaku di negeri-negeri yang saya sebutkan ini, dalam masa kempen pilihanraya yang akan datang.

Dalam minggu yang sudah sebelum bertolak ke Kuala Lumpur ini saya telah pun didatangi oleh tiga empat orang-orang kampung memberitahu saya ada satu kampung, sekarang ini kata dia, sedang menimpa pedang. Mengikuti cerita orang itu lagi kepada saya, pedang ini akan digunakan dalam masa kempen pilihanraya. Kampung yang saya maksudkan ini tidak jauh dari bandar Kota Bharu sendiri dan saya terus memberitahu Polis supaya membuat penyiasatan. Ini pun satu langkah yang saya katakan boleh menimpa buruk kepada rakyat yang tinggal di negeri yang saya sebutkan tadi. Ini tidak lain, Tuan Yang di-Pertua, kerana mereka tidak ada modal yang lain, mencaci Kerajaan, semuanya apa yang dijanji oleh Kerajaan telah dilaksanakan oleh Kerajaan dan mereka yakin seluruh rakyat di Malaysia ini percaya pimpinan Kerajaan Barisan Nasional percaya bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang ada ini boleh menolong rakyat, boleh memberi pertolongan kepada rakyat dari segi apa juga pun, maka tidak ada jalan lain bagi mereka menggunakan agama dan menggunakan pedang inilah barangkali untuk kemenangan parti mereka dalam pilihanraya. Saya menyeru kepada pihak Kerajaan tidak seharusnya kita membiarkan keadaan ini berlaku. Saya penuh yakin umat Islam di negara ini tidak ingin perkara seperti ini berlaku. Jadi, sebab itu Kerajaan tidak patut teragak-agak untuk mengambil sesuatu tindakan dan langkah bagi mencegahnya berlaku perkara-perkara yang sedang berlaku pada hari ini baik dari segi Jabatan-jabatan Agama atau Majlis-majlis Agama Islam, baik dari segi pegawai menjaga keamanannya mestilah bertindak siang-siang; jangan kita tunggu sehingga perkara ini merebak, sehingga perkara ini berlaku baru kita hendak bertindak. Bak kata pepatah, sedialah payung sebelum hujan. Jadi, kalau sudah hujan, baru kita hendak cari payung tentulah kita akan basah. Saya kluatir dan bimbang basah yang akan berlaku ini bukan basah dengan air tetapi mungkin basah dengan darah.

Jadi, saya sekali lagi berseru kepada Kerajaan supaya mengawasi keadaan yang ada pada hari ini.

Saya dapat tahu ayat tadi yang dikemukakan oleh seorang Ahli dalam Dewan ini, katanya dalam Islam tidak boleh membodoh-bodohkan orang. Dengan sebab itulah saya minta kepada Ahli Dewan Negara yang bercakap sebelum saya tadi mestilah bercakap bukan sahaja di dalam Dewan ini, bercakap juga di luar Dewan. Kalau hanya bercakap di sini seperti ini tetapi bercakap di luar Dewan lain maka orang yang seperti ini, manusia yang seperti ini atau makhluk yang seperti ini saya tidak tahu apa yang saya hendak sebut. Sudah terang dan nyata kepada saya lidah seorang daripada pemimpin tadi menyebut, dalam Islam tidak boleh bodoh-bodohkan orang lain. Ini barangkali ada hadisnya atau ada ayat Qurannya yang saya sendiri pun tidak tahu hendak sebut di sini tetapi inilah petikan yang saya dapat. Apa yang dilakukan hari ini oleh orang-orang PAS, oleh pemimpin-pemimpin PAS, kepada orang-orang Islam inilah yang dibodoh-bodohkan, diugut dan ditakut-takutkan.

Tuan Yang di-Pertua, sama juga satu perkara lagi disebutkan di sini, tujuan disebut di dalam Dewan yang mulia ini supaya disebarkan oleh akhbar barangkali iaitu masalah jualan arak, judi dan sebagainya.

Jadi, saya sendiri tidak faham, 18 tahun PAS mempunyai kuasa memerintah Negeri Kelantan—judi, arak ada seperti yang ada pada hari ini. Jadi, kalau kepada Kerajaan Barisan Nasional didesak dari segi Islam tetapi bila kuasa diberikan kepada mereka, langsung mereka lupa itu semua, tidak pernah ada satu pindaan Perlembagaan Negeri Kelantan sendiri dibuat dalam masa 18 tahun PAS memerintah Negeri Kelantan. Jadi, kalau kenyataan saya ini tidak betul, barangkali ada di antara orang-orang yang mengetahui lebih lanjut atau siasatlah siapa pun, apa yang ada di Kelantan pada masa dahulu sebelum tahun 1955-1959 sehinggalah PAS memerintah 18 tahun dan balik semula kepada Barisan Nasional hari ini, apa yang ada itu juga. Ini soalnya Kerajaan membenarkan lesen menjual arak, judi dan sebagainya bukan untuk orang Islam, untuk orang yang bukan Islam. PAS harus memainkan peranan bukan untuk bercakap mendesak itu dan ini, PAS harus memainkan peranan pergi bersyarah di

kampung-kampung, jangan minum arak, jangan berjudi dan sebagainya tetapi tidak dibuat begitu di dalam Dewan yang mulia pada hari ini bercakaplah dengan tujuan supaya suara percakapannya di sini keluar di luar, dapatlah menyatakan pihak PAS telah pun mencadangkan atau mengusulkan kepada Kerajaan supaya menghapuskan perkara-perkara seperti itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah sampai.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit masa lagi. Kerajaan juga patut menjaga supaya kegiatan golongan yang kecil di utara dan di selatan Malaysia yang melakukan ajaran sesat untuk tujuan tertentu. Mereka ini adalah merupakan satu golongan yang kecil tetapi jika mereka ini tidak disoal, disiasat dan tindakan diambil terhadap mereka, mungkin ajaran sesat mereka ini akan merebak. Saya yakin dan percaya Jabatan Ugama, Pejabat Polis dan Kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka yang melakukan kegiatan ini.

Masa depan rakyat di negara kita ini cerah. Ini adalah dari pemimpin-pemimpin Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mengambil berat supaya segala rancangan yang diatur dan dirancang adalah dilaksanakan mengikut jadual demi kepentingan rakyat yang miskin dan daif yang dahagakan kehidupan yang sesuai dan yang selesa. Apa yang dilakukan oleh Kerajaan semenjak mencapai kemerdekaan merupakan pembangunan, penyediaan kemudahan-kemudahan bagi rakyat untuk kemajuan mereka dan anak-anak mereka. Jenerasi muda dahulu sudahpun menjadi dewasa sekarang. Usaha Kerajaan masih dijalankan dengan mengadakan berbagai-bagai infrastruktur. Apa yang perlu pada masa ini dan di masa yang akan datang ialah penglibatan dan penyokongan rakyat supaya segala rancangan-rancangan yang diusahakan oleh Kerajaan itu akan berjaya. Hasil darinya akan dinikmati bukan sahaja oleh semua rakyat jenerasi ini tetapi oleh semua rakyat jenerasi akan datang akan dapat faedah yang berlipatganda. Oleh yang demikian, adalah perlu bagi semua lapisan

masyarakat berganding bahu untuk memastikan bahawa rancangan-rancangan Kerajaan berjalan dengan jayanya.

Untuk tujuan ini dan untuk kejayaan Dasar Ekonomi Baru adalah perlu bagi masyarakat mengubah sikap cara hidup mengikut perkembangan pembangunan. Ini adalah perlu untuk mengelakkan daripada berlakunya memandangkan kepada pesatnya pembangunan di semua kawasan luar bandar dan dalam bandar seperti di Kuala Lumpur, Ipoh, Melaka dan Pulau Pinang. Rakyat hendaklah bersiap sedia menghadapi pembangunan perubahan di sekelilingnya, dengan pembangunan kemungkinan berlakunya bermacam-macam perubahan. Umpamanya di negeri Trengganu, Kelantan di mana bandar-bandar baharu akan dibuka, bandar-bandar yang sedia ada akan dibesarkan, kilang-kilang akan didirikan dan dibuka. Dengan adanya perubahan-perubahan ini maka banyak pekerjaan-pekerjaan akan dipenuhi oleh muda-mudi kita pada masa ini. Akibat dari ini semua muda-mudi akan dipengaruhi oleh kemajuan dan semua ini belum lagi dinikmati oleh golongan muda-mudi di negeri-negeri yang kurang maju.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Banyak sangat masa Yang Berhormat sudah ambil.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sambung sedikit lagi?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak boleh, terlampau lebih sangat. Orang lain hendak bercakap lagi.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa sudah cukup, saya pun sedia berhenti mengikut perintah, dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong usul yang ada di hadapan kita ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat S. I. Rajah.

5.28 ptg.

Tuan S. I. Rajah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini dalam mengemukakan usul menjunjung kasih

Kebawah duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Parlimen sekarang ini.

Kerajaan yang baharu di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dr Mahathir bin Mohamad perlu diberi pujian kerana usaha-usaha yang telah dijalankan untuk mencapai kesetabilan politik, ekonomi dan sosial di negara ini. Perubahan yang paling ketara yang telah dapat diterima dengan senang hati oleh rakyat negara ini ialah polisi terbuka (open policy) yang dianjurkan oleh Kerajaan 2M. Polisi terbuka yang diamalkan oleh Kerajaan sekarang adalah satu konsep baru dalam proses politik di negara ini. Kerajaan-kerajaan yang telah lalu telah mendekati politik berbilang kaum dengan cara yang lain, satu cara yang telah mengambil kira kepentingan demokrasi berparlimen tetapi tanpa mempunyai keberanian untuk memerhatikan sistem Kerajaan dengan menerima kecacatan sistem ini.

Tuan Yang di-Pertua, kepada saya, pencapaian Kerajaan ialah kepentingan pimpinan dalam memberi kepada rakyat untuk memilih masa depan negara ini. Rakyat negara ini merasakan bahawa di bawah pentadbiran yang baharu ini perasaan keadilan bukan sahaja dibincangkan tetapi juga diperhatikan ianya dilaksanakan. Polisi terbuka pentadbiran baharu ini telah mendatangkan keyakinan penuh dalam pimpinan Yang Amat Berhormat Dr Mahathir dan prinsip Kerajaan yang bersih, cekap dan dipercayai yang diamalkan akan menguatkan hubungan antara rakyat negara ini serta memberi mereka harapan bagi masa depan yang lebih baik, lebih progresif dan stabil. Di peringkat kebangsaan, rancangan Kerajaan untuk memperbaiki kecekapan dan menanamkan perasaan disiplin dan bangga di kalangan rakyat adalah sangat diterima oleh rakyat berbilang kaum di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pendekatan baharu untuk menjadikan birokerasi dalam segi sosial dan ekonomi bukan sahaja telah mendatangkan keyakinan kepada Kerajaan tetapi telah terbukti bahawa Kerajaan adalah 'action-oriented' dynamic dan berani untuk menghadapi cabaran masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri kita pernah menyatakan bahawa disiplin, perasaan dedikasi dan bangga dengan bangsa adalah penting bagi negara ini untuk maju dan setanding dengan perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat. Emphasis yang ditekankan ke atas pelajaran dan cara baru untuk memajukan standard pelajaran akan menjadikan satu jenerasi belia Malaysia yang boleh setanding dengan penduduk lain-lain tempat di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali suka saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan '2M' kerana polisinya yang baru dalam melihat ke Timur untuk mendapatkan pelajaran teknologi dan etika pekerjaan. Dalam dunia di mana perubahan berlaku dengan cepat, adalah penting bahawa Kerajaan mengadakan hubungan dengan lain-lain bahagian dunia berdasarkan nasionalisma kepuasan diri sebagai asas internationalism. Konsep Dr Mahathir dengan mempunyai alternatif dan hak memilih adalah pendekatan yang paling sesuai dalam mengendalikan hal ehwal negara dan komitmen politik dan ekonomi dengan dunia.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Fadzil Ahmad.

5.32 ptg.

Tuan Haji Fadzil bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Kelima pada 8hb Mac, yang lalu dalam Dewan yang mulia pada hari ini.

Di dalam ucapan saya pada kali ini, Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya menyentuh perkara-perkara seperti berikut, di bidang pentadbiran, keselamatan, perumahan, pelajaran agama Islam, sukan dan perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan hal pentadbiran, saya amat merasa gembira kerana semenjak pimpinan '2M' mengambil alih pucuk teraju Kerajaan perubahan yang berkesan dapat dirasai ialah di dalam bidang pentadbiran. Langkah-langkah Kerajaan

mewujudkan pentadbiran yang bersih, cekap dan licin akan pasti mendatangkan keuntungan kepada negara serta kelegaan di hati sanubari rakyat Malaysia. Kalau dahulu terdapat di setengah Pejabat-pejabat Kerajaan ada pegawai-pegawai yang menjalankan tugas sambil lewa, kurang minat, lambat, cuai yang mana mengakibatkan kepada kesusahan kepada rakyat, oleh yang demikian saya berharap dengan hasrat Kerajaan sekarang ini hal-hal tersebut tidak akan terjadi lagi.

Di dalam konteks Kerajaan bersih, cekap dan licin ini, saya juga berharap akan timbul sikap di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan agar lebih bersopan santun ketika berhadapan atau melayan kehendak rakyat. Diharapkan juga tidak berlaku diskriminasi atau perbezaan layanan terhadap orang-orang kampung yang tidak terpelajar dan orang-orang bandar yang terpelajar. Rungutan-rungutan seperti yang pernah kita dengar, telahpun berlaku di hospital-hospital dan Pejabat Pos di mana kekasaran pegawai Kerajaan kepada rakyat hendaknya tidak lagi terdapat sepertimana terdapat di suratkhbar-suratkhbar. Sesungguhnya para pegawai hendaklah disedarkan akan kedudukan peranan dan tanggungjawab mereka kepada Kerajaan dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya untuk mengekalkan satu pentadbiran yang bersih, cekap dan licin, saya berharap pihak Kerajaan akan dapat menubuhkan satu badan ataupun satu biro khas yang mana akan dapat setiap masa mengesan, meneliti sejauh manakah objektif Kerajaan dicapai atau terlaksana sepertimana yang dipertanggungjawabkan kepada jentera pentadbiran Kerajaan. Badan ini juga hendaklah bertugas sebagai watchdog terhadap perjalanan Jabatan-jabatan Kerajaan, di samping itu bagi menghargai jasa-jasa para pegawai yang dedikasi serta jujur menjalankan tugas, penghormatan berbentuk dorongan hendaklah disediakan dan diberikan kepada para pegawai mengikut prestasi pencapaian mereka di dalam perkhidmatan Kerajaan. Dorongan seperti kenaikan gaji, pangkat, hadiah berbentuk kebendaan perlu juga dilaksanakan secara meluas dan adil.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal sukan di negara ini. Kita sedia maklum di dalam kehidupan sekarang sukan adalah memainkan peranan yang amat penting untuk melahirkan warganegara yang cergas, berdisiplin, bersemangat, bertanggungjawab dan sifat-sifat kejiranan. Adalah menjadi harapan rakyat peminat sukan khasnya agar pasukan dan ahli-ahli sukan kita mencapai kejayaan yang cemerlang ketika bertanding di dalam mahupun di luar negeri, kerana kejayaan mereka itu secara langsung ada kaitannya dengan keharuman dan prestasi negara kita tetapi malangnya mengikut perhatian saya pada akhir-akhir ini pencapaian ahli-ahli sukan kita, terutama ketika bertanding di luar negeri tidak mencapai kejayaan yang begitu membanggakan, malah berlaku pula pergeseran, melanggar disiplin antara peserta dengan peserta dan antara pegawai dengan peserta.

Saya bangkitkan hal ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana sebahagian daripada perbelanjaan pasukan yang bertanding adalah sumbangan dari pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sebagai contoh, ialah peristiwa-peristiwa yang berlaku ke atas Pasukan Bola Sepak Malaysia di Kuwait, juga Pasukan Menembak di Sukan Asia Tenggara di Manila baru-baru ini. Soalnya, apakah peristiwa-peristiwa demikian tidak boleh dibendung supaya nama negara tidak tercemar. Di sini saya berpendapat kerjasama dan penglibatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan pihak-pihak persatuan atau pertubuhan sukan hendaklah dipertingkatkan, disiplin hendaklah diperketatkan. Ahli-ahli sukan hendaklah sedar bahawa mewakili negara adalah merupakan satu penghormatan buat diri dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi berhubung dengan sukan, saya rasa sehingga ini penghargaan negara terhadap para ahli sukan yang banyak berjasa mengharumkan nama negara tidaklah begitu setimpal dengan pengorbanan mereka. Inilah yang menyebabkan selalu benar terjadinya ahli sukan yang menarik diri dan menjual mahal ketika sumbangan mereka kita perlui. Sekarang sudahlah sampai masanya saya kira

pihak Kerajaan menimbang dan memberikan beberapa keistimewaan ganjaran yang lebih bermakna lagi terjamin kepada ahli sukan yang berjasa kepada negara. Saya sedar Malaysia bukanlah sebuah negara kaya seperti Kuwait yang berupaya memberi rumah, kereta, wang dan sebagainya kepada ahli sukan mereka yang berjaya tetapi seandainya ada jaminan ganjaran seperti rumah dan sejumlah wang yang agak lumayan kepada ahli sukan kita setelah mereka bersara dari bermain, saya rasa ini adalah satu hadiah yang boleh mendorong dan mengembirakan ahli sukan kita untuk berusaha mencapai taraf antarabangsa yang boleh sama-sama kita banggakan.

Tuan Yang di-Pertua, berikutnya ingin saya sentuh mengenai perpaduan negara. Kita semua sedar perpaduan adalah merupakan kunci kepada keamanan, kestabilan dan kemajuan negara, tanpa perpaduan negara akan menjadi hancur-lebur. Ketika negara hampir mengadakan pilihanraya umum nampaknya terdapat puak pelampau perkauman dan ugama dalam usaha mereka mencari pengaruh rakyat sehingga sanggup menimbulkan perkara-perkara perkauman dan keugamaan yang akhirnya memecahbelahkan perpaduan rakyat dan ini tentunya meruntuhkan perpaduan negara.

Perkara-perkara sepertimana yang telah dibangkitkan saya ingat kalau tidak silap oleh seorang Yang Berhormat iaitu Tuan Awang Jabar, Barisan Nasional Dungun di dalam Dewan Rakyat pada 9hb Mac, 1982 yang lalu mengenai kegiatan pelampau ugama di dalam parti PAS di Trengganu, seperti petua karut, kegiatan kotor memfitnah, pulau-memulau sehingga anak tidak mengaku bapa, juga ada anak yang tidak mengaku ibu, adalah juga terdapat di lain-lain tempat di Kedah misalnya. Semua ini akan menimbulkan perpecahan sesama Islam atau orang Melayu. Saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, seandainya perpecahan sesama Melayu ini berlanjutan ianya akan mengakibatkan ketidakstabilan negara juga kerana perpaduan di kalangan Melayu itu sendiri merupakan inti atau teras perpaduan negara. Memandangkan kegiatan PAS yang merbahaya ini semakin hari semakin hebat

keadaannya akan menjadi bertambah serius, oleh yang demikian saya merayu pihak Kerajaan hendaklah menentukan sikap dan pendirian yang tegas, jangan nasi sudah menjadi bubur baru hendak bertindak, tidak ada gunanya.

Saya juga berpendapat kepincangan yang timbul ini adalah secara langsung ekoran dari sikap para pemimpin PAS sendiri yang nampaknya sengaja membiarkan gejala-gejala buruk itu berterusan tanpa mengerti akan akibatnya. Adalah amat menyediakan para pemimpin PAS yang alim dan intelektual itu sendiri sedia membiarkan diri mereka dikuasai oleh perasaan diri, fikiran semata-mata mengejarkan pangkat dan kedudukan diri. Saya berharap dan menyeru pemimpin-pemimpin PAS agar menyedari hakikat bahawa kepentingan negara adalah jauh lebih penting dari kepentingan diri dan hendaklah mengambil daya inisiatif untuk menjernihkan yang keruh dan menghuraikan yang kusut agar perpecahan tidak berterusan sesama umat Islam dan bangsa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, begitu jugalah dengan peristiwa Mengkarak yang diketengahkan oleh Ketua Pembangkang baru-baru ini. Inipun jika kita teliti dengan mendalam memang memberi implikasi yang berat terhadap perpaduan. Bayangkanlah seandainya apa yang dikatakan itu membawa tafsiran yang salah begini, pihak anggota askar itu sememangnya terdiri dari orang Melayu manakala penoreh getah itu pula adalah terdiri dari kaum Cina ataupun orang Cina.

Apa yang jelas di sini, apa yang hendak dikatakan oleh Ketua Pembangkang itu akan diterima sebagai penekanan orang Melayu terhadap orang Cina. Padanya tak perlulah saya jelaskan di sini, saya serahkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tuan-tuan mentafsirkan sendiri perkara itu. Oleh yang demikian, saya berharap buat masa depan mana-mana pemimpin yang ingin mengemukakan pembelaan hendaklah kena pada masa dan tempatnya, bukan melakukan secara melulu sahaja untuk kepentingan diri dan parti, sebaliknya pertimbangkanlah kepentingan negara terutama perpaduan dan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pelajaran. Saya mengalu-alukan hasrat Kerajaan untuk melaksanakan sukatan pelajaran Ugama Islam yang baru. Sesungguhnya pendidikan Ugama Islam itu sendiri sangat penting dalam bentuk peribadi yang baik lagi mulia. Saya percaya sekiranya sukatan ini dilaksanakan bersungguh-sungguh dan teratur dan berhasil, banyak masalah sosial akan sering dapat dibaiki. Bagaimanapun satu perkara yang patut diberi pertimbangan oleh pihak Kementerian Pelajaran ialah pendidikan Ugama Islam itu sendiri hendaklah diiringi dengan pelajaran bahasa Arab. Ini penting kerana dengan menguasai kemahiran bahasa Arab akan lebih cepat menolong seseorang memahami dan menghayati Ugama Islam secara lebih mendalam. Sudah sampailah masanya umat Islam diasuh untuk mengetahui dan memahami hakikat ini. Kandungan Al-Quran dan lain-lain kitab yang ditulis dalam bahasa Arab. Kita tidak mahu lagi umat Islam seperti burung kakak tua yang pandai berkata tetapi tidak mengerti apa yang dikatakannya.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya mengenai masalah perumahan, sehingga ini Kerajaan banyak memberi penekanan terhadap masalah golongan yang berpendapatan rendah. Nampaknya Kerajaan kurang memberi perhatian kepada golongan menengah. Di sini ingin saya menyeru agar golongan menengah ini juga diberi perhatian yang sewajarnya kerana mereka adalah merupakan golongan yang penting dan besar di dalam masyarakat kita.

Melalui Dewan yang mulia ini, saya ingin mengemukakan kesulitan yang dihadapi kepada setengahnya para petani utara Semenanjung khususnya di kawasan MADA di Kedah pada masa ini petani sedang sebuk menuai padi mereka.

Di dalam proses menuai ini, Tuan Yang di-Pertua, didapati ada kalangan mereka mendapat kesulitan masalah kerugian. Ini disebabkan pada tahun ini setengah-setengah tempat urusan menuai padi dijalankan dengan penggunaan jentera. Proses ini dibuat secara membuka tender. Maksudnya tuan-tuan tanah tidak boleh memilih siapa punya mesin untuk menuai padi mereka kecuali pihak yang

mendapat ataupun menang tender dari pihak MADA. Malangnya tuan punya mesin tidak mempunyai cukup bilangan mesin yang menuai kawasan padi masak yang sedemikian luas. Akibatnya kerja-kerja terbengkalai, padi yang masak terbiar rosak, ada yang reput dan akan rugilah para petani sehingga ke hari ini sudahpun berlaku pergaduhan kecil di satu tempat di negeri Perlis. Dengan ini, saya menyeru agar pihak yang bertanggungjawab supaya mengkaji segera kerja-kerja menuai secara tender ini supaya tidak mendatangkan kerugian kepada para petani. Jika hendak dilaksanakan hendaklah pelaksanaannya itu mendatangkan kemudahan dan kesenangan bukan sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya sekali lagi saya menyokong dengan sepenuhnya dan marilah sama-sama kita memohon doa restu dari Allah s.w.t. semoga negara kita yang kita cintai ini akan berada di dalam aman damai, makmur bahagia buat sepanjang zaman. Sekian, terima kasih.

5.47 ptg.

Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil bahagian di dalam membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda pada 8hb Mac, 1982. Saya mengambil kesempatan di sini untuk menyampaikan ucapan tahniah di atas ucapan Baginda yang bersemangat serta mengandungi dasar-dasar Kerajaan yang konkrit yang telah dilaksanakan sedang dan akan dilaksanakan.

Saya mengucapkan syukur Alhamdulillah dan terima kasih kepada Kerajaan yang telah dapat melaksanakan berbagai-bagai projek pembangunan sesuai dengan kehendak rakyat. Setelah kita mencapai kemerdekaan maka ini adalah satu-satu cara bagi Kerajaan yang dipilih oleh rakyat untuk mengisi kehendak-kehendak kemerdekaan itu. Sungguhpun demikian, masih banyak lagi perkara-perkara yang hendak dikaji dan disusun bagi mengisi kehendak-kehendak kemerdekaan itu. Saya percaya dan berharap dengan adanya pucuk pimpinan yang berkaliber dan bijak pandai yang ada pada hari ini, maka segala pembangunan yang akan memberi faedah besar kepada rakyat akan

dapat dikaji untuk disusun peringkat demi peringkat. Dengan berbuat demikian, cita-cita dan tujuan Kerajaan bagi meninggikan taraf hidup rakyat di negara ini khasnya di kalangan bumiputra di luar bandar akan berhasil.

Bagi menghasilkan segala hasrat dan cita-cita Kerajaan itu maka kerjasama yang erat di antara semua golongan rakyat di negara ini amatlah penting bagi membolehkan segala kaum duduk di dalam aman tenteram untuk mengekalkan perpaduan dan harmoni. Jika kita tidak dapat mengamalkan demikian, maka pada hasratnya saya adalah menjadi satu kerugian yang besar bagi seluruh rakyat di negara ini. Perasaan perkauman, hasad dengki, ceroboh-menceroboh, melanggar tatasusila Rukunegara serta berpecah-belah di antara sesama kaum terutama sekali sesama umat Islam yang sering terdengar kafir-mengkafir sesama sendiri. Perbuatan seumpama ini akan memecah-belahkan kita sesama sendiri dan dengan berbuat demikian akan memberi peluang kepada anasir-anasir jahat sentiasa mengintip pergolakan-pergolakan seumpama itu untuk dijadikan modal menentang usaha-usaha Kerajaan dalam bidang pentadbiran negara ini dengan aman tenteram.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. dan berbangga serta berterima kasih kepada Kerajaan iaitu semenjak Dasar Ekonomi Baru ditubuhkan oleh Kerajaan adalah didapati ramai bilangan bumiputra telah dapat menceburkan diri mereka di dalam berbagai-bagai bidang perusahaan dan perniagaan sama ada dengan bersendirian atau berkongsi dengan bangsa-bangsa asing dan kita berharap dari masa ke semasa mereka itu akan berolehbagai-bagai kemahiran dan pengalaman di dalam menjalan dan menguruskan perniagaan mereka, mudah-mudahan kita harap bilangan bumiputra yang boleh mencapai pendapatan yang lumayan sehingga menjadi millionaire akan bertambah dari semasa ke semasa. Insya Allah dengan adanya pucuk pimpinan yang berkaliber dan dedikasi serta berjiwa rakyat bahawa cita-cita dan harapan Kerajaan itu akan berhasil. Di samping hendak melaksanakan dasar dan hasrat Kerajaan itu, maka Ketua-ketua Jabatan dan pegawai

Kerajaan di peringkat Federal dan Negeri hendaklah bekerja dengan keikhlasan mereka mengamalkan pentadbiran yang cekap dan licin. Maka kesimpulannya jika pucuk pemimpin sahaja mengkaji dan membuat berbagai keputusan dasar, tetapi lambat pula dilaksanakan dasar-dasar itu maka rakyat harus tidak akan berpuas hati mengecap nikmat kemerdekaan itu dengan secepat mungkin yang sepatut.

Sukacita saya memberi satu dua contoh di Dewan yang mulia ini untuk perhatian dan seterusnya dikaji cara hendak membaikinya.

(1) Didapati ada di antara kalangan Bumiputra membuat surat-surat permohonan kepada Pemungut Hasil Tanah di Daerah-daerah untuk hendak memecah geran tanah dan memecah lot tanahnya itu telah mengambil masa 3-4 tahun pun belum dapat jawapan.

(2) Ada di antara kontraktor bumiputra dengan Kerajaan Negeri menunggu 3-4 bulan hendak mendapatkan bayaran kontraknya selepas membekalkan atau membayar kerja kali pertama (progress payment). Dengan kelambatan demikian, mereka itu terpaksa membayar faedah bank 3-4 bulan kerana mereka itu mengambil bank over draft bagi menjalankan perniagaan mereka, tetapi saya difahamkan bahawa kontrak-kontrak dengan Kementerian tidak pula mengambil masa begitu lama untuk membayar baucer-baucer tuntutan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya mengemukakan perkara tersebut di atas ini dapatlah jua kiranya Kerajaan mengambil perhatian dan mengkaji bagaimana caranya yang boleh diubahsuaikan. Maka dengan berbuat demikian segala Dasar Ekonomi Baru Kerajaan di dalam semua bidang seperti rancangan perumahan awam kos rendah dengan melibatkan pemaju swasta dan institusi kewangan, mempercepatkan rancangan luar bandar, projek pertanian, pengangkutan, getah, bijih timah, minyak petrol dan lain-lain lagi yang boleh mendatangkan hasil negara yang lumayan. Maka semuanya itu berkehendakkan

kerjasama yang erat daripada semua lapisan masyarakat bagi membolehkan Kerajaan mentadbirkan negara kita ini dengan cekap, lancar dan licin, maka barulah nikmat kemerdekaan itu dapat dikecap oleh ramai. Dan jika sekiranya segala rancangan Kerajaan itu lambat dilaksanakan ini bermakna bukan sahaja mengurangkan pendapatan hasil negara bahkan rakyat juga akan kurang menaruh kepercayaan di atas janji-janji yang telah dikemukakan oleh wakil-wakil mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka memberi sedikit pandangan mengenai dengan perumahan yang mana Kerajaan telah menggalakkan orang ramai dan kakitangan Kerajaan dan juga swasta untuk mendapatkan rumah sebagai tempat kediaman. Kerajaan juga telah membolehkan pegawai-pegawainya meminjam sebahagian besar wang dari Kerajaan untuk membolehkan mereka membeli rumah yang sesuai dan berpatutan serta disukai oleh mereka. Ini adalah satu pertolongan yang amat besar kepada pegawai Kerajaan yang mana jika dibandingkan dalam masa penjajahan British dahulu, maka pegawai Kerajaan tidak mimpi mendapat kemudahan seumpama itu dan dengan pemberian kemudahan dan keistimewaan maka kita berharap pegawai Kerajaan dan kakitangan Kerajaan hendaklah sentiasa jujur dan ikhlas serta dedikasi di dalam menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan kepada mereka untuk kepentingan rakyat di negara ini.

Apa yang saya bantangkan di Dewan yang mulia ini ialah kerap-kali terdengar dan terbaca di dalam akhbar tempatan bahawa permohonan hendak mendapatkan borang perumahan itu menghadapi berbagai masalah dan kerumitan untuk mendapatkannya. Ini adalah disebabkan pusat pengeluaran borang permohonan itu ditetapkan pada satu pusat dan satu masa sahaja. Sukacita saya mengesyorkan kepada Kementerian Perumahan supaya mengarahkan kepada pihak yang berkenaan mengadakan lebih banyak pusat mendapatkan borang permintaan rumah-rumah itu. Semoga segala masalah yang telah dihadapi itu tidak akan berulang lagi di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya hendak mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas, dan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia, Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustafa, yang telah memberi tahu dan menjelaskan di dalam persidangan Dewan Rakyat pada 16hb Mac, 1982 berkenaan dengan tuduhan yang tidak berasas yang telah dilemparkan kepada pasukan askar kita yang menjalankan tugas mereka di Mengkarak, Temerloh, Pahang baru-baru ini. Saya percaya bahawa askar pertahanan kita adalah manusia biasa dan mempunyai akal fikiran yang siuman dan tidak begitu kejam, tambahan pula telah diberi berbagai latihan disiplin, tata tertib dan arahan-arahan yang tertentu sebelum mereka itu menjalankan tugas-tugasnya. Pasukan unit yang menjalankan tugas pada hari itu sekurang-kurangnya diketuai oleh seorang pegawai dan dengan demikian sebelum mendapat arahan daripada ketuanya maka adalah mustahil perkara yang kejam sebagaimana yang dituduh itu dilakukan oleh mereka. Kita mesti faham bahawa askar kita telah memperjuangkan jiwa raga mereka untuk mempertahankan negara kita yang merdeka dan berdaulat ini daripada musuh-musuh negara yang bercita-cita hendak menghancurkan negara ini. Apabila perkara itu berlaku maka semua rakyat akan menghadapi berbagai kesusahan dan kerumitan, sebagaimana yang kita telah alami selepas Peperangan Dunia Kedua, sehingga kita makan nasi berandau jagung, pisang, keledak dan lain-lain lagi yang mana saya sendiri telah mengalaminya. Marilah kita bersama-sama berdoa semoga keadaan dahsyat seumpama itu tidak akan berlaku lagi. Adalah menjadi kewajipan bagi rakyat di negara ini memberi perangsang dan galakan yang bersemangat kepada tiap-tiap seorang askar bagi menjaga dan mengawal keselamatan negara untuk membolehkan kita semua berbuat berbagai perusahaan di dalam semua bidang untuk meninggikan taraf hidup kita semua. Pendek kata kalaulah negara ini berada dalam keadaan huru-hara dan darurat tentulah kita semua tidak dapat duduk dengan aman, damai dan tenteram bagi hendak mencari nafkah hidup harian.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik hati dengan Titah Ucapan DYMM Seri Paduka Baginda di dalam Dewan Rakyat pada 8hb Mac, 1982 yang telah menekankan hasrat Kerajaan Baginda bagi mengembang dan meluaskan ajaran agama Islam yang rasmi di negara kita ini dengan meluaskan perkembangan dakwah di sekolah rendah dan menengah dengan meningkatkan sukatan pelajaran agama Islam yang baru. Dengan hasrat demikian, saya percaya dan berharap semoga anak-anak kita yang sedang belajar di bangku sekolah hari ini akan dapat memahami betul-betul dasar dan prinsip Islam yang menjadi benteng kepada segala yang ditegah dan dilarang di sisi undang-undang Islam. Dengan mempunyai didikan dan latarbelakang pengetahuan agama Islam bahawa generasi muda yang akan datang sebagaimana yang diharapkan oleh negara akan dapat mentadbirkan negara ini dengan lebih cekap dan licin di dalam pentadbiran harian. Semoga semua rakyat di negara ini sentiasa duduk bersefahaman dan bersatu padu aman tenteram bagi mengekalkan keamanan negara. Saya juga menyeru kepada guru-guru agama supaya menitikberatkan di dalam matapelajaran seperti rukun Islam, rukun iman, rukun tauhid dan lain-lain lagi rukun di dalam Islam sebagai amalan mereka tiap-tiap hari.

Saya menyentuh demikian kerana saya telah difahamkan ada antara anak-anak kita terutama yang telah lulus peperiksaan SRP, SPM dan STP apabila ditanya rukun Islam berapa perkara, rukun iman berapa perkara, sembahyang 5 waktu sehari semalam berapa rakaat, maka didapati ada di antara mereka tidak dapat hendak menjawab soalan-soalan itu. Dan pada hemat saya ini adalah amalan harian, maka sekiranya mereka itu tidak dapat menjelaskan, ini bererti bahawa mereka itu secara kasar tidak faham apa dia agama Islam itu.

Pada guru-guru yang lain, saya juga berharap mereka akan dapat mengambil sedikit masa untuk memberi penerangan yang khas dengan pengetahuan am, iaitu seperti nama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Raja Permaisuri Agong, pembesar-pembesar kita di negara dan negeri dan lain-lain

pembesar negara. Saya sebutkan perkara ini kerana baru-baru ini ada berlaku di atas apa yang ditanya oleh Jawatankuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam maka didapati murid-murid ini tidak dapat menjawab, maka ini adalah satu perkara yang sangat-sangat mendukacitakan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya menyokong Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 8-3-1982 yang begitu konkrit dan bernas mengenai dengan dasar-dasar Kerajaan yang dilaksanakan dari masa ke semasa. Saya percaya bahawa segala perkhidmatan pentadbiran negara akan dapat berjalan dengan cekap, lancar dan licin. Semoga semua rakyat di negara ini memberi keyakinan di atas kebijaksanaan pentadbiran Kerajaan dan dengan amalan yang cemerlang itu, saya percaya rakyat yang berbilang bangsa di negara kita ini akan terus memberi sokongan pada Kerajaan dan juga akan dapat dikekalkan hidup bersatupadu bagi membolehkan mereka itu bergerak cergas, berusaha mencari mata pencarian kehidupan dari masa ke semasa dan juga bagi mengakhiri ucapan saya ini, saya juga mengambil kesempatan di sini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya untuk berucap di dalam Dewan ini.

6.03 ptg.

Tuan V. V. Aboo: Tuan Yang di-Pertua, Saya menyokong Usul yang dicadangkan oleh rakan saya Senator S. Subramaniam. Terlebih dahulu, saya menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda di upacara Pembukaan Rasmi Penggal Keempat Parlimen Kelima.

Saya percaya Titah Ucapan yang dilafaskan oleh Baginda itu telah meliputi seluruh aspek perkembangan dan pembangunan kemajuan di negara ini, disamping menitikberatkan perpaduan rakyat di negara ini. Segala seruan Baginda supaya rakyat melipatgandakan usaha demi untuk menjamin kejayaan yang berterusan untuk negara, patutlah dijunjung oleh kita semua, malah perlulah kita memberi

sokongan sepenuhnya kepada kejayaan dalam menjamin segala kepentingan negara di samping mencari jalan untuk menjamin ketenteraman dan kemajuan negara.

Selama ini kita telah melihat kemajuan dan kepentingan negara kita di rantau ini dalam segala aspek, termasuklah ekonomi, perhubungan luar, pelaburan dari dalam dan luar negeri dan kemajuan di dalam bidang penyelidikan, pengeluaran dan pemasaran. Ini semua mencerminkan dan menandakan pembangunan dan kemajuan yang pesat yang telah kita nikmati selama ini.

Di dalam usaha kita untuk meningkat lagi keadaan ekonomi kita, Kerajaan telah melaksanakan berbagai usaha dan langkah untuk mengukuhkan dan membantu peniaga-peniaga kecil. Di dalam perkara ini, saya ingin menyentuh sedikit tentang Credit Guarantee Corporation atau C.G.C. yang diadakan khas untuk memberi pinjaman-pinjaman untuk membuat perniagaan-perniagaan yang kecil.

Tetapi apa yang mendukacitakan ialah perjalanan ataupun sistem organisasi C.G.C. ini adalah mendukacitakan. Terdapat banyak permohonan yang tidak diluluskan. Di dalam perkara ini ada terdapat pengurus bank yang mengamalkan dasar 'pilih kasih' dengan meluluskan permohonan saudara mara dan rakan-rakan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya berharap semoga Kerajaan akan menubuhkan satu badan atau jawatankuasa khas untuk memproses atas satu-satu permohonan C.G.C. itu. Dengan cara ini maka mereka yang benar-benar memerlukan bantuan kewangan untuk menjalankan perniagaan akan dapat dibantu dan tidak secara langsung, Kerajaan telah membuat satu sumbangan dalam usaha untuk meningkatkan lagi ekonomi peniaga-peniaga kecil.

Saya ingin menyentuh pula mengenai soal tanah berkelompok di negeri Pahang ini yang seperti kita maklum adalah urusan Kerajaan-Negeri dan bukan di bawah Kerajaan Persekutuan. Saya telah beberapa kali membentangkan perkara ini di Dewan ini pada masa lalu, tetapi saya dapat tahu belum ada tindakan yang telah diambil.

Saya berharap agar Kerajaan dapat menyelesaikan beberapa permohonan tanah yang masih belum diselesaikan, walaupun permohonan telah lama dibuat. Kebanyakan permohonan telah dibuat sejak 10 tahun yang lalu dan sehingga masa ini masih belum ada jawapan atau 'black and white'nya.

Saya tidak tahu mengapa kebanyakan permohonan ini dilambat-lambatkan dan ini membuat ramai rakyat tidak puas hati dan kesal dengan kelambatan Kerajaan memproses satu-satu permohonan tanah berkelompok itu.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya berharap semoga Kerajaan Persekutuan dapat mengambil tindakan mengenai perkara ini, jika tidak rakyat akan terus mengecap Kerajaan negeri itu sebagai lemah dan tidak cekap.

Sebagai sebuah negara yang sedang menuju ke arah kemajuan dan pembangunan yang pesat seperti Malaysia ini, setiap rancangan yang akan dilancarkan perlulah dibuat penelitian dan kajian yang rapi terlebih dahulu supaya setiap rancangan yang dibuat akan dapat menghasilkan kejayaan seperti yang diharapkan. Penelitian dan kajian ini adalah perlu supaya setiap projek dan rancangan yang dilancarkan tidak akan menemui kegagalan dan ini boleh mengakibatkan terjejasnya matlamat pembangunan dan kemajuan yang kita tuju.

Dalam soal ini, saya ingin menesyorkan supaya Kerajaan menubuhkan sebuah badan khas atau unit khas untuk mengkaji sebab-sebab atau punca kegagalan sesebuah projek yang dilancarkan oleh Kerajaan. Badan khas ini adalah bertanggungjawab untuk mencari sebab-sebab mengapa sesebuah projek itu gagal. Badan khas ini juga hendaklah memberi laporan yang lengkap kepada Kerajaan mengenai sebab-sebab kegagalan sesebuah projek itu, dan daripada laporan itu langkah-langkah perlu disusun untuk memperbaiki keadaan.

Saya ingin pula bercakap mengenai barang-barang keluaran Malaysia di pasaran dunia. Sepertimana yang kita tahu negara banyak mengeluarkan hasil-hasil utama untuk didagang di pasaran antarabangsa. Tetapi apa

yang mendukacitakan ialah masih lagi terdapat kejadian di mana kurangnya barang-barang keluaran negara didagangkan di pasaran antarabangsa. Dalam soal ini langkah-langkah perlulah diambil supaya keadaan tidak menjadi bertambah buruk dan mengakibatkan pengusaha-pengusaha di negara ini menanggung kerugian. Kementerian berkenaan hendaklah mengawasi dan mengambil perhatian mengenai perkara ini dan jika tidak ini mungkin boleh sebanyak sedikit menjejaskan kedudukan ekonomi negara.

Saya ingin pula bercakap mengenai dasar pelajaran di negara ini sekarang. Saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dan Kementerian Pelajaran di atas kejayaan yang telah dicapai dalam usaha untuk meninggikan taraf pelajaran di negara ini yang saya percaya salah satu yang terbaik di rantau ini.

Masalah keciciran telah dapat dikurangkan sedikit demi sedikit dan taraf pelajaran khususnya di luar bandar sentiasa dititikberatkan. Saya berharap semoga usaha-usaha dan langkah-langkah seperti ini diteruskan lagi di masa yang akan datang. Saya juga berharap semoga peluang-peluang sentiasa terbuka kepada pelajar-pelajar miskin khususnya dari luar bandar untuk meneruskan pelajaran mereka ke pusat-pusat pengajian tinggi.

Kita tidak dapat menafikan dengan adanya langkah-langkah Kerajaan untuk mendirikan lebih banyak sekolah-sekolah dan menyediakan guru terlatih dan memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar yang berjaya. Ini telah dapat menyedarkan mereka tentang pentingnya pelajaran, tetapi kejayaan mereka ini jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar di bandar masih lagi mengecewakan.

Saya mengesyorkan supaya satu kajian mendalam dapat dijalankan untuk menyasat apakah sebab-sebabnya pelajar-pelajar dari luar bandar kurang maju di dalam pelajaran mereka dan kemajuan mereka masih lagi tidak menggalakkan.

Saya mengalu-alukan usaha Kementerian Pelajaran mengamalkan sistem pelajaran yang baru iaitu sistem 3M iaitu Membaca, Menulis dan Mengira menjelang tahun 1983 untuk meninggikan lagi mutu pelajaran murid-murid. Tetapi saya berharap semoga kajian hendaklah dibuat terlebih dahulu untuk mengkaji adakah sistem 3M dan boleh mendatangkan hasil dalam usaha untuk meninggikan mutu pelajaran dan kemajuan murid-murid.

Saya ingin bercakap mengenai perpaduan rakyat dan penyertaan rakyat di dalam projek Kerajaan. Sepertimana kita maklum sebagai sebuah negara multi-racial seperti Malaysia ini, perpaduan rakyat adalah penting untuk kita membina sebuah negara yang aman dan maju. Dalam soal ini segala usaha Kerajaan seperti menubuhkan Majlis Perpaduan Negara, Majlis Muhibah dan Majlis Perhubungan Masyarakat adalah dialu-alukan. Usaha-usaha seperti ini hendaklah diteruskan lagi dan Kerajaan juga hendaklah mengawasi atau mengawal supaya badan-badan seperti ini tidak lari dari matlamat dan tujuan mereka yang sebenarnya.

Mengenai penyertaan rakyat di dalam projek Kerajaan pula, ianya saya rasa amatlah mendukacitakan. Saya berpendapat bahawa jumlah mereka yang menyertai dan/atau memberi kerjasama di dalam rancangan-rancangan atau projek-projek yang dilancarkan oleh Kerajaan adalah sangat kurang. Dalam soal ini Kerajaan hendaklah mencari jalan untuk memberi galakan kepada rakyat untuk turut sama di dalam projek-projek yang dilancarkan oleh Kerajaan khusus untuk kebaikan dan kemajuan negara yang tercinta seperti yang kita harapkan.

Akhirnya, sekali lagi saya menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda. Sekian, terima kasih.

6.20 ptg.

Dato' Hajjah Fatimah binti Haji Salim:
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memperkatakan keyakinan dan sokongan seluruh masyarakat untuk membuktikan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di bawah pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri baru yang dikasihi. Negara kita Malaysia telahpun menerima berbagai-bagai perubahan sebagai sebuah Kerajaan yang gagah dan dapat dibanggakan untuk mencapai hasrat dan harapan dan penglibatan rakyat secara langsung di semua peringkat.

Bagi rakyat yang betul-betul memahami dan yang ikhlas dan jujur akan bersetuju dengan saya bahawa ada berbagai-bagai perubahan telah dilakukan oleh Kerajaan pimpinan 2M ini. Di dalam tempoh beberapa bulan sahaja di antara lain-lain seperti berikut:

- (1) Membeli saham Syarikat Guthrie—Syarikat Guthrie kepunyaan British yang terbesar sebagai syarikat gergasi mempunyai ladang lebih 80,000 ekar dan lain-lain perniagaan telah dibeli oleh ASN bagi pihak bumiputera;
- (2) Zone Waktu—Menyatukan waktu di seluruh Malaysia. Tidak lagi disebut Malaysia Timur, Malaysia Barat atau disebut Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Negara-negara di seluruh dunia mestilah mengaku zone waktu ini termasuklah Kerajaan Singapura. Dengan adanya zone waktu ini membuka mata dunia bahawa Malaysia bersatu, tidak lagi disebut berasingan, Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang mana pecahan kedaerahan ini menjadi cemuhan negara-negara di dunia ini merupakan kelemahan Kerajaan Malaysia;
- (3) Kad Waktu Pejabat—Sistem kad waktu pejabat ini mengelakkan daripada ponteng dan tidak menepati masa supaya jentera Kerajaan berjalan lebih pesat;
- (4) Peranan RISDA—Kerajaan menjadikan RISDA satu badan berkanun yang memajukan pekebun-pekebun kecil dan sekarang ini RISDA menjadi wakil (agen) perusahaan

- import dan eksport barangan utama yang mana kebanyakan import dan eksport dagangan sekarang ini dijalankan oleh jutawan dan syarikat-syarikat bukan bumiputera yang mana RISDA akan membuka pusat barangan utama perdagangan dunia di Kuala Lumpur dan tidak lagi membiarkan Singapura menguasai keseluruhannya.
- (5) Mengadakan Pusat Pemasaran Industri Ringan Kerja Tangan Orang-orang Melayu. Selama ini hasil usahawan pertukangan tangan orang Melayu tidak ada penghargaan hanya memberi keuntungan besar kepada peraih bukan Melayu yang menjadi orang tengah yang semata-mata menghisap darah mencari keuntungan berlebih-lebihan. Dengan adanya Pusat Pemasaran ini dapatlah dihapuskan penghisap darah itu tadi kerana dagangan hasil usahawan orang Melayu itu dapat dipasarkan terus ke peringkat antarabangsa.
- (6) Industri Berat Bermutu Tinggi—Kerajaan baru-baru ini bertindak berapi-api mengadakan industri berat bermutu tinggi, umpamanya kilang membuat peluru, kilang barang-barang bagi kapal terbang, kapal laut, keretapi dan lain-lain jentera besar dan kecil yang memerlukan kepintaran dan kejuruteraan terutama dari golongan bumiputera.
- (7) Pengisytiharan Harta—Kerajaan bertindak dengan tegas, semua kakitangan Kerajaan, Wakil-wakil Rakyat, Ahli-ahli Exco dan para Menteri membuat pengisytiharan harta supaya Kerajaan dapat bertindak menangkap siapa-siapa yang menyeleweng, membuat harta dengan menyalahgunakan kuasa. Kerajaan akan dapat tahu di mana harta didapati daripada nilai pendapatan yang tidak menasabah. Juga akan mengelakkan pembaziran harta benda Kerajaan berjuta-juta ringgit seperti yang didedahkan oleh Ketua Audit Negara dan juga akhbar-akhbar;
- (8) 3M—Kerajaan menjalankan dasar 3M di sekolah rendah bertujuan supaya setiap murid mesti tahu membaca, menulis dan mengira kerana didapati di masa-masa yang lalu ada murid-murid sekolah rendah yang meningkat ke sekolah menengah tetapi tidak tahu membaca, menulis dan mengira. 3M yang dilancarkan sekarang adalah satu perubahan yang memastikan setiap murid tahu membaca dan menulis. Kemahiran membaca, menulis dan mengira ini adalah asas ilmu pengetahuan. Maka dari perkataan membaca, menulis dan mengira itu diringkaskan menjadi 3M tetapi pihak yang hendak mengelirukan diistilahkan dengan erti yang membawa makna yang menyalahi dari tujuan asal.
- (9) Mengalih Pelajar ke Jepun dan Korea—didapati dunia barat, orang-orang barat sekarang telah merosot, menjadi bangsa yang jahat, pemalas, pemogok dan berbagai ancaman termasuk perbuatan kebinatangan, biadap dan tidak hormat kepada ibu-bapa dan orang tua-tua. Tetapi kemajuan sains teknologi di negeri Jepun mahupun Korea lebih tinggi daripada Eropah, belanja hidup lebih murah dan tradisi orang-orang Jepun dan Korea hormat kepada ibu-bapa. Sebab itulah Kerajaan telah mengalih kepada kedua-dua negeri ini.
- (10) Kemajuan Sains dan Teknologi—Kemajuan sains dan teknologi ini, orang-orang Islam tidak seharusnya takut kepada ilmu sains dan teknologi kerana orang-orang Islam yang memajukan ilmu sains dan teknologi pemerintahan Eropah selama 500 tahun dahulu bangsa Moor beragama Islam di bawah Khalifah Bani Umayyah menguasai beberapa bandar besar-besar sehingga sekarang terdapat bangunan besar seperti gedung, adanya masjid berbentuk kebudayaan Islam sebagai kesan-kesan sejarah pada hal masa itu London dan Paris di dalam gelap gelita dan kejahilan.

Dasar Kerajaan mengubah haluan pelajar ke Jepun dan Korea tidak menyalahi kehendak Islam kerana sesuai dengan hadis Nabi, "Tuntutlah ilmu walaupun sampai ke negeri Cina", yang mana pada pendapat saya Jepun dan Korea sama juga dengan China. Sains di dalam teknologi bermakna ilmu untuk menjadi alat.

Tuan Yang di-Pertua, keperluan hidup manusia itu ilmu. Ini adalah waris daripada nabi-nabi. Nabi Adam a.s.—ilmu pertanian, penternakan dan perikanan. Nabi Idris a.s.—membuat pakaian, Nabi Noh a.s.—tinggi dalam ilmu kejuruteraan dan perkapalan. Nabi Ibrahim a.s.—elektronik, hawa panas menjadi dingin, Nabi Daud a.s.—logam, tukang besi, Nabi Yusof a.s.—catuan makanan, Nabi Musa a.s.—peperangan (bukan Timbalan Perdana Menteri kita) Nabi Isa a.s.—kedokteran dan perubatan. Junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w.—ilmu perniagaan. Sembilan daripada sepuluh rezeki datangnya dari perniagaan. Ilmu ini fardhu kifayah. Jadi itulah kewajipan orang Islam menuntut Ilmu.

Saya tertarik hati dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam rapat raksaksa menyambut Maulud Nabi di Stadium Merdeka pada hari Jumaat, 8hb Januari yang lalu menyeru orang Islam bersatu-padu, meningkatkan disiplin dan akhlak, kerana kelemahan disiplin dan rosak akhlak adalah kelemahan iman yang membawa keruntuhan Islam. Kita mahu umat Islam kuat.

Berpegang kepada kenyataan Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad iaitu trend Islam sekarang bolehlah dikatakan tiga perkara penting. Yang pertama, bagi meninggikan Syiar Islam yang sedang dan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan iaitu bahawa Islam akan dijadikan satu cara hidup bagi rakyat Malaysia keseluruhannya tanpa mengira keturunan dan kaum satu cara hidup yang sempurna. Kedua, Kerajaan telah mengambil langkah yang perlu bagi menjadikan undang-undang Islam dilaksanakan di negara ini berperingkat-peringkat di mana yang boleh sejajar dengan suasana politik negara kita sekarang ini. Ketiga, menubuhkan Universiti Islam

antarabangsa yang akan dibiayai oleh negara-negara Islam sedunia yang mana tenaga pengajarnya terdiri daripada segala bangsa tanpa mengira agama dan negara mereka. Demikian juga penuntut-penuntut adalah terbuka kepada segala bangsa tanpa mengira agama dan negara. Universiti ini akan didirikan pada tahun hadapan—1983 di Malaysia.

Bahawa kenyataan dan tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti apa yang saya sebutkan tadi sangat-sangatlah sesuai dengan cita-cita masyarakat Islam di negara Malaysia ini dan juga menepati tujuan Perlembagaan Persekutuan Perkara 3 (1) yang berbunyi "Ugama Islam ialah ugama bagi Persekutuan."

Saya menyokong sepenuhnya Kerajaan pimpinan 2M yang jelas kelihatan hendak menjadikan negara kita ini negara yang mendapat keampunan dan keredaan Allah dengan bentuk perbuatan dan amalan, bukan hanya kata-kata kosong sahaja. Demikian inilah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dr Choo Kooi Fook.

6.32 ptg.

Dr Choo Kooi Fook: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada masa membuka Penggal Keempat, Parlimen Kelima. Titah Ucapan Tuanku Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memberi makna besar bahawa Duli Tuanku mengharapkan supaya dapat diperseimbangkan bentuk ekonomi dan rohaniah. Saya mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kepada Kebawah Duli.

Tuan Yang di-Pertua, 25 tahun telah berlalu setelah negara kita mencapai kemerdekaan. Dalam masa ini telah dan masih melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang dirancang dalam tempoh 20 tahun. Saya rasa sudah tiba masanya kita meneliti dan menilai kejayaan dan kelemahan kita selama ini.

Kita harus bersyukur kepada Tuhan kerana melimpahkan rahmatNya kepada negara kita ini, dengan kepimpinan yang sederhana. Memang kita bertuah, kerana telah mengalami beberapa pindahan teraju kuasa politik secara aman dan sangat-sangat penting untuk menjamin kemantapan politik yang begitu mustahak bagi kesejahteraan dan kemajuan negara kita. Memang tidak dapat disangkal lagi, negara kita telah mencapai kejayaan yang cemerlang dalam masa ini, terutama dalam kemajuan perusahaan. Kejayaan ini patut dibanggakan memandangkan keadaan kemelesetan ekonomi dunia yang mengurangkan permintaan dan harga barang dagangan utama kita. Kesannya buat pertama kali, negara kita telah menghadapi kekurangan imbalan pembayaran. Justu itu kita harus berhati-hati dalam masa yang mendesak itu. Import barangan yang tidak diperlukan buat masa ini harus kita kurangkan dan begitu juga perbelanjaan yang membazirkan.

Kawalan yang ketat terhadap perbelanjaan perlu, untuk menjamin kestabilan ekonomi kita. Syabas dan tahniah kepada Perdana Menteri kita, akan seruan kepada rakyat kita, supaya bekerja kuat dan mencontohi ethika kerja negara-negara timur. Memang tepat masanya untuk menekankan hakikat bahawa kunci kejayaan adalah kesungguhan dan sedia bekerja keras. Dalam hubungan ini, saya berharap langkah-langkah ketat diambil untuk memastikan subsidi dan bantuan Kerajaan, khususnya di sektor pertanian digunakan secara produktif.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kurikulum Baru Sekolah Rendah yang telahpun menimbulkan pandangan yang berbeza di kalangan masyarakat Cina, saya harap ia tidak akan menjadi satu isu politik lagi, selepas jawapan yang begitu jelas oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Skim membaca, menulis dan mengira ataupun ringkas 3M dilaksanakan untuk meninggikan lagi mutu pelajaran kanak-kanak kita. Penyelidikan yang teliti telah dijalankan beberapa tahun dulu oleh pakar-pakar pelajaran dan dianggap sesuai kepada negara. Skim ini harus kita menyokong.

Dalam pelaksanaan skim 3M ini, saya ingin mengemukakan beberapa cadangan iaitu:

- (1) Perhatian perlu diambil terhadap latarbelakang murid-murid dan kebolehan mereka yang berbeza. Jangan pula mereka yang berkebolehan ditinggalkan semata-mata sebilangan lain kurang kebolehan.
- (2) Masyarakat Malaysia adalah berbilang kaum dan saya harap nilai-nilai kebudayaan, bahasa dan ugama masing-masing akan diberi peluang berkembang dengan bebas.
- (3) Unit Bahasa Cina yang ada di Kementerian Pelajaran harus diperkembangkan menjadi satu Bahagian Penyelarasan Sekolah-sekolah Cina.
- (4) Meningkatkan lagi mutu pelatih guru-guru Sekolah Cina di Maktab Perguruan oleh kerana bahasa Cina adalah sukar untuk mengatasi dengan adanya bunyi-bunyian yang sama tetapi maknanya tidak serupa. Tambahan pula bunyi-bunyian ditulis dalam rumi adalah kurang sesuai.
- (5) Latihan dalam perkhidmatan adalah perlu supaya memberi peluang yang lebih kepada Guru-guru yang berkebolehan ataupun mereka yang telah menunjukkan minat dalam perguruan.
- (6) Sekolah Rendah Cina adalah berbeza dengan sekolah kebangsaan kerana bertambahnya satu lagi bahasa iaitu bahasa Cina. Oleh kerana ini adalah dianggap bahawa waktu-waktu yang diperuntukkan kepada bahasa Inggeris terlalu kurang. Kami bercadang bahawa masa yang diperuntukkan kepada sivistik dipindahkan sebahagiannya kepada masa belajar bahasa Inggeris. Tambahan pula, Guru Besar harus diberi kuasa menggunakan masa di bidang-bidang yang didapati diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya dewasa ini polarisasi kaum makin ketara kelihatan. Sama ada sedar atau tidak disedari negara kita sedang menuju ke arah kompartmentalisasi

kaum. Dalam hal ini kita tidak begitu berjaya dan perhatian serta tindakan harus diambil dengan segeranya. Kita sangat-sangat perlu pemimpin yang berani dan ikhlas untuk memecahkan kompartmen-kompartmen kaum ini.

Pernah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Seri Dr Mahathir pada tahun dahulu agar prestasinya dinilai dan diadili oleh rakyat dalam setahun. Kita tidak boleh menafikan dalam setahun ini beliau telah membuktikan diri sebagai seorang negarawan yang berkaliber dan sangat-sangat diperlukan oleh negara kita. Menjelang pilihanraya ini, saya tidak ragu-ragu Kabinetnya akan mencapai kemenangan yang cemerlang. Sebagai pengarang karia "Malay Dilemma" dan kini sebagai Perdana Menteri Malaysia yang terdiri dari berbagai kaum, saya percaya Dato' Seri Dr Mahathir tidak akan mempunyai pandangan dilihat dari sudut orang Melayu atau orang Cina tetapi dari segi orang Malaysia. Jadi, beliau ialah orang yang paling layak untuk menegak "dilemma" dari berlaku di kalangan masyarakat bukan Melayu di negara yang majmuk ini.

Apa yang menyebabkan kalangan orang bukan Melayu bertambah bimbang dan resah ialah terdapat dasar-dasar Kerajaan yang menyeleweng dari dasar-dasar asal bentuknya dalam proses pelaksanaan. Perkara ini menjadi bertambah buruk apabila alasan yang diberi oleh pihak yang tertentu ialah semangat yang keterlaluan untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru di kalangan pegawai kita. Kita sedar sebabnya penyelewengan yang berlaku akan tetapi amat mendukacitakan kita tidak boleh atau tidak mahu menyelesaikan masalah ini dan inilah pokok dasar "dilemma" yang dihadapi oleh masyarakat bukan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, berapa ratus ribu penduduk Malaysia telah memohon kerakyatan, antaranya terdapat yang memohon 10 tahun yang lalu. Mereka ini memang memenuhi syarat-syarat kerakyatan, tetapi sampai kini mereka masih menunggu. Tahun demi tahun bagi yang bertanya, jawapan yang diberi ialah "permohonan tuan dalam peringkat akhir untuk diluluskan". Saya

berharap dengan adanya jentera Kerajaan yang efisien, jujur dan penuh berdedikasi orang-orang ini tidak akan menunggu lagi dan permohonan mereka akan cepat diluluskan. Kredibiliti bergantung kepada keikhlasan dan persediaan kita untuk menjamin pelaksanaan dasar-dasar mengikut bentuk asalnya. Di sini harus kita menekankan bahawa kewujudan perkhidmatan awam adalah untuk melaksanakan dasar-dasar Kerajaan bukan mengubah dengan mengurangkan ataupun menambahkannya. Dasar-dasar Kerajaan harus dipatuhi dan ini memerlukan keteguhan dan ketegasan di kalangan orang yang melaksanakannya. Saya tidak ragu-ragu lagi Kerajaan Mahathir/Musa mempunyai kaliber ini dan akan memestikan penyelewengan dasar-dasar tidak akan berlaku demi kepentingan bangsa dan nusa.

Diharap selepas pilihanraya, dengan mandat yang baharu, keutamaan diberi kepada pencegahan penyelewengan dasar pada masa yang akan datang. Kerajaan kita harus berasa lega kepada kekhuatiran dan kegelisahan rakyatnya. Kita sedar tidak ada sesuatu kaum di Malaysia yang majmuk boleh melakukan sesuatu sebarang. Kerana itu kita berharap pengagihan kekayaan negara adalah adil di kalangan kaum supaya tidak ada kumpulan yang merasa bimbang dan serba kekurangan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya yakin Kerajaan jujur, cekap dan penuh berdedikasi yang akan diwujudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, rakyat akan bekerjasama menolong mewujudkan sebuah negara Malaysia yang paling bahagia kepada kita semua di rantau ini.

6.47 ptg.

Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun dalam Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Kelima pada 8hb Mac, 1981 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah melafazkan Titah Ucapan dan telah menyentuh berbagai-bagai aspek dan di samping itu Baginda juga tidak ketinggalan memberi nasihat dan pandangan iaitu kita tiada mungkin tercapai cita-cita sebagai satu bangsa kalau tidak berdisiplin. Jangan kita mementingkan diri lebih daripada masyarakat memberi sumbangan kepada rakyat. Pemimpin-pemimpin hendaklah jujur dan jauhkan dari pecah belah. Di samping itu Baginda menegaskan agar semua kakitangan Kerajaan menganuti pentadbiran yang bersih, cekap dan licin. Kerajaan bukanlah tuan tetapi adalah alat perkhidmatan kepada rakyat berasaskan demokrasi dan kedaulatan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kepada Allah s.w.t. dalam masa lebih kurang 8 bulan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir dan juga Timbalannya Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam, kita telah lihat dan rakyat juga menyambut dengan begitu baik di atas dasar Kerajaan yang ada di bawah pimpinan beliau dan kita berharap supaya kita rakyat di Malaysia ini sama-sama menolong Kerajaan agar tercapai segala cita-cita yang kita hendak dan kita harapi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang disiplin, pentadbiran yang cekap dan licin, di sini saya berharap semaksimalnya semangat itu pada tiap-tiap kakitangan Kerajaan sama ada berjawatan tinggi ataupun rendah kerana masih lagi ada yang bersifat angkoh dan bongkak terhadap rakyat, di samping itu juga ada segolongan yang menggunakan pangkat dan jawatan menambah harta dan kekayaan dengan cara yang tidak halal. Mereka tidak menghiraukan apa yang akan berlaku dan kecurangan yang telah dilakukannya menyebabkan banyak projek untuk rakyat tergendala dan ada kalanya benda-benda yang tidak perlu untuk digunakan dibeli dan banyak benda-benda lain lagi yang menyebabkan Kerajaan yang mengeluarkan wang yang begitu banyak tetapi hasilnya membazir sahaja.

Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini pihak Kerajaan telahpun menutup satu agensi Kerajaan, iaitu MAJUTERNAK yang mana dalam laporan suratkhbar Menteri yang berkenaan mengatakan kerana ditutup MAJUTERNAK itu salah satunya adalah tidak cekap pentadbiran dan di samping itu juga tidak kejujuran oleh pegawai-pegawai yang berkenaan dan ada separuh pegawai-pegawai yang berkenaan telahpun berhenti ataupun bersara. Oleh itu kita berharap kepada pihak Kerajaan atau pegawai-pegawai Kerajaan supaya sama-sama menjaga nama baik Kerajaan kita pada hari ini, janganlah mereka itu hanya mementingkan diri mereka sendiri sahaja tanpa memikirkan rakyat dan Kerajaan kita pada hari ini. Di sini saya berseru kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya bak kata pepatah orang Melayu kalau sesat di hujung jalan, balik sekarang ke pangkal jalan, sebelum Kerajaan mengambil tindakan terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh berbagai-bagai aspek sebagaimana saya katakan tadi berhubung dengan ugama. Di sini banyak rakan-rakan saya telah menyuarakan kebimbangan Kerajaan kita dan kita juga umat Islam pada hari ini terhadap anasir-anasir jahat, begitu juga yang menggunakan ugama Islam sekarang ini yang memecah-belahkan dalam rakyat kita terutama di kawasan-kawasan yang banyak penduduk orang-orang Melayu. Umpamanya dakyah-dakyah yang dibawa sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat dari Kelantan tadi, ada yang mengatakan kalau dikahwinkan orang UMNO ataupun Barisan Nasional tidak sah sembahyang dan seterusnya. Oleh itu di sini saya tidak mahu menyentuh panjang lagi tetapi saya harap supaya perkara ini tidak menjangkit ataupun menjalar ke seluruh negara kita akibatnya amat buruk nanti, kemungkinan kita antara kita berperangan antara sesama kita sendiri. Oleh itu saya berharap supaya Kerajaan sekarang ini mengambil daya usaha.

Satu syor yang saya cadangkan supaya pihak Kerajaan kita pada hari ini, iaitu Kementerian Penerangan kita mengadakan TV, Radio dan sebagainya. Oleh itu saya berharap supaya orang-orang ini dapat dibawa mereka duduk bersama-sama dalam kaca TV supaya diadakan dialog antara orang kita, iaitu Barisan Nasional dengan parti-parti yang mengatakan itu tak betul dan ini tak betul supaya semua orang tahu. Di samping itu juga kita berharap pihak Kerajaan supaya dapat mengambil ataupun membawa ulama-ulama daripada negara Islam kita supaya dapat menerangkan kepada mereka ini sama ada benar ataupun tidak sembelihan orang-orang Barisan Nasional dan sebagainya haram kerana saya rasa dalam Quran tidak mengatakan ada Barisan Nasional ataupun UMNO, ini hanya sengaja dibuat-buat oleh mereka yang berkehendakkan kedudukan dalam parti dan untuk memerintah tetapi mereka ini lupa dengan ajaran-ajaran Islam.

Oleh itu dua masalah ini saya rasa supaya dapat diambil tindakan oleh Kerajaan, lebih-lebih lagi kita akan menghadapi pilihanraya kerana dalam pilihanraya ini jugalah mereka ini akan pergi dari satu tempat ke satu tempat memberikan fikiran ataupun padangan yang begitu tidak baik nanti terhadap orang-orang Islam kita.

Tuan Yang di-Pertua, soal yang lain ialah menyentuh soal perumahan. Ini salah satu lagi masalah yang timbul, terutama di Kuala Lumpur ini. Baru-baru ini kita lihat dalam suratkhbar ada satu syarikat swasta yang mengiklankan hanya rumah lebih kurang ada 300 unit tetapi yang datang lebih kurang 6,000 orang yang mana mereka ini sebelum pukul 4.00 pagi lagi telah menunggu untuk mendapatkan borang dan ada separuhnyanya saya dengar ada yang pengsan dan sebagainya. Oleh itu bagi mengelakkan perkara-perkara ini terjadi, saya mengesyorkan kepada Kerajaan atau pihak-pihak swasta tak usah lagi memanggil orang-orang ini cara begitu, hanya sekadarkan saya rasa iklankan dalam suratkhbar dan minta mereka yang berkehendak borang itu menghantar melalui pos dan lekatkan stem 15 sen atau 20 sen dan sebagainya dan borang-borang itu melalui pos sahaja, tidak lagi sebagaimana yang ada pada hari ini berpusu-pusu, kadangkala kita takut

perkara ini akan menjadi malapetaka dan ini akan mendapat aib daripada Kerajaan kita juga.

Dari segi perumahan ini juga, Tuan Yang di-Pertua, di Kuala Lumpur ini saya melihat hanya kakitangan Kerajaan juga susah untuk mendapatkan rumah kerana saya tahu hal-hal ini mereka seringkali datang berjumpa saya untuk mendapatkan rekomen dan sebagainya. Oleh itu mereka ini ada yang duduk menumpang di rumah saudara dan sampai ada yang membawa anak dan isterinya kerana kesuntukan ataupun kesulitan untuk mendapatkan rumah. Oleh itu memandangkan keadaan ini di quarters ataupun di rumah-rumah kakitangan Kerajaan yang ada sekarang di Kampung Pandan yang mana bekas-bekas penjajah dahulu, saya rasa sekarang zaman moden ini rasa saya tak perlu lagi, tak secukup lagi keadaan rumah yang ada pada hari ini supaya pihak Kerajaan sama ada Pusat ataupun Wilayah Persekutuan mengambil alih ataupun memecahkan kawasan-kawasan itu dan didirikan rumah-rumah yang lebih baik ataupun rumah-rumah pangsa setinggi 4 ataupun 5 tingkat, rasa saya ini akan dapat mengelakkan kesuntukan rumah, lebih-lebih lagi kakitangan-kakitangan Kerajaan. Oleh itu kawasan itu saya lihat terlampau luas dan satu-satu rumah juga bentuknya tidaklah begitu baik tetapi kawasan-kawasannya amat luas. Kalau dibetulkan balik semula kawasan itu rasa saya banyak boleh menampung pegawai-pegawai Kerajaan lebih ramai lagi dan tidak sebagaimana masa ini mereka itu adakala yang duduk di tanah-tanah tanpa izin ataupun tanah-tanah Kerajaan, ini juga menyulitkan pihak Dewan Bandaraya.

Dalam soal yang lain, Tuan Yang di-Pertua, soal perniagaan orang-orang Melayu di Kuala Lumpur khususnya. Kita melihat orang-orang Melayu yang baru hendak meningkat dan menyambut seruan Kerajaan Dasar Ekonomi Baru kita melihat banyak orang-orang Melayu kita yang menjual di kaki-kaki lima ataupun di tepi-tepi longkang ataupun di tepi-tepi bangunan dan kadangkala mereka ini tidak mendapat lesen daripada Dewan Bandaraya dan kadangkala mereka ini juga selalu diburu oleh pihak-pihak berkuasa Dewan

Bandaraya, kadang-kadang tidak ada lesen, kekotoran dan seterusnya. Oleh itu saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, kerana Kuala Lumpur ini tidaklah begitu besar tetapi makin sehari semakin pesat pembangunan yang dibuat oleh swasta dan sebagainya.

Di sini saya berseru ataupun mengesyorkan kepada pihak Dewan Bandaraya ataupun Kementerian Wilayah Persekutuan supaya tiap-tiap bangunan yang hendak didirikan oleh pihak swasta masa yang akan datang ini supaya dibeli oleh pihak Kementerian ataupun Dewan Bandaraya, bukan semuanya, kalau 20 tingkat itu agar dapat pihak Dewan Bandaraya atau Kementerian membeli 2 ataupun 3 tingkat dalam satu-satu bangunan itu. Ini rasa saya perlu kerana kalau kita biarkan sahaja ini kemungkinan kita tidak ada tempat lagi besok, terutama untuk bumiputra. Dengan adanya simpanan ini rasa saya kalau dapat bangunan-bangunan ini mana bumiputra-bumiputra yang berkehendak ruangan-ruangan pejabat ataupun ruangan-ruangan berniaga di masa yang akan datang, benda-benda ini telah siap sedia ada.

Di samping itu juga di bangunan-bangunan ini juga kita berharap supaya pihak-pihak swasta ataupun Kerajaan menyediakan tempat bumiputra ataupun bukan bumiputra dapat menjual di dalam bangunan-bangunan. Dalam soal ini rasa saya juga dapat mengelakkan daripada penjual-penjual atau penjaja-penjaja ini duduk di tepi-tepi jalan dan di tepi-tepi longkang sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Ini akan dapat kita sama-sama mengatasi masalah yang kita tidak ingini melihatkan keadaan Kuala Lumpur ini. Kita berkehendakkan keadaan Kuala Lumpur ini bersih dan sebagainya.

Soal Ugama Islam, Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar Yang Amat Berhormat setelah balik dari Timur Tengah telah pun mengatakan negara kita telah dipilih untuk mendirikan sebuah Universiti Islam yang mana penuntut-penuntutnya akan datang daripada orang Islam di seluruh dunia dan juga di dalam Malaysia ini dan bahasa yang digunakan adalah bahasa Arab dan juga bahasa Ingeris dan di samping itu Bahasa Malaysia hanya digunakan dalam pentadbiran sahaja. Oleh itu, saya rasa dalam soal ini kita

harus daripada sekarang iaitu Kementerian Pelajaran harus daripada sekarang kepada murid-murid yang beragama Islam kerana kita lihat pada hari ini murid-murid kita banyak yang tidak tahu membaca dan menulis dalam bahasa jawi dan tulisan jawi. Oleh itu, diharap pihak Kerajaan pada masa ini mengubah balik corak supaya tulisan jawi ini diutamakan kepada murid-murid Islam. Dengan ini saya rasa Universiti Islam ini nanti dapatlah menampung akan murid-murid ini. Kalau sekiranya ini kita tidak mulakan daripada sekarang ini kemungkinan Universiti Islam itu tidak akan dipenuhi oleh murid-murid dari Malaysia ini tetapi akan dipenuhi oleh murid-murid daripada luar negeri iaitu negeri-negeri seperti Arab dan sebagainya. Oleh itu, kita haraplah supaya tulisan jawi ini diwajibkan tiap-tiap murid Islam diajar satu atau dua jam dalam satu minggu, kerana saya rasa dalam masalah tulisan jawi ini juga banyak murid-murid kita yang tidak tahu membaca surat ataupun Al-Fatihah dan seterusnya dan kadangkala mereka ini menulis dalam tulisan rumi. Kadangkala ini bunyinya berlainan daripada dalam tulisan jawi.

Begitu juga dalam Kuala Lumpur ini masalah-masalah yang lain, dalam soal ugama juga kita kekurangan sangat Sekolah-sekolah Ugama Rakyat di Kuala Lumpur ini. Saya sering menyatakan di dalam Dewan ini supaya sekolah-sekolah rakyat di Kuala Lumpur ini dapat diperbanyakkan kerana dari segi ini juga kita dapat menambahkan pengetahuan di segi agama dan ini juga akan menjauhkan daripada masalah-masalah yang melarang daripada perbuatan-perbuatan yang dilarang oleh Agama Islam.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, soal-soal yang lain rasa telah pun ditimbulkan oleh saudara-saudara kita yang terdahulu daripada saya bercakap tadi tetapi di sini saya ingin juga menyentuh beberapa perkara lagi berhubung dengan masalah Kuala Lumpur kerana tadi ada juga yang mengatakan masalah Kuala Lumpur iaitu soal lalulintas, soal kenderaan, soal banjir dan seterusnya yang mana Timbalan Menteri dan Menteri telah pun menjawab tetapi saya fikir jawapan-jawapan yang dijawab oleh Menteri itu saya

rasa sehingga ke hari ini hanya jawab tinggal jawab sahaja, pelaksanaannya masih lagi belum dijalankan.

Umpamanya air bah di Kuala Lumpur. Kalau hujan sahaja, setengah jam atau satu jam, kenderaan-kenderaan untuk balik ke rumah kadangkala memakan masa satu atau dua jam baru sampai ke rumah. Ini adalah disebabkan pihak-pihak yang membuat kerja-kerja jalan ataupun memperbaiki jalan di Kuala Lumpur ini kadangkala mereka itu telah siap, mereka tidak periksa lagi, kadangkadangkang longkang yang dibuat di kiri-kanan jalan itu dipenuhi oleh sampah-sampah, inilah salah satunya rasa saya yang menyebabkan air-air tidak dapat mengalir dengan deras oleh kerana air itu bertakung sehinggakan kenderaan-kenderaan juga tergendala.

Di samping itu juga pembangunan yang pesat di Kuala Lumpur ini pihak-pihak swasta menggali ataupun mengorek tanah di kawasan-kawasan mereka ini, ini juga menjadi masalah. Banyak kampung-kampung di Kuala Lumpur ini apabila hari hujan penuh diliputi ataupun disaluti oleh lumpur disebabkan tanah-tanah yang di hulu itu mengalir ke tempat-tempat ini dan mereka terutama di kawasan Kampung Maarof, rumah-rumah mereka ini kadangkala sampai dua ataupun tiga kaki. Selepas itu pihak Kerajaan ataupun pihak Dewan Bandaraya ataupun pihak swasta tidak memberi apa-apa sagu hati kepada mereka ini.

Begitu juga Kerajaan membuatkan satu projek INTAN di kawasan Damansara. Apa yang dialami sekarang ialah Universiti Malaya. Ini saya dapat tahu mereka itu tiap-tiap kali hujan, pihak Universiti Malaysia menggunakan ataupun mengeluarkan wang tidak kurang dari \$6,000. Tiap-tiap kali hujan turun mereka akan memanggil kontraktor untuk memungkah ataupun mengambil lumpur-lumpur yang masuk ke dalam longkang dan menimbus longkang. Tiap-tiap kali hujan pihak Universiti Malaya mengeluarkan wang \$5,000 atau \$6,000 tetapi bila pihak Universiti ini meminta gantirugi dan sebagainya, semuanya tidak dapat. Ini juga kita harap pihak yang berkenaan supaya dapat memikirkan masalah-masalah ini.

Di samping itu juga saya mengesyorkan di sini jikalau sekiranya kita melihat di negara-negara lain mereka itu sebelum membuat satu-satu projek perumahan dan sebagainya, mereka itu membuat dahulu longkang yang begitu besar, tetapi kita di Malaysia ini tidak. Kita membuat rumah dahulu, longkang kemudian. Itulah sebabnya banyak kerosakan-kerosakan yang dialami oleh penduduk-penduduk di Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa yang diberi tidak begitu lama dan oleh kerana ramai lagi kawan-kawan saya yang hendak berucap lagi, dengan ini juga saya bersama-sama menyokong di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga sama-sama menyokong di atas cadangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Tuan S. Subramaniam.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hasnah.

7.06 ptg.

Puan Hasnah binti Haji Mohd. Kasim: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih dan bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. di atas keizinan Yang di-Pertua yang mana dapat saya melahirkan sepatah dua kata ucapan menjunjung kasih dan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Kelima pada 8hb Mac, 1982.

Dengan perkenannya Kebawah Duli menyampaikan Titah Ucapan yang mengandungi madah dan pengajaran yang begitu mendalam yang merangkumi segenap aspek yang membawa erti supaya rakyat jelata menempuh hidup dengan penuh semangat dan tanggungjawab dan mengeratkan lagi perpaduan, bekerja kuat, berdisiplin dan berdikari supaya menjadi satu bangsa yang dihormati dengan meningkatkan kemampuan tenaga dan produksi dan juga kepentingan negara hendaklah melebihi dari yang lain, supaya negara kita juga berseiringan dengan negara yang lain di dunia ini di bawah pimpinan 2M yang berdasarkan bersih, cekap dan beramanah.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Di Raja yang begitu menitikberatkan ajaran-ajaran Islam adalah juga salah satu yang terpenting menjadi benteng yang kukuh dari segi menentang anasir-anasir yang mengancam kebajikan dan kebaikan hidup di dunia dan di akhirat, lebih-lebih lagi negara kita dapat penghargaan dan kepercayaan yang tinggi dari negara-negara Islam yang lain, yang mana tidak lama lagi akan wujudlah pula sebuah Universiti Islam, sudah tentu kita mengalu-alukan atas kedatangan universiti tersebut sebagai satu tuah yang memberi faedah kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sedang pemimpin-pemimpin Kerajaan berusaha memperkukuhkan hubungan antara negara-negara Islam, maka hal ehwal Islam dalam negara kita ini mestilah dibendung dan dibentangkan supaya jangan ada lagi golongan-golongan yang bermain-mainkan ajaran-ajaran Islam dengan tujuan memecah-belahkan sesama Islam hingga ada yang mengkafir sesama orang Islam, di setengah-setengah tempat pula ada yang menduakan masjid dalam satu mukim, mengharamkan sembelihan sesama Islam, berkahwin semula kerana perkahwinan dahulu yang berwalikan wali yang dilantik oleh Kerajaan adalah tidak sah. Pulau-memulau kenduri-kendara, kematian, ada pula yang membawa ajaran yang merosakkan akidah-akidah seseorang yang mana baru-baru ini muncul pula manusia yang mengaku nabi akhir zaman dan juga ada setengahnya pula menghalalkan darah Islam sesama Islam dan banyak lagi perkara-perkara yang menyeleweng dari ajaran-ajaran Islam yang sebenar yang dibawa oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang bertujuan mencari faedah untuk kepentingan sesuatu. Mungkin isu ugama ini akan menjadi-jadi dengan munculnya tarikh pilihanraya yang diumumkan semalam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini Kerajaan mestilah mengambil sikap yang tegas dan serius bagi menghentikan anasir-anasir tersebut bersesuaian dengan dasar Kerajaan yang berdasarkan bersih, cekap dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dalam merancang sesuatu adalah untuk menuju kebajikan kepada rakyat yang mana kepada Kementerian Pelajaran diucapkan syabas kerana mengadakan dasar pelajaran 3M yang mana akan membawa jenerasi dengan didikan yang berkesan dan daya pemikiran yang baik. Diharapkan 3M dapat berjalan mengikut program yang diatur dan juga pelajaran ugama di sekolah-sekolah rendah hendaklah diberi perhatian yang secukupnya. Sesuai dengan Titah Ucapan DiRaja yang mana di bidang profesional juga mendapat perhatian dan juga khususnya kepada Kementerian Pelajaran saya berharap supaya sama-sama menoleh ke belakang sejenak untuk mengingat cadangan-cadangan Kementerian ini yang belum dilaksanakan oleh Kementerian tersebut iaitu untuk kakitangan akademik universiti tempatan yang mana pengakuan dari Kementerian tersebut akan mengkaji semula gaji dan ganjaran bagi mereka.

Setahu saya memorandum dari naib-naib canselor universiti tempatan telah disampaikan kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Dari itu bilakah akan dibentang dan dilaksanakan? Sebab hal ini telah diberi jaminan oleh Menteri Pelajaran semasa Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam memegang jawatan tersebut dan di mana peralihan jawatan antara Yang Amat Berhormat Dato' Musa dengan Yang Berhormat Menteri Pelajaran sekarang yang mana perkara-perkara seperti inilah patut dikaji dan diberi perhatian yang utama, kata Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam, supaya kesimpulan perlu diperolehi bagi memastikan strategi dan sistem sekarang patut diubah, dan hal-hal ini juga adalah penting kerana dapat menyekatkan penghijrahan tenaga akademik dari universiti ke sektor-sektor yang lumayan pendapatannya dan bagi menjamin supaya seseorang akademik tidak lagi berpindah kerana demi mengejar ganjaran yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap kata mestilah dikota dan dilaksanakan. Kita tidak mahu Kerajaan baru, tahun pun baru tetapi masih ditakuk yang lama juga.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kesihatan, keadaan keseluruhannya kalau dibandingkan 10 - 20 tahun yang lalu, maka kesihatan rakyat sekarang adalah lebih baik dan terkawal tetapi masih ada lagi negeri-negeri yang kekurangan hospital bagi menempatkan dan memberi rawatan kepada pesakit-pesakit yang kian hari kian bertambah yang memerlukan rawatan dari doktor-doktor di hospital seperti negeri Trengganu di Daerah Ulu Trengganu masih belum mempunyai hospital. Hal ini ada cadangan tetapi pelaksanaannya masih belum wujud. Apakah sebabnya dilengah-lengahkan sedangkan tapak telah dibersihkan dengan memakan belanja sebanyak \$600,000. Adakah dengan membersihkan tapak ini sebagai melenakan pandangan dan harapan rakyat di daerah ini? Dari itu janganlah ditangguh-tangguhkan rancangan pembinaannya.

Begitu juga Hospital Besar, Kuala Trengganu, pembinaannya sedang berjalan tetapi sehingga sekarang belum siap dan kita harap akan siap di masa yang ditetapkan. Begitu juga kita masih kekurangan doktor pada keseluruhannya. Contohnya, di negeri Trengganu dengan penduduknya setengah juta lebih itu doktornya tak sampai 50 orang, sepatutnya melebihi daripada angka 70 orang. Jadi bagi mengatasi perkara ini patutlah Kementerian Kesihatan mengadakan dasar yang mana doktor yang bercuti hendaklah berkhidmat dengan Kerajaan dalam masa cuti dengan dibayar gaji mengikut persetujuan atau perundingan dari kedua pihak. Semoga dengan cara ini sekurang-kurangnya dapat diatasi dalam menambahkan perkhidmatan dari doktor. Dalam hubungan ini patut kita contohi Kerajaan Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi juadah yang dihidangkan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang menjadi rebutan dari rakyat jelata iaitu rancangan perumahan kos rendah. Ini adalah perkembangan dalam masalah perumahan, bukan menjadi masalah lagi, tetapi menjadi petanda kepada penyelesaian masalah yang bertimpa-timpa. Jika tidak dapat dikatakan jalan penyelesaian sekurang-kurangnya menjadi petanda kepada mustahaknya menyusuri jalan-jalan yang boleh menempatkan berbagai ragam kesulitan yang

menghalang rakyat jelata untuk mempunyai rumah, kerana masalah perumahan tidak putus-putus diperbincangkan di mana-mana sahaja sentiasa mendapat perhatian untuk cuba mengatasi rintihan tersebut. Dari itu pihak Kerajaan hendaklah menentukan supaya matlamat Dasar Ekonomi Baru bagi memiliki rumah di kalangan masyarakat majmuk dan berbilang kaum adalah adil dan dapat diatasi.

Demikian juga dasar Kerajaan dalam hak seseorang yang berjawatan dengannya atau dengan perbadanan yang mana dapat meminjam wang untuk membeli rumah atau membina rumah setelah lima tahun berkhidmat. Di dewan yang mulia ini, ingin saya berseru supaya Kementerian yang berkaitan mengkaji balik dan patut diubahsuai yang lima tahun itu dikurangkan kepada empat atau tiga tahun sahaja iaitu setelah seseorang itu tetap di dalam pekerjaannya atau jawatannya supaya mereka itu dapat memiliki rumah secepat mungkin kerana apabila sudah dapat kerja bererti sudah berdikari, apabila berdikari maka sewajarnya mereka itu mempunyai rumah untuk tempat kediaman sendiri. Juga pembinaan rumah-rumah kos rendah dan sederhana hendaklah diperbanyakkan lagi.

Dalam hubungan ini kepada bank-bank juga patutlah memberi kelonggaran supaya syarat-syarat pinjaman perumahan kepada mereka yang belum mempunyai rumah, jangan diambilkira sama ada mereka itu teruna, dara, duda atau janda yang ada anak atau tidak, asalkan mereka itu mempunyai pekerjaan atau pendapatan tetap, maka kemudahan meminjam untuk perumahan hendaklah diberikan oleh bank seratus peratus dari harga rumah yang hendak dibeli itu dengan mengikut kadar pendapatan masing-masing. Tidaklah sekadar 80% sahaja sebagaimana yang ditetapkan sekarang yang mana pinjaman 100% ini merupakan keperluan kepada seseorang yang belum mempunyai rumah. Apakah yang menjadi kebimbangan kepada bank sedangkan rumah dan tanah dibeli itu adalah menjadi cagaran atau gadaian kepada bank tersebut kerana dasar 80% itu adalah tidak mencukupi?

Tuan Yang di-Pertua, dari mana pula punca kewangan yang akan didapati sebanyak 20% itu lagi? Sedangkan kepada bumiputera yang berpendapatan rendah dan sederhana masih menghadapi tanggungjawab yang banyak yang terpaksa dipikul oleh mereka dan tidak terkejar oleh mereka untuk menyimpan wang bagi menambahkan harga yang 20% tersebut, sedangkan harga rumah kian hari kian bertambah meningkatkan harganya. Mungkin kerana berkehendakkan sesuatu seperti rumah dan lain-lain maka pegawai Kerajaan terlibat pula dengan rasuah dan sebagainya?

Tuan Yang di-Pertua, biarlah wujudnya bank-bank, khususnya Bank Bumiputra dan lain-lain institusi kewangan itu memberi kemudahan dan faedah kepada rakyat dengan dikenakan faedah yang sederhana oleh bank-bank yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong di atas usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan S. Subramaniam dan mengucapkan sekali lagi menjunjung kasih dan bersyukur serta tahniah di atas Titah Ucapan DYMM Seri Paduka Baginda.

Sebelum mengakhiri kata-kata ini saya ingin mengambil peluang mengucapkan syabas dan tahniah kepada kakitangan Kerajaan yang menjadi jentera dalam mengendalikan tugas masing-masing yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka dengan begitu dedikasi. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

7.19 mlm.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Fadzil bin Mahmood.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut mengucapkan terima kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 8hb Mac, yang lalu. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap di Dewan yang mulia ini.

Saya sungguh tertarik hati dengan Titah Ucapan Baginda yang menyentuh semua aspek dalam bidang penghidupan kita seharian. Baginda telah menegaskan bahawa

untuk memenuhi hasrat dan harapan rakyat, pentadbiran negara mestilah bersih cekap dan licin. Di sini saya mengalu sikap Kerajaan kita pada hari ini yang dipimpin oleh Dato Seri Dr Mahathir yang menganuti sikap bersih, cekap dan licin itu seperti yang dikehendaki oleh Baginda itu. Saya yakin dan percaya dengan sikap seperti yang dibawa oleh pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir ini akan mendapat sokongan dari semua lapisan masyarakat di negara ini dan Kerajaan yang dipimpin oleh Dato' Seri Dr Mahathir akan mencapai kejayaan yang lebih besar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sektor perindustrian saya menyeru kepada Kerajaan, sektor perindustrian ini, janganlah hanya ditumpukan kepada bandar-bandar besar sahaja, tetapi hendaklah ditumpukan kepada luar-luar bandar atau di negeri-negeri yang kurang maju supaya kemajuan dalam bidang ini dapat dirasakan oleh semua lapisan masyarakat di dalam negara ini. Kajian-kajian yang begitu serius patut dijalankan ke atas bahan-bahan pertanian yang dibuang begitu sahaja pada masa ini supaya boleh dijadikan sebagai bahan mentah. Dengan ini kilang-kilang yang boleh diproseskan bahan-bahan ini dapat didirikan di kawasan-kawasan pertanian atau di luar-luar bandar. Dalam sektor pertanian di utara Malaysia ini, maksud saya di Kedah dan Perlis dengan adanya rancangan perairan MUDA ini hasil petani telah meningkat dengan begitu pesat sekali. Taraf penghidupan petani turut berubah dan meningkat. Walaupun ada suara-suara sumbang yang menafikan kejayaan ini untuk tujuan parti mereka bagi mendapat kekuasaan, tetapi ditolak oleh petani-petani itu sendiri, subsidi baja dan padi telah dapat meringankan beban petani. Ini adalah nikmat dari Kerajaan kita yang direstui oleh Allah s.w.t., nikmat seperti ini patut mereka bersyukur kepada Allah yang memberinya kepada petani-petani yang saya maksudkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, ada golongan yang menganggap mereka sebagai orang Islam yang tulin dan kononnya telah dikategorikan sebagai ahli syurga telah menghasut petani-petani supaya menafikan nikmat-nikmat ini dan bukan setakat itu sahaja, tetapi menghasut petani-petani supaya menentang balik Kerajaan yang berusaha menghasilkan

nikmat-nikmat yang saya sebutkan tadi, tetapi syukur Alhamdulillah petani-petani ini telah sedar bahawa golongan ini ialah bertujuan untuk kepentingan mereka sendiri dan sanggup pula menggunakan agama dengan memesongkan fikiran rakyat dan kepentingan mereka yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Titah Baginda, semakin maju sesebuah negara maka semakin bertambahlah masalah dan cabaran yang dihadapinya. Saya suka mengambil peluang di sini mengesyorkan kepada Kerajaan supaya mengkaji semula kedudukan LPN itu sendiri. Saya syorkan supaya LPN iaitu Lembaga Padi dan Beras Negara diletakkan di bawah Kementerian Pertanian bukan di bawah Kementerian Perusahaan Awam seperti yang ada sekarang ini. Kalau dikaji sedalam-dalamnya, peladang yang mengeluarkan hasil padi itu sendiri adalah terlibat terus dengan Kementerian Pertanian. Tetapi hasil yang dikeluarkan oleh mereka itu atau oleh peladang itu dibeli dan dipasar oleh LPN yang duduknya di bawah Kementerian yang lain, dengan terletaknya LPN di bawah Kementerian Pertanian maka segala masalah yang timbul dari petani-petani dan LPN itu sendiri dapat diselaras dan diselesaikan dengan lebih mudah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin syorkan juga di sini supaya sistem subsidi padi mengikut pikul patut diubah kepada sistem subsidi mengikut keluasan tanah yang diusahakan oleh petani. Saya yakin dengan sistem ini pengendalian akan dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna dan juga penyelewengan pemberian subsidi dapat dielakkan. Di samping itu juga Akta Sewa-menyewa Tanah yang ada sekarang ini perlu dikaji semula supaya Akta ini betul-betul berjalan untuk menjaga kepentingan pengusaha-pengusaha tanah sewa sepertimana pada hari ini terdapat tekanan-tekanan daripada tuan-tuan tanah yang mengambil balik tanah-tanah atau menaikkan penyewaan yang tidak berpatutan. Ini berlaku kerana hasil subsidi padi dan baja yang diberi oleh Kerajaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh menyambung ucapan besok selama 14 minit.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Rabu, 24-3-1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.